

**KONFLIK MASYARAKAT DALAM DRAMA
AYAHANDA ADAPTASI DARIPADA NOVEL
AYAHANDA BERDASARKAN TEORI KONFLIK
MAX WEBER**

WAHIDURAFIE BIN JAFAR

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

KELANTAN

2024



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**KONFLIK MASYARAKAT DALAM DRAMA *AYAHANDA*
ADAPTASI DARIPADA NOVEL *AYAHANDA*
BERDASARKAN TEORI KONFLIK MAX WEBER**

**WAHIDURAFIE BIN JAFAR
(C20A1489)**

**Tesis yang dikemukakan adalah untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda
Pengajian Warisan Dengan Kepujian**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

FEBRUARI 2024

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

SULIT

Dari tarikh _____ sehingga _____

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

rafie

Tandatangan Pelajar

Sudirman

Tandatangan Penyelia

Nama Pelajar: Wahidurafie Bin Jafar

No. Kad Pengenalan: 000622080659

Tarikh: 13 Februari 2024

Nama Penyelia: **SUDIRMAN BIN KIFFLI**

Tarikh: **15 FEBRUARI 2024**

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat ilahi kerana limpah dan kurnia yang diberikan oleh-Nya dapat saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya meskipun pelbagai halangan dan cabaran yang dihadapi oleh saya sepanjang saya menyiapkan tugas ini.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya kerana banyak membantu saya memberikan nasihat, dorongan, dan wang ringgit dalam menyiapkan tugas ini. Oleh hal yang demikian, tanpa nasihat dan dorongan mereka, saya mungkin sukar untuk menyiapkan tugas ini kerana sokongan dan doa mereka merupakan kunci kejayaan saya pada hari ini. Sesungguhnya, sokongan yang diberikan oleh mereka merupakan suatu pembakar semangat kepada saya untuk menyiapkan tugas ini meskipun saya berpisah jauh dengan mereka. Walau bagaimanapun, semoga Allah S.W.T mengampuni dosa mereka berdua, sentiasa diberikan rezeki yang melimpah ruah dan berada di bawah naungan rahmat Allah S.W.T

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia tesis saya yang saya sanjungi dan kagumi iaitu Encik Sudirman Bin Kiffli yang banyak memberi tunjuk ajar dan semangat untuk saya menyiapkan tesis ini sehingga siap sepenuhnya. Rentetan itu, saya dengan rendah diri dan rasa hormat ingin mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada Encik Sudirman Bin Kiffli kerana sentiasa menegur kesalahan tesis dan memberikan cadangan yang sesuai kepada saya sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Lantaran itu, semoga Allah melimpahkan rezeki yang berlipat kali ganda kepada beliau dan semoga beliau sentiasa di bawah naungan rahmat Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

Wahidurafie Bin Jafar

13 Februari 2024

3 Syaaban 1445

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI GAMBAR	viii
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xiii
Bab 1: Pendahuluan	
1.0 Pengenalan Bab	1
1.1 Permasalahan Kajian	4
1.2 Persoalan Kajian	5
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Batasan Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Metodologi Kajian	8
1.6.1 Reka Bentuk Kajian	8
1.6.2 Kaedah Kajian	9
1.6.3 Kerangka Kajian	10
1.7 Organisasi Kajian	12
1.8 Kesimpulan Bab	14
Bab 2: Sorotan Kajian Lepas	
2.0 Pengenalan Bab	15
2.1 Sorotan Kajian Berkaitan Pengadaptasian Novel Ke Dalam Bentuk Visual	20
2.2 Sorotan Kajian Berkaitan Azizi Hj. Abdullah Dan Karyanya	20
2.3 Sorotan Kajian Berkaitan Drama <i>Ayahanda</i> Dan Novel <i>Ayahanda</i>	28
2.4 Sorotan Kajian Berkaitan Konflik	30
2.5 Kesimpulan Bab	35
Bab 3: Metodologi Kajian	
3.0 Pengenalan Bab	36
3.1 Reka Bentuk Kajian	36
3.2 Kaedah Dan Analisis Kajian	36
3.2.1 Kaedah Kepustakaan	37
3.2.1 Kaedah Carian Internet	37
3.2.3 Analisis Teks	37
3.2.4 Analisis Kandungan Filem	38

3.3 Teori Kajian	
3.3.1 Teori Konflik Max Weber	39
3.3.2 Kerangka Teori Konflik Max Weber	40
3.3.3 Penerangan Kepada Kerangka Teori Konflik Max Weber	40
a) Konflik Politik	41
I) Ketua	41
ii) Pengikut	42
b) Konflik Ekonomi	42
I) Kaya	43
ii) Miskin	44
c) Konflik Sosial	44
I) Kecil	45
ii) Besar	45
d) Konflik Agama	46
Bab 4: Analisis Dan Dapatan Kajian	
4.0 Pengenalan Bab	47
4.1 Mengenal Pasti Konflik Masyarakat Yang Terdapat Dalam Drama <i>Ayahanda</i> Dan Novel <i>Ayahanda</i>	47
4.1.1 Konflik Politik	48
A) Ketua	48
B) Pengikut	54
4.1.2 Konflik Ekonomi	55
A) Miskin	56
B) Kaya	60
4.1.3 Konflik Sosial	67
a) Kecil	67
b) Besar	75
4.1.4 Konflik Agama	78
4.2 Menganalisis Konflik Masyarakat Yang Terdapat Dalam Drama Dan Novel <i>Ayahanda</i> Menurut Teori Konflik Max Weber	86
4.2.1 Konflik Politik	86
A) Ketua	86
i) Konflik Seorang Imam Dengan Jemaah Masjid	87
ii) Konflik Pihak Kerajaan Dengan Jawatankuasa Masjid	88
B) Pengikut	90
i) Konflik Kariah Masjid Dengan Imam	91

iii)	Konflik Masyarakat Kampung Terhadap Pihak Kerajaan	93
iv)	Konflik Politik Antara Anak Dengan Bapa	94
4.2.2	Konflik Ekonomi	
a)	Miskin	95
i)	Konflik Ekonomi Bapa Atau Hj. Abdullah	96
ii)	Konflik Ekonomi Keluarga Kakak Limah	99
iii)	Konflik Ekonomi Abang Ahmad	102
iv)	Konflik Ekonomi Abang Ramli	103
b)	Kaya	104
i)	Konflik Ekonomi Watak Utama	105
ii)	Konflik Ekonomi Mazni	108
iii)	Konflik Ekonomi Rahayu	111
4.2.3	Konflik Sosial	
i)	Konflik Dalaman Bapa Atau Hj. Abdullah	112
ii)	Konflik Watak Utama Dengan Bapa Atau Hj. Abdullah	114
iii)	Konflik Watak Utama Dengan Adik-Beradiknya	117
iv)	Konflik Adik-Beradik Watak Utama Dengan Bapa Atau Hj. Abdullah	119
v)	Konflik Watak Utama Dengan Isteri Dan Anaknya	120
vi)	Konflik Watak Utama Dengan Bekas Kekasih	123
vii)	Konflik Bapa Atau Hj. Abdullah Dengan Emak Atau Noriah	124
viii)	Konflik Rahayu Dengan Hj. Abdullah	125
ix)	Konflik Adik-Beradik Dengan Masyarakat Kampung	126
4.2.4	Konflik Agama	
i)	Konflik Agama Berkaitan Tenaga Pengajar	127
ii)	KONFLIK AGAMA BERKAITAN JURUNIKAH	129
iii)	Konflik Agama Berkaitan Rumah Ibadat	130
iv)	Konflik Agama Melibatkan Perkahwinan	131
v)	Konflik Agama Di Rumah	132
4.3	Kesimpulan Bab	133

Bab 5: Kesimpulan	
5.0 Pengenalan Bab	134
5.1 Kesimpulan Kajian	134
5.2 Cadangan Kajian Kepada Pelbagai Pihak	135
5.2.1 Cadangan Kepada Orang Awam	135
5.2.2 Cadangan Kepada Pihak Kerajaan	136
5.2.3 Cadangan Kepada Pihak Industri	138
5.2.4 Cadangan Kepada Pengkaji-Pengkaji Lain	140
5.3 Rumusan Bab	141
Rujukan	142

SENARAI RAJAH

	KANDUNGAN	HALAMAN
Rajah 1:	Kerangka Teori Konflik yang memfokuskan konflik masyarakat	11
Rajah 2:	Kerangka Teori Konflik oleh Max Weber	40

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI GAMBAR

KANDUNGAN	HALAMAN
Gambar 1: Tangkap layar yang memaparkan babak anak-anak Hj. Abdullah menuntut Hj. Abdullah meletakkan jawatan	49
Gambar 2: Tangkap layar yang menunjukkan babak Mat Cin mengeluh kertas kerja permohonan masjid baru tidak diluluskan oleh pihak kerajaan	51
Gambar 3: Tangkap layar yang memaparkan Hj. Abdullah dan isterinya dimasukkan ke hospital akibat ditimpa alang masjid kerana masjid tersebut roboh	52
Gambar 4: Tangkap layar yang menunjukkan Hj. Kasim memberitahu Hj. Abdullah berkaitan peruntukan yang diberi oleh badan kebajikan Islam kerajaan untuk membina masjid baharu dan pemberian sagu hati kepada Hj. Abdullah	53
Gambar 5: Tangkap layar yang menunjukkan Noriah mengadu kepada Aziz bahawa rantai emasnya telah digadai oleh Hj. Abdullah atas tujuan pembelian penghawa dingin untuk kegunaan di masjid baharu	56
Gambar 6: Tangkap layar yang menunjukkan pertengkaran antara Kakak Limah dengan suaminya disebabkan suaminya menggunakan duit dapur untuk membeli makanan burung berbanding membeli beras untuk makanan nasi mereka sekeluarga	58
Gambar 7: Tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah sedang berbual dengan Ramli dan Ahmad yang menyatakan keadaan kewangan mereka pada masa kini	60
Gambar 8: Tangkap layar yang memaparkan babak Mazni yang sudi memberikan wangnya kepada Kakak Limah untuk membayar yuran tuisyen Bada	61
Gambar 9: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni berminat untuk membeli beg tangan berharga RM2000.00	62
Gambar 10: Tangkap layar ini memaparkan Aziz meminta Mazni untuk menjualkan pekasam Rahayu pada rakan-rakannya	62
Gambar 11: Tangkap layar yang memaparkan Kakak Limah menghadiri perjumpaan yang diadakan oleh Rahayu bagi membantu orang kampung dalam dunia perniagaan	63
Gambar 12: Tangkap layar yang menunjukkan Aziz memberitahu ayah dan emaknya berkaitan dirinya tidak mampu membelikan penghawa dingin	65
Gambar 13: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni memberitahu beg tangannya yang diberi oleh suaminya kepada rakan-rakannya	65
Gambar 14: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni meminta suaminya mempamerkan komputer ribanya untuk disiarkan di akaun media sosial Instagram milik dirinya.	66
Gambar 15: Tangkap layar ini menunjukkan babak pertengkaran antara anak-anak Hj. Abdullah dengan Hj. Abdullah berkaitan isu penutupan masjid	68
Gambar 16: Tangkap layar ini memaparkan babak Aziz telah berjumpa dengan kekasih lamanya sehingga membuatkan dirinya menjadi tidak keruan	69

Gambar 17: Tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah sedang berbual dengan Noriah tentang kemampuan Aziz memberikan penghawa dingin kepada Aziz	71
Gambar 18: Tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah memarahi Aziz kerana tidak pandai menjaga Hj. Abdullah	71
Gambar 19: Tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah berbual dengan Hj. Noriah tentang kekesalannya terhadap Hj. Abdullah yang mahu menjaga air muka Aziz	72
Gambar 20: Tangkap layar ini menunjukkan Mazni yang kebetulan tertembung dengan suaminya bersama-sama isteri barunya dan Hj. Abdullah ketika baru pulang dari Songkla, Thailand	74
Gambar 21: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni mencedarakan Aziz dengan menggunakan kaca yang pecah daripada pinggan yang dibalingnya	74
Gambar 22: Tangkap layar yang menunjukkan Noriah meninggalkan Hj. Abdullah sambil diperhati oleh Lebai Kasim yang kebetulan ingin melawat Hj. Abdullah	75
Gambar 23: Tangkap layar yang menunjukkan Hj. Abdullah berbual dengan Rahayu yang merupakan imbas kembali Rahayu pada masa dahulu	77
Gambar 24: Tangkap layar yang memaparkan Mat Rejab, Mat Cin dan Roslan meminta Hj. Abdullah melepaskan jawatan sebagai imam dan menutup masjid kerana faktor keuzuran masjid	78
Gambar 25: Tangkap layar yang memaparkan Majid memberikan surat layang kepada Hj. Abdullah yang ditemuinya semalam pada mimbar masjid	81
Gambar 26: Tangkap layar yang memaparkan babak Hj. Abdullah menyatakan pendiriannya untuk meletakkan jawatan imam dan kadi	81
Gambar 27: Tangkap layar yang menunjukkan Aziz, Rahayu dan Hj. Abdullah melakukan upacara pernikahan di salah satu masjid di Songkla, Thailand	84
Gambar 28: Tangkap layar yang menunjukkan Aziz hanya mampu berpandangan dengan anaknya apabila Hj. Abdullah bertanya berkaitan Al-Quraan di rumah	85
Gambar 29: Tangkap layar yang menunjukkan ahli jawatankuasa masjid telah menghantar beberapa kali kertas kerja agar diberi peruntukan oleh pihak kerajaan namun tidak dilayan oleh mereka.	88
Gambar 30: Tangkap layar yang menunjukkan Lebai Kasim memberitahu perihal masjid baharu akan dibina dan pemberian saguhati daripada pihak berkuasa kepada Hj. Abdullah	89
Gambar 31: Tangkap layar yang menunjukkan Hj. Abdullah mengeluh dengan jumlah kehadiran orang kampung yang datang berjemaah ke masjid	91
Gambar 32: Tangkap layar yang menunjukkan Majid memberikan surat layang kepada Hj. Abdullah dan memintanya agar bermuhasabah dengan surat tersebut	92
Gambar 33: Tangkap layar yang menunjukkan Hj. Abdullah marah dengan anak-beranakanya kerana meminta dia meletakkan jawatan	94

Gambar 34 : Tangkap layar yang memaparkan perbualan Aziz dengan Noriah ketika Noriah mengadu barang kemasnya dijual untuk membeli penghawa dingin	97
Gambar 35: Tangkap layar yang menunjukkan perbualan Hj. Abdullah dengan Noriah berkaitan penembusan barang kemas.	99
Gambar 36: Tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah marah kepada suaminya kerana lebih mementingkan burung daripada keluarganya namun suaminya kata burung ini adalah sumber rezeki keluarga mereka	100
Gambar 37: Tangkap layar yang memaparkan perbualan antara Mak Teh Kiah dengan Kakak Limah berkaitan aktiviti ekonomi baru Kakak Limah	100
Gambar 38: Tangkap layar yang menunjukkan suami Kakak Limah memberikan duit kepada Kakak Limah hasil menang judi burungnya	102
Gambar 39: Tangkap Layar yang menunjukkan Abang Ahmad sedang mengutip hasil buahnya di kebun miliknya	102
Gambar 40: Tangkap layar yang menunjukkan Abang Ahmad menceritakan kisah dirinya ditipu oleh syarikat yang menghentikannya	103
Gambar 41: Tangkap layar yang menunjukkan Abang Ramli berbual dengan Kakak Limah berkaitan dengan masalah kesihatan mak mentua Abang Ramli	104
Gambar 42: Tangkap layar yang menunjukkan Aziz berbual dengan Hj. Abdullah dan Noriah ketika baru pulang ke rumah kampung dengan menyatakan dia tidak dapat membeli penghawa dingin tersebut	107
Gambar 43: Tangkap layar ini merupakan perbualan antara Mak Teh Kiah, Hj. Abdullah dengan Aziz berkaitan penghawa dingin	108
Gambar 44: Tangkap layar adegan yang memaparkan Aziz yang meminta Mazni untuk menjualkan pekasam Rahayu pada rakan-rakannya	109
Gambar 45: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni memberitahu beg tangannya yang diberi oleh suaminya kepada rakan-rakannya	109
Gambar 46: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni meminta suaminya mempamerkan komputer ribanya untuk disiarkan di akaun media sosial Instagram milik dirinya.	110
Gambar 47: Tangkap layar menunjukkan Rahayu memberikan penerangan berkaitan ikan pekasam sambil dihadiri oleh Kakak Limah	112
Gambar 48: Tangkap layar yang menunjukkan Aziz bersama adik-beradiknya menasihatkan ayahnya meletakkan jawatan dan menutup masjid sedia ada dan berpindah ke masjid kampung sebelah	113
Gambar 49: Tangkap layar yang menunjukkan Hj. Abdullah berbual dengan Mazni berkaitan punca hubungan dia dengan Aziz renggang	116
Gambar 50: Tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah sedang berbual dengan Noriah tentang kemampuan Aziz memberikan penghawa dingin kepada Aziz	118
Gambar 51: Tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah memarahi Aziz kerana tidak pandai menjaga Hj. Abdullah	118
Gambar 52: Kakak Limah berbual dengan Hjh Noriah tentang kekesalannya terhadap Hj. Abdullah yang mahu menjaga air muka Aziz	120

Gambar 53: Tangkap layar ini menunjukkan Mazni yang kebetulan tertembung dengan suaminya bersama-sama isteri barunya dan Hj. Abdullah ketika baru pulang dari Songkla, Thailand	121
Gambar 54: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni bertanya kepada Aziz berkaitan Jamil	122
Gambar 55: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni mencedarakan Aziz dengan menggunakan kaca yang pecah daripada pinggan yang dibalingnya	122
Gambar 56: Tangkap layar yang menunjukkan Noriah meninggalkan Hj. Abdullah sambil diperhati oleh Lebai Kasim yang kebetulan ingin melawat Hj. Abdullah	124
Gambar 57: Tangkap layar yang menunjukkan Hj. Abdullah berbual dengan Rahayu yang merupakan imbas kembali Rahayu pada masa dahulu	125
Gambar 58: Tangkap layar yang menunjukkan Mat Rejab dan rakan-rakan mengusulkan pertukaran guru agama yang baharu	129
Gambar 59: Tangkap layar menunjukkan Mat Cin mencadangkan supaya masyarakat kampung mendirikan solat di masjid kampung sebelah	130
Gambar 60: Tangkap layar yang menunjukkan Mat Cin memberitahu bahawa peruntukan yang mereka mohon untuk banyak kali itu tidak diluluskan oleh pihak kerajaan	131
Gambar 61: Aziz, Rahayu dan Hj. Abdullah melakukan upacara pernikahan di salah satu masjid di Songkla, Thailand	132
Gambar 62: Tangkap layar yang menunjukkan Aziz hanya mampu berpandangan dengan anaknya apabila Hj. Abdullah bertanya berkaitan Al-Quraan di rumah	133

Konflik Masyarakat Dalam Drama *Ayahanda* Adaptasi Daripada Novel *Ayahanda* Berdasarkan Teori Konflik Max Weber

ABSTRAK

Pengadaptasian teks sastera ke dalam bentuk layar perak seperti filem atau drama siri merupakan sebuah medium yang terbaik dalam memudahkan masyarakat memahami dengan lebih mendalam kandungan yang terdapat dalam karya teks sastera tersebut. Namun begitu, timbul beberapa permasalahan kajian yang membuatkan kajian ini dijalankan seperti konflik agama yang melanda masyarakat, konflik dalam ahli keluarga disebabkan keegoan diri dan kurangnya pengadptasian karya sastera berkualiti ke bentuk layar perak. Oleh hal yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada mengenal pasti konflik masyarakat yang ditampilkan dalam drama dan novel *Ayahanda* dan menganalisis konflik-konflik yang telah dikenal pasti tersebut berdasarkan Teori Konflik yang dikembangkan oleh Max Weber pada tahun 1905. Seterusnya, reka bentuk kajian ini menggunakan kualitatif deskriptif dengan menggunakan beberapa kaedah seperti kaedah kepustakaan dan carian internet berserta menggunakan analisis teks dan analisis kandungan filem untuk mengumpul dan menganalisis data. Hasil dapatan kajian membuktikan terdapat pelbagai konflik masyarakat yang timbul dalam drama dan novel *Ayahanda* dan pengkaji telah membahagikan konflik-konflik tersebut kepada empat kategori iaitu konflik politik, konflik ekonomi, konflik sosial dan konflik agama. Oleh itu, sesebuah teks sastera amat penting untuk diadaptasi ke dalam bentuk layar perak agar memberi pemahaman yang jelas kepada masyarakat.

Kata kunci: adaptasi, drama, konflik, masyarakat

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Community Conflict in the Drama Ayahanda Adapted from Ayahanda Novel Based on Max Weber's Conflict Theory

ABSTRACT

The adaptation of a literary text into the form of screen such as a film or drama series is the best medium in facilitating the public to understand more deeply the content found in the literary text. However, there were some research problems that made this study to be carried out such as religious conflicts that hit the community, conflicts in family members due to selfishness and the lack of adaptation of quality literary works to the silver screen. Therefore, this study focuses on identifying the social conflicts featured in Ayahanda's drama and novels and analyzing the conflicts that have been identified based on the Conflict Theory developed by Max Weber in 1905. Next, the design of this study uses qualitative descriptive by using several methods such as printed material and internet searches as well as using text analysis and film content analysis to collect and analyze data. The results of the study prove that there are various social conflicts that arise in the drama and novel Ayahanda and the researcher has divided these conflicts into four categories, namely political conflict, economic conflict, social conflict and religious conflict. Therefore, a literary text is very important to be adapted into the form of a silver screen in order to give a clear understanding to the public.

Keywords: *adaptation, conflict, drama, community*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan Bab

Sejak dahulu lagi, proses mengadaptasi karya-karya sastera ke dalam layar perak telah giat dijalankan bagi memudahkan masyarakat memahami dengan lebih mendalam kandungan yang disampaikan oleh pengarang karya teks tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana kandungan yang terdapat dalam sesebuah karya tersebut memerlukan bantuan audio dan grafik bagi memantapkan penyampaian pengarang tersebut. Hal ini disebabkan tidak semua pemikiran pengarang dapat difahamkan melalui teks semata-mata. Oleh hal yang demikian, menurut Robert Stam (2017), adaptasi didefinisikan sebagai sebuah produk kreativiti artistik yang mengalami proses transformasi intertekstual teks kepada suatu bentuk lain dengan mengolah beberapa petikan teks agar difahami oleh masyarakat. Oleh sebab itu, terdapat beberapa novel yang telah diterjemahkan ke dalam bentuk filem seperti novel *Langit Petang* (1982) karya A. Samad Said, *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) karya Shahnnon Ahmad yang difilemkan dengan menggunakan tajuk yang sama pada tahun 1983 serta novel *Juara* (1978) yang difilemkan dengan tajuk *Jogho* pada tahun 1997. Sementara itu, filem-filem yang diadaptasi ini pada dasarnya menampilkan konflik-konflik masyarakat yang berlaku pada masa dahulu yang mampu dikaitkan dengan masyarakat masa kini jika dilihat secara mata halus.

Namun begitu, karya-karya sastera juga tidak ketinggalan dalam diterjemahkan atau diadaptasikan ke dalam bentuk drama siri. Hal ini dikatakan demikian kerana drama siri lebih mudah ditonton oleh masyarakat kerana dipaparkan di televisyen berbanding filem yang ditayangkan di pawagam. Hal ini dapat menjimatkan kos dan

masa penonton untuk melihat cerita tersebut kerana mereka tidak memerlukan perbelanjaan wang dan masa yang banyak untuk ke pawagam.

Malah, masyarakat akan lebih tertarik untuk menonton cerita tersebut dan dapat melihat cerita tersebut berulang kali bergantung kepada permintaan penonton seterusnya mewujudkan minat penonton untuk membaca novel tersebut. Hal ini dibuktikan dengan supertelefilem *Srengenge* (2017) yang diadaptasi daripada novel *Srengenge* (1973) karya Shahnnon Ahmad, drama bersiri *Kemboja Di Hati* (2016) yang diadaptasi daripada novel *Kemboja Di Hati* (2010) karya Ramlah Rashid dan drama *Tamu Di Bukit Kenny* (1980) yang diadaptasi dari drama skrip *Tamu Di Bukit Kenny* (1967) karya Usman Awang.

Rentetan itu, pengkaji telah tertarik untuk melakukan satu kajian terhadap sebuah drama yang pernah ditayangkan di TV3 iaitu drama *Ayahanda* (2017) arahan Ahmad Tamimi Siregar. Untuk pengetahuan umum, drama ini telah diadaptasi daripada novel *Ayahanda* (1997) karya Azizi Haji Abdullah yang mempunyai 13 episod keseluruhannya dan menggunakan kaedah adaptasi tertutup untuk menghasilkan drama bersiri ini. Seiring perubahan teknologi pada masa kini, pengadaptasian drama ini telah menambah dan membuang beberapa unsur dalam kandungan novel ini agar sesuai dengan keadaan semasa. Hal ini disebabkan novel ini dikarang pada penghujung tahun 1990an manakala drama ini dihasilkan pada tahun 2015.

Tindakan yang diambil oleh pengarah ini dilihat dipersetujui oleh Rohani Hashim (2015) yang mengatakan adaptasi tidak semestinya perlu mengikuti seratus peratus kandungan asal karya tersebut tetapi terdapat beberapa bahagian yang perlu mengalami penambahan, pengurangan, penajaman, pemesongan dan pertahanan agar drama atau filem itu seseuai dengan keadaan zaman.

Walau bagaimanapun, pengkaji mengkhususkan kajian ini kepada konflik masyarakat yang terdapat dalam drama tersebut dan dibandingkan dengan karya asal adaptasi drama tersebut. Oleh hal yang demikian, berdasarkan Kamus Dewan (2005), konflik didefinisikan sebagai sebuah perselisihan atau pertentangan antara individu, idea atau kepentingan manakala masyarakat pula didefinisikan sebagai kumpulan hidup manusia yang hidup bersama-sama dalam sebuah kawasan yang mempunyai penggunaan bahasa yang sama. Malah, menurut Timothy & Robbins (2008), konflik juga disimpulkan sebagai satu proses yang dibuat sengaja oleh individu tersebut dalam menghalang usaha yang dilakukan oleh orang lain dalam pelbagai bentuk halangan yang membuat orang lain berputus asa dalam usaha untuk mencapai matlamat yang diinginkan atau menyedari minatnya.

Kemudian, menurut Cambridge University Press (1995) menyatakan bahawa masyarakat sebagai sekumpulan manusia yang tinggal di satu kawasan tertentu atau orang yang dianggap sebagai satu unit pertempatan yang mempunyai kepentingan bersama, kumpulan sosial, atau kewarganegaraan mereka.

Justeru itu, kajian kali ini menumpukan kepada kajian berkaitan konflik masyarakat yang terdapat dalam drama dan novel *Ayahanda*.

1.1 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian merupakan isu, kontroversi atau keprihatinan yang khusus yang menjadi punca kepada seseorang pengkaji menghasilkan penyelidikan disebabkan permasalahan yang timbul tersebut penting dan mampu memberi nilai titik tambah kepada apa yang telah diketahui mengenai masalah yang hendak dikaji serta sekaligus memberi manfaat kepada komuniti yang menerima impak daripada kajian ini. (Cresswell, 2012).

Lantaran itu, wujud beberapa permasalahan kajian yang menyebabkan kajian ini dijalankan iaitu kelahiran perbezaan pendapat dalam masyarakat Islam berkaitan agama Islam. Terdapat masyarakat Islam hari ini membesar dengan pengetahuan agama Islam yang rendah dan tinggal dalam persekitaran tidak mesra syariat yang hanya berlandaskan kepada sains dan logical semata-mata. Hal ini menyebabkan wujud dua pecahan golongan yang mengeluarkan pendapat berkaitan agama yang menyebabkan masyarakat keliru dengan pendapat mana yang tepat untuk diikuti. Pernyataan ini disokong oleh Nur Azuki Yusuff (2015) yang menyatakan pendidikan dan persekitaran sosial tidak sihat menyumbang kepada salah faham agama dalam ahli masyarakat.

Selain itu, terdapat juga konflik yang melibatkan keluarga yang berpunca daripada pergaduhan yang timbul antara ahli keluarga akibat keegoan diri ahli keluarga masing-masing. Hal ini berlaku disebabkan terdapat sikap ahli keluarga yang merasakan diri mereka seorang ketua maka semua ahli keluarga perlu mengikuti pendapat dirinya. Hakikatnya, perkara ini bertentangan dengan pewujudan keluarga harmoni yang sebenar kerana keamanan dan keharmonian sesebuah keluarga bergantung kepada penggunaan komunikasi yang tepat dan sebenar. Oleh hal yang demikian, Aziyah Abu Bakar (2015) turut menyokong dengan menyatakan komunikasi dalam keluarga memainkan peranan penting dalam menentukan keharmonian atau tidak dalam sesebuah keluarga.

Seterusnya, kajian ini dilaksanakan bagi menimbulkan minat para pengarah dan penerbit untuk menghasilkan lebih banyak drama atau filem adaptasi novel yang berkualiti. Ini disebabkan terdapat drama atau filem yang diadaptasi daripada novel hari ini hasil daripada novel-novel yang tidak berkualiti. Hal ini turut disokong oleh Norhidayu Kasim (2006) yang memberikan pendedahan berkaitan filem adaptasi daripada novel berkualiti di Malaysia dari tahun 1950 hingga 2005 menunjukkan jumlah yang sedikit sahaja iaitu hanya terdapat sembilan buah filem sahaja pada masa itu.

1.2 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang timbul dalam kajian ini bagi mencapai sasaran kajian ini.

1. Apakah konflik masyarakat yang ditampilkan dalam drama *Ayahanda* dan novel *Ayahanda*?
2. Apakah konflik masyarakat yang terdapat dalam drama *Ayahanda* dan novel *Ayahanda* menurut Teori Konflik Max Weber?

1.3 Objektif Kajian

Oleh hal yang demikian, terdapat dua objektif kajian ditampilkan dalam kajian ini bagi memastikan kajian ini mempunyai hala tuju yang jelas.

1. Mengenal pasti konflik masyarakat yang ditampilkan dalam drama *Ayahanda* dan novel *Ayahanda*.
2. Menganalisis konflik masyarakat yang terdapat dalam drama *Ayahanda* dan novel *Ayahanda* menurut Teori Konflik Max Weber.

1.4 Batasan Kajian

Untuk pengetahuan umum, kajian ini telah membataskan kajian ini dengan mengkaji drama *Ayahanda* (2017) dan novel *Ayahanda* (1997) dengan melakukan perbandingan konflik masyarakat dalam kedua-dua medium sastera moden tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana plot cerita yang dibawa oleh pengarah dan pengarang ini dilihat sedikit berat untuk difahami namun penggunaan kedua-dua sumber kajian ini telah memudahkan pengkaji untuk menangkap konflik-konflik masyarakat yang terdapat dalam kedua-dua karya ini. Selain itu, penggunaan bahasa yang dipakai oleh kedua-dua pencipta filem dan novel ini juga merupakan bahasa yang digunakan oleh masyarakat sehari-hari yang membuatkan kandungan cerita tersebut mudah dibaca dan ditonton untuk dihadamkan konflik masyarakat yang diselitkan dalam kedua-dua medium penyampaian tersebut. Akhir sekali, penggunaan grafik dan audio yang menarik digunakan dalam drama tersebut memudahkan pengkaji untuk melihat tingkah laku dan pengucapan yang disampaikan berkaitan konflik masyarakat.

Seterusnya, pengkaji juga telah menghadkan kajian kepada satu penggunaan teori sahaja iaitu Teori Konflik yang dikembangkan oleh Max Weber. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah merujuk beberapa buku dan esei yang dihasilkan oleh Max Weber bagi memudahkan pengkaji menganalisis konflik masyarakat dengan lebih baik menggunakan teori konflik yang diperkenalkan oleh beliau iaitu buku *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism* (1905), buku *Economy and Society: An Outline of Interpretive Sociology* (1922), buku *Basic Concepts in Sociology* (1922), buku *Sociology of Religion* (1920) dan esei *Politics as a Vocation* (1919).

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dijalankan bagi membuka sebuah kajian tentang karya-karya sastera khususnya karya Azizi Haji Abdullah dalam aspek konflik seperti novel *Ayahanda* yang telah diterjemahkan ke dalam drama siri televisyen. Ini disebabkan kesedaran yang cuba disampaikan oleh Azizi Haji Abdullah di dalam novel tersebut amat penting untuk diamati dan diambil pengajaran khususnya kita dalam hidup bermasyarakat. Oleh hal yang demikian kajian seperti ini dapat membuka mata pengarah drama seperti Ahmad Tarmimi Serigar untuk menghasilkan drama yang beradaptasi daripada novel.

Selain itu, pengkaji juga ingin menampilkan kepada orang awam tentang konflik-konflik yang terdapat di dalam drama tersebut untuk dijadikan iktibar dan penambahbaikan dalam kita dalam hidup bersama keluarga dan masyarakat. Konflik-konflik yang berlaku dilihat sering berulang bagi setiap generasi demi generasi yang memerlukan perubahan dan sentuhan baru kepada masyarakat untuk bertindak bijak dalam menghadapi setiap konflik yang tercetus. Jika perkara ini diambil sambil lewa pengkaji bimbang perkara ini akan terus berlaku sehingga kepada generasi akan datang.

Seterusnya, kajian ini dibuat bagi menjadi rujukan kepada para ilmiah lain untuk mengkaji novel *Ayahanda* berdasarkan aspek konflik. Perkara ini penting kerana kajian yang lebih banyak terhadap karya-karya yang berkualiti seperti Azizi Haji Abdullah mampu memperhebatkan seni penulisan penulis-penulis di Malaysia. Penaiktarafan penulisan amat penting kerana karya-karya ini mampu menjadi rujukan kepada penulis-penulis luar dan kemungkinan karya-karya tersebut diterjemah kepada bahasa-bahasa mereka.

Di samping itu, kajian ini juga dilaksanakan bagi menambah lagi kajian-kajian tentang bidang sastera. Ini disebabkan kajian dalam bidang sastera dilihat kurang

mendapat sambutan berbanding kajian dalam bidang sains. Sekiranya kajian-kajian dalam bidang ini tidak mendapat sambutan maka pihak kerajaan juga akan mengambil sikap sambil lewa terhadap bidang tersebut maka peruntukan terhadap bidang tersebut diabaikan oleh pihak mereka.

Selain daripada itu, kajian ini juga dibuat bagi memberi ruang kepada para pelajar universiti untuk menambah pengetahuan tentang karya-karya Azizi Haji Abdullah khususnya dalam aspek konflik. Para pelajar juga akan lebih mudah untuk mendapat maklumat tentang novel ini jika mereka diberi tugas berkaitan novel tersebut. Hal ini secara tidak langsung merencanakan lagi aktiviti kajian dalam bidang sastera di universiti awam dan swasta.

1.6 Metodologi Kajian

Berdasarkan Kamus Dewan (2007), metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang diaplikasikan dalam sesebuah kajian. Rentetan itu, reka bentuk kajian akan dijelaskan dalam bahagian ini bersama-sama dengan kaedah dan analisis kajian yang membantu kajian ini dijalankan.

1.6.1 Reka Bentuk Kajian

Pengkaji telah menggunakan kerangka kualitatif bersifat deskriptif sebagai reka bentuk kajian ini disebabkan kajian ini hanya menumpukan kepada teks sastera semata-mata tanpa mengambil kira responden. Selain itu, reka bentuk ini digunapakai oleh pengkaji kerana pengkaji tidak menyediakan borang soal selidik dan tidak turun ke lapangan untuk menemu bual informer bagi mendapatkan maklumat dan data berkaitan kajian ini.

1.6.2 Kaedah Kajian

Selain itu, terdapat juga beberapa kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk membantu kajian ini berjalan dengan lancar iaitu kaedah kepustakaan. Pengkaji menggunakan kaedah ini disebabkan pengkaji ingin mencari definisi dan beberapa maklumat tambahan yang tidak terdapat pada internet. Oleh hal yang demikian, pengkaji mengambil inisiatif dengan pergi ke Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan untuk menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat sebagai sumber rujukan untuk mencari definisi bagi sesebuah perkataan.

Di samping itu, pengkaji juga menggunakan kaedah carian internet untuk mencari maklumat yang lebih terperinci berkaitan kajian terhadap novel dan drama *Ayahanda* termasuk kajian terhadap karya Azizi Haji Abdullah dan kajian berkaitan teori konflik. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak terdapat buku yang mengkaji secara khusus tentang perkara-perkara yang dinyatakan tersebut. Oleh sebab itu, pengkaji mencari maklumat di Google Scholar dan Discol UMK bagi melihat kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh pelbagai pihak berkaitan kajian dilakukan pengkaji. Menerusi kedua-dua enjin carian tersebut, pengkaji telah merujuk makalah, jurnal, dan tesis untuk melihat kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh para sarjana.


Seterusnya, pengkaji juga menggunakan analisis teks untuk mengkaji novel *Ayahanda* dengan lebih mendalam bagi melihat konflik masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut. Penggunaan analisis ini digunakan dalam kajian ini kerana pengkaji menggunakan novel *Ayahanda* bagi membantu pengkaji mencari konflik yang terdapat dalam drama *Ayahanda*. Hal ini disebabkan

drama ini mengadaptasi secara tertutup teks novel *Ayahanda* ke dalam drama *Ayahanda* tersebut.

Seiring perkembangan teknologi masa kini, pengkaji juga menggunakan analisis kandungan filem bagi mengenal pasti dan menganalisis konflik masyarakat yang terdapat dalam drama tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian ini melibatkan penggunaan grafik dan audio yang digunakan oleh pengarah dalam menggambarkan situasi yang terdapat dalam novel tersebut. Hal ini disebabkan, konflik yang ditulis dalam novel tersebut memerlukan penerjemahan ke dalam bentuk visual untuk difahami oleh pembaca novel tersebut. Malah, pengarah juga telah menambah beberapa konflik masyarakat agar bersesuaian dengan jalan cerita disebabkan tidak semua konflik masyarakat dapat ditonjolkan melalui teks semata-mata.

1.6.3 Kerangka Kajian

Kerangka kajian merupakan aspek penting bagi memberi penerangan terperinci berkaitan kajian yang dilakukan oleh pengkaji terutama dari segi teori yang digunakan oleh pengkaji bagi membantu pengkaji mencapai objektif kajian. Oleh sebab itu, pengkaji menggunakan Teori Konflik daripada Max Weber kerana teori beliau dilihat bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai dalam kajian.



Rajah 1: Kerangka Teori Konflik yang memfokuskan konflik masyarakat

Oleh hal yang demikian, rajah di atas merupakan kerangka kajian yang mana pengkaji telah memecahkan konflik yang terdapat dalam drama ini kepada tiga aspek iaitu konflik politik yang menyentuh terus berkaitan konflik imam dengan jemaah di surau, konflik ekonomi berkaitan perbezaan gaya hidup orang miskin dan orang kaya dan konflik sosial berkaitan konflik keluarga dan kariah masjid yang berlaku di kampung tersebut.

Menurut Max Weber (2015), konflik yang teretus bukan sahaja daripada faktor ekonomi semata-mata namun terdapat faktor lain iaitu politik dan sosial yang memberi kesan kepada perpaduan dan menghilangkan nilai-nilai murni dalam diri manusia disebabkan ketinggian darjat dan kehormatan sehingga membawa kepada kelas-kelas tersendiri yang bukan disebabkan perbezaan pendapatan kehidupan semata-mata.

1.7 Organisasi Kajian

Bab satu, terdapat tujuh bahagian yang terdapat di dalam bab ini iaitu pengenalan yang membicarakan secara ringkas tentang pengadaptasian novel ke dalam bentuk visual sama ada dalam bentuk filem, drama siri atau drama pentas di Malaysia termasuk definisi konflik serta penerangan serba sedikit berkaitan kajian yang ingin dijalankan termasuk penggunaan teori. Selain itu, terdapat permasalahan kajian yang menceritakan tentang masalah-masalah utama yang menyebabkan kajian ini dijalankan. Seterusnya, objektif kajian juga turut dibincangkan di dalam bab ini bagi menjadi panduan kepada pengkaji untuk mencapai matlamat kajian pengkaji. Di samping itu, skop dan batasan kajian membincangkan tentang penggunaan teori, jenis konflik, dan sumber yang dirujuk sebagai bahan utama kajian. Terdapat juga kepentingan kajian yang membincangkan manfaat kajian ini kepada orang awam secara keseluruhan. Malah terdapat juga metodologi kajian yang dipecahkan kepada dua bahagian iaitu kaedah yang digunakan dan penerangan penggunaan teori secara ringkas. Bab ini berakhir dengan organisasi kajian yang membincangkan bab satu sehingga bab lima.

Bab dua, pengkaji telah membincangkan beberapa sorotan kajian lepas berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah membahagikan perbincangan sorotan kajian lepas kepada empat aspek iaitu sorotan kajian berkaitan pengadaptasian novel ke dalam bentuk visual, sorotan kajian berkaitan Azizi Haji Abdullah, sorotan kajian berkaitan novel *Ayahanda* dan drama *Ayahanda* serta sorotan kajian berkaitan konflik. Pembahagian perbincangan ini amat penting bagi menjelaskan secara terperinci pengumpulan data dan maklumat kajian yang dilakukan oleh pengkaji bagi membantu pengkaji mendapat informasi yang lebih banyak berkaitan kajian. Sorotan-sorotan kajian lepas ini dicari secara keseluruhannya di Google Scholar dan Discol UMK.

Bab tiga, kajian lebih menumpukan kepada metodologi kajian. Di dalam bab ini, pengkaji telah membahagikan kepada pengenalan ringkas, kaedah kajian, analisis kajian, teori kajian serta kerangka teori kajian. Di dalam bahagian pengenalan ringkas, pengkaji menceritakan serba sedikit tentang beberapa perkara yang diletakkan dalam bab tiga ini. Sementara itu, di dalam kaedah kajian dan analisis kajian, pengkaji telah memecahkan masing-masing kepada dua bahagian iaitu kaedah kepustakaan, kaedah carian internet, analisis teks dan analisis visual. Seterusnya, pengkaji juga menerangkan secara terperinci tentang teori kajian iaitu teori konflik daripada Max Weber dan kemudiannya menjelaskan secara spesifik tentang kerangka teori konflik keluaran Max Weber yang merangkumi politik, ekonomi dan sosial.

Bab empat, kajian menumpukan kepada analisis dan dapatan kajian. Di dalam bahagian ini pengkaji akan menganalisis kajian menggunakan analisis teks dan analisis visual dengan dibantu oleh teori konflik Max Weber. Selain itu, pengkaji juga akan menggunakan bab ini untuk mencapai objektif kajian iaitu mengenalpasti dan menganalisis konflik masyarakat yang terdapat di dalam drama dan novel *Ayahanda*. Sementara itu, pengkaji akan memberi contoh-contoh yang tepat dan bersesuaian dengan kajian yang dijalankan iaitu konflik masyarakat. Seterusnya, pengkaji akan menghuraikan satu-persatu konflik masyarakat yang terdapat di dalam kedua-dua bahan tersebut merangkumi politik, ekonomi dan sosial.

Bab lima, pengkaji akan menjustifikasikan kesimpulan dengan menyimpulkan secara keseluruhan kajian dan memastikan segala perkara dicapai dan digunakan sebaik mungkin supaya kajian ini dapat menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji masa hadapan yang berminat untuk mengkaji tentang novel *Ayahanda* atau drama *Ayahanda*.

1.8 Kesimpulan Bab

Secara keseluruhannya di dalam bab ini, terdapat beberapa perkara yang dibincangkan bermula daripada pengenalan kajian yang menceritakan serba sedikit kajian yang ingin dilakukan meliputi beberapa perkara seperti teori yang digunakan, definisi adaptasi dan konflik, penggunaan drama dan novel serta asal-usul pengadaptasian novel ke dalam bentuk visual di Malaysia.

Selain itu, perbincangan objektif, permasalahan, kepentingan, metodologi serta skop dan batasan kajian turut dibahaskan bagi memberi gambaran awal tentang kajian yang ingin dilakukan sebelum menganalisis dan mendapatkan maklumat daripada dalam drama tersebut. Rangka ini penting bagi memudahkan kajian dilakukan dan kajian tersebut tidak akan lari dari garis kajian yang ditetapkan.

Oleh itu, diharapkan dengan siapnya bab satu ini maka bab ini akan membantu pengkaji untuk terus menumpukan bab-bab yang seterusnya terutama bab empat kerana bab empat merupakan hasil akhir bagi kajian ini dilaksanakan. Oleh hal yang demikian, bab satu merupakan bab yang penting bagi menjadikan kajian ini dapat dilakukan dengan jayanya.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan Bab

Sorotan kajian merupakan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh para sarjana yang mahir dalam bidang-bidang tertentu. Sorotan kajian ini merangkumi tesis, jurnal dan makalah yang dirujuk dalam internet menggunakan enjin carian seperti Google Scholar dan Discol UMK. Oleh yang demikian, kajian-kajian lepas yang telah dirujuk oleh pengkaji tersebut telah pengkaji pecahkan kepada empat bahagian bagi mengklasifikasikan mengikut kesesuaian kajian ini iaitu sorotan kajian berkaitan pengadaptasian novel ke dalam bentuk visual, sorotan kajian berkaitan Azizi Haji Abdullah, sorotan kajian berkaitan novel dan drama *Ayahanda* dan sorotan kajian berkaitan teori konflik.

2.1 Sorotan Kajian Berkaitan Pengadaptasian Novel Ke Dalam Bentuk Visual

Terdapat beberapa kajian lepas yang dirujuk oleh pengkaji berkaitan pengadaptasian novel ke dalam bentuk visual bagi membantu pengkaji memahami dengan lebih mendalam berkaitan definisi, proses, jenis dan bentuk adaptasi serta jenis visual yang digunakan untuk mengadaptasi novel tersebut. Oleh yang demikian, pengkaji telah merujuk beberapa jurnal, makalah dan tesis berkaitan dengan novel yang diadaptasi ke dalam bentuk filem dan drama.

Antaranya, sebuah jurnal yang ditulis oleh Hani Salwah Yaakup yang dikeluarkan pada tahun 2018 dengan tajuk jurnalnya iaitu *Tombiruo: Adaptasi Novel Ke Filem dan Representasi Kepercayaan Setempat*. Jurnal ini dilakukan disebabkan masyarakat mendapati filem ini gagal untuk mengadaptasi secara menyeluruh

keseluruhan cerita asal yang terdapat dalam cerita tersebut dan berlaku ketidaktepatan mengangkat representasi budaya setempat. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan membincangkan representasi budaya setempat yang terdapat dalam novel dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*. Di samping itu, metodologi kajian yang digunakan dalam jurnal ini ialah kualitatif bersifat deskriptif dengan membandingkan elemen naratif dan watak perwatakan yang terdapat pada novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* (1998) dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* (2017). Seterusnya, skop kajian ini menumpukan kepada dua sumber rujukan sahaja iaitu novel *Tombiruo: Penunggu Rimba* (1998) dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba* (2017). Oleh itu, hasil dapatan kajian mendapati terdapat tiga elemen utama kepercayaan masyarakat Kadazan-Dusun yang diselitkan dalam kedua-dua karya tersebut iaitu wujud kepercayaan tentang keburukan membawa kepada 'kepanasan'dunia spiritual masyarakat Kadazan-Dusun, kepentingan orang tengah (bobolian) dalam upacara spiritual dan perkaitan kehidupan masyarakat Kadazan-Dusun dengan Gunung Kinabalu. Justeru, kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji iaitu kajian terhadap pengadaptasian novel ke dalam bentuk visual dan menggunakan metodologi kajian yang sama namun mempunyai perbezaan dari segi jenis filem dan novel yang dikaji kerana pengkaji menganalisis drama dan novel *Ayahanda* berbanding kajian ini yang memfokuskan berkaitan dengan novel dan filem *Tombiruo: Penunggu Rimba*.

Selain itu, pengkaji juga telah merujuk sebuah makalah yang ditulis oleh Nur Nafishah Azmi, Rohani Hashim dan Rahimah A. Hamid yang bertajuk *Kesetiaan Kepada Teks: Dari Novel Ke Filem Ranjau Sepanjang Jalan* tahun 2012. Makalah ini dijalankan kerana pengarah masa kini tidak mengadaptasi secara keseluruhan kandungan novel tersebut ke dalam filem yang dibikin mereka. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini ialah mengenalpasti dan menganalisis kesetiaan teks *Ranjau*

Sepanjang Jalan terhadap filem *Ranjau Sepanjang Jalan*. Rentetan itu, rekabentuk kualitatif bersifat deskriptif digunakan dalam makalah ini bagi melakukan perbandingan antara dua sastera moden tersebut. Walau bagaimanapun, kajian ini membataskan kajian kepada dua penggunaan bahan kajian iaitu filem *Ranjau Sepanjang Jalan* (1983) dan novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966). Konklusinya, hasil dapatan kajian mendapati filem ini berjaya memasukkan gaya bahasa dan penyampaian novel ke dalam dialog watak-watak dalam filem tersebut sehingga penonton dapat merasai emosi yang disampaikan oleh pelakon tersebut. Oleh itu, makalah ini mempunyai persamaan dalam mengkaji novel adaptasi bentuk visual namun mempunyai perbezaan dari segi filem dan drama yang dikaji disebabkan pengkaji memfokuskan kepada drama dan filem *Ayahanda*.

Seterusnya, pengkaji juga telah membaca makalah yang dihasilkan oleh Wan Hasman Wan Teh dan Md. Salleh Yaapur yang bertajuk *Pandangan S. Othman Kelantan Dan U-Wei Haji Shaari Terhadap Masyarakat Melayu Kelantan Dan Patani: Adaptasi Daripada Novel Juara Kepada Filem Jogho* (2015). Makalah ini ditimbulkan disebabkan wujud perbezaan pandangan antara U-Wei Haji Shaari selaku pengarah filem *Jogho* dengan S. Othman Kelantan selaku pengarang novel *Juara* dalam menyampaikan kandungan cerita kepada masyarakat. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini ialah mengkaji dan menganalisis perbezaan pandangan yang terdapat dalam kandungan filem dan novel tersebut. Sementara itu, reka bentuk kajian ini ialah kualitatif bersifat deskriptif dan menggunakan teori adaptasi yang diperkenalkan oleh Klein dan Parker pada tahun 1981 yang mana teori ini dipecahkan kepada beberapa bahagian iaitu terjemahan dasar yang mengekalkan kesetiaan terhadap karya asal, tafsiran semula dengan mengekalkan struktur asas naratif atau dalam keadaan tertentu meleraikan karya asal dan menjadikan karya asal hanya sebagai bahan mentah untuk

menghasilkan karya baharu., kajian ini membataskan kajian kepada menggunakan dua sumber sahaja iaitu filem *Jogho* (1997) dan novel *Juara* (1987) sebagai sumber kajian makalah ini. Oleh itu, hasil dapatan kajian mendapati bahawa U-Wei Haji Shaari telah melakukan beberapa rombakan terhadap karya asal yang dihasilkan S.Othman Kelantan dari segi watak dan adegan agar menghasilkan sebuah karya bertafsiran baru. Namun begitu, terdapat beberapa elemen yang masih dikekalkan oleh beliau seperti latar tempat dan masa serta tema yang digunakan dalam novel tersebut. Justeru, makalah ini dilihat mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji iaitu mengkaji novel yang diadaptasi ke dalam bentuk visual namun mempunyai perbezaan dari segi novel dan filem yang dikaji.

Di samping itu, pengkaji juga telah membaca sebuah tesis yang dihasilkan oleh Wan Hasmah Wan Teh yang bertajuk *Proses Adaptasi: Kajian Lapan Karya Terpilih Dari Malaysia Dan Indonesia* (2014). Tesis ini diwujudkan kerana filem adaptasi sering mengabaikan konsep 'kesetiaan' terhadap teks karya asal. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini ialah mengkaji dan menganalisis perbezaan yang terdapat dalam novel dan filem adaptasi tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini membataskan kepada lapan buah filem adaptasi sahaja iaitu *Langit Petang* (1982), *Ranjau Sepanjang Jalan* (1983), *Mira Edora* (1990), *Jogho* (1997), *Salah Asuhan* (1972), *Badai Pasti Berlalu* (1977), *Ayat-Ayat Cinta* (2008), dan *Laskar Pelangi* (2008). Kemudian, reka bentuk kajian yang digunakan dalam tesis ini ialah kualitatif bersifat deskriptif dan mengaplikasi beberapa kaedah adaptasi yang telah dianjurkan oleh sarjana Barat seperti Morris Beja, Geoffrey Wagner, Michael Klein dan Gillian Parker, Dudley Andrew, dan McFarlane. Tuntasnya, hasil dapatan kajian mendapati pengarah filem telah mengubahsuai akhiran cerita yang terdapat pada karya asal untuk diadaptasi ke dalam filem dan wujud pengklasifikasian filem adaptasi seperti longgar, pertengahan dan setia

yang menentukan kejayaan atau kegagalan filem dalam menarik sambutan penonton terhadap filem adaptasi.

Kemudian, pengkaji juga telah merujuk sebuah kajian yang dijalankan oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid dan Md. Salleh Yaapa yang bertajuk *Adaptasi Teks Hikayat Merong Mahawangsa Kepada Filem: Analisis Perbandingan Unsur Naratif* (2015). Kajian ini dilakukan bagi membuat perbandingan antara filem *Hikayat Merong Mahawangsa* dengan teks asalnya dari aspek unsur naratif yang merangkumi plot, watak, latar, gaya penulisan dan tema dalam melihat persamaan dan perbezaan antara dua karya tersebut. Permasalahan kajian ini ialah kurangnya kefahaman terhadap pemikiran yang terdapat pada pengarah dan penulis skrip dalam melakukan adaptasi teks hikayat tersebut ke dalam filem bagi memvariasi genre filem Melayu di dalam industri filem negara. Dari segi penggunaan teori, teori adaptasi Desmond dan Hawkes telah digunakan dalam kajian ini. Selain itu, kajian ini telah menggunakan beberapa kaedah seperti kepustakaan, temu bual, analisis teksual dan pencarian maklumat dalam internet. Seterusnya, reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah campuran yang mana berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Di samping itu, batasan kajian ini menumpukan kepada dua sumber sahaja iaitu teks *Hikayat Merong Mahawangsa* dan filem *Hikayat Merong Mahawangsa*. Secara ringkasnya, hasil dapatan kajian mendapati penulis skrip dan pengarah filem telah mengadaptasi hikayat tersebut ke dalam filem menggunakan adaptasi longgar disebabkan terdapat beberapa perkara dibuang dan ditambah agar jalan cerita menarik dan berkesan kepada penonton. Justeru, kajian ini memfokuskan kepada kajian pengadaptasian hikayat kepada bentuk filem manakala pengkaji memfokuskan kepada kajian pengadaptasian novel kepada bentuk drama. Walau bagaimanapun, pemfokusan kajian terhadap pengadaptasian teks sastera kepada bentuk visual mempunyai persamaan dengan pengkaji.

2.2 Sorotan Kajian Berkaitan Azizi Haji Abdullah Dan Karyanya

Selain itu, pengkaji juga telah merujuk beberapa kajian lepas yang membincangkan tentang Azizi Haji Abdullah dan karyanya. Antara kajian-kajian lepas yang dirujuk oleh pengkaji ialah sebuah tesis yang bertajuk *Novel-Novel Terpilih Karya Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekskualiti* yang dikarang oleh Nursham Abdul Aziz pada tahun 2015. Tesis ini membincangkan tentang aspek-aspek dalaman yang digunakan oleh pengarang novel tersebut terhadap karya-karya beliau. Oleh yang demikian, permasalahan yang timbul sehingga wujudnya tesis ini kerana Azizi Haji Abdullah lebih berminat melakukan penyelidikan dan merujuk novel-novel sebelumnya untuk mengangkat beberapa perkara yang ditimbulkan sebelum ini dalam novel tersebut ke dalam novel baharunya. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah mengkaji dan menganalisis beberapa teks novel Azizi Haji Abdullah berdasarkan Teori Intertekskualiti. Rentetan itu, kajian ini menggunakan Teori Intertekskualiti yang diperkenalkan oleh Mikhail Bakhtin pada tahun 1926 yang menghubungkan dengan tiga prinsip utama teori ini iaitu prinsip transformasi, prinsip modifikasi dan prinsip ekspansi. Sementara itu, rekabentuk kajian ini ialah kualitatif bersifat deksriptif. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah membataskan kajian kepada tiga sumber sahaja iaitu novel *Seorang Tua di Kaki Gunung* (1982), *Memoir Seorang Guru* (2007) dan *Beruk* (2010). Secara ringkasnya, hasil dapatan kajian mendapati Azizi Haji Abdullah menulis menggunakan kaedah hipoteks iaitu menukarkan, mengembangkan, menyerapkan, menyamakan dan menambahbaik teks-teks sebelum ini untuk penggunaan pembuatan teks baharu dan daripada teori intertekskualiti membuktikan kekreatifan beliau dalam menggarap novel-novel beliau agar mengekalkan identiti kepengarangan mengangkat kisah orang tua yang berjiwa sensitif. Oleh itu, tesis ini dilihat tidak sama dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji kerana pengkaji

memfokuskan kepada konflik yang terdapat di dalam novel berbanding tesis ini yang mengkaji unsur teksdealisme di dalam ketiga-tiga novel tersebut.

Seterusnya, terdapat sebuah penyelidikan yang dijalankan oleh Abdullah Zawawi Mohd Hairani dan Shaiful Bahri Md Radzi pada tahun 2011 yang bertajuk *Melampaui Sempadan Penyelidikan Sastera: Satu Perbincangan Berdasarkan Senja Belum Berakhir Karya Azizi Haji Abdullah*. Penyelidikan ini membincangkan tentang proses kreatif, kritis dan kritikal dalam menghayati karya sastera yang dilakukan oleh Azizi Haji Abdullah terhadap karya beliau. Sehubungan dengan itu, permasalahan yang ditampilkan dalam kajian ini ialah penyelidikan sastera yang kurang berkualiti dan bermutu rendah kerana sikap sambil lewa mahasiswa dan mahasiswi yang hanya menjalankan penyelidikan sekadar untuk memenuhi syarat untuk mendapatkan sijil ijazah semata-mata. Oleh yang demikian, objektif kajian ini ialah meningkatkan taraf penyelidikan sastera berdasarkan novel *Senja Belum Berakhir* karya Azizi Haji Abdullah. Sehubungan dengan itu, kajian ini dibataskan kepada satu penggunaan sumber kajian sahaja iaitu novel *Senja Belum Berakhir* karya Azizi Haji Abdullah kerana kajian ini menumpukan kepada satu penggunaan novel sahaja. Selain itu, teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Taksonomi Pembelajaran Kognitif Bloom yang diperkenalkan oleh Benjamin Bloom pada tahun 1956. Justeru itu, hasil dapatan kajian menunjukkan keberkesanan penyelidikan dapat diwujudkan jika pelajar benar-benar menghayati, memahami, menganalisis dan mengkonseptualisasikan inti dalam kajian mereka berdasarkan proses pemikiran kreatif, kritis dan kritikal yang selari dengan Teori Taksonomi Bloom. Namun begitu, penyelidikan ini dilihat mempunyai kelainan dengan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji kerana pengkaji ingin memfokuskan kepada konflik sahaja manakala penyelidikan ini lebih kepada kekreatifan pengarang ini iaitu Azizi Haji Abdullah dalam menghasilkan sebuah karya.

Di samping itu, terdapat juga sebuah makalah yang bertajuk '*Etika Profetik*' Kuntowijoyo dalam *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah yang dikarang oleh Mohamad Yazid Abdul Majid pada tahun 2019. Oleh yang demikian, makalah ini membincangkan tentang novel *Harga Sebuah Maruah* dalam melihat novel ini mencapai sebuah gagasan Islam yang diperkenalkan oleh Kuntowijaya yang dikenali sebagai Gagasan Sastera Profetik. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah mengkaji dan menganalisis novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah. Sehubungan dengan itu, reka bentuk kajian ini ialah kualitatif bersifat deskriptif dan skop kajian ini menumpukan kepada novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah. Dari segi penggunaan teori, kajian ini menggunakan Etika Profetik yang telah diperkenalkan oleh Kuntowijoyo. Oleh yang demikian, hasil dapatan kajian ini mendapati novel ini mencapai tahap sebagai karya yang mencapai tahap *kaffah* dan memiliki kriteria sebuah karya Sastera Profetik. Tuntasnya, makalah ini tidak mempunyai kesamaan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji kerana pengkaji memfokuskan kepada konflik berbanding makalah ini yang melihat kepada etika profetik di dalam salah satu novel Azizi Haji Abdullah.

Selain itu, terdapat sebuah jurnal yang diterbitkan oleh Jabatan Kesusasteraan Melayu Universiti Malaya yang bertajuk *Persekitaran Kanak-Kanak dalam Novel Beruk* yang ditulis oleh Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Madiawati Mamat @ Mustaffa pada tahun 2018. Jurnal ini membincangkan tentang persekitaran kanak-kanak dalam mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak di dalam novel *Beruk* karya Azizi Haji Abdullah. Oleh hal yang demikian, pernyataan masalah yang wujud dalam jurnal ialah faktor persekitaran dan didikan menjadi isu-isu penting dalam mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak melibatkan aspek moral mereka. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah mengkaji pengaruh persekitaran dalam novel *Beruk*

dengan menggunakan sistem mikrosistem dalam Teori Ekologi Bronfenbrenner. Sementara itu, reka bentuk kajian ialah kualitatif bersifat deskriptif dengan dibantu beberapa kaedah iaitu analisis teks dan kaedah perpustakaan. Seterusnya, teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Ekologi yang diperkenalkan oleh Bronfenbrenner pada tahun 1979. Waima, skop batasan kajian ini hanya menghadkan kepada novel *Beruk* karya Azizi Haji Abdullah sahaja. Ringkasnya, hasil dapatan kajian mendapati persekitaran yang melingkungi kehidupan kanak-kanak mempengaruhi tingkah laku mereka disebabkan persekitaran yang sihat dapat melahirkan kanak-kanak yang seimbang dari segi rohani dan jasmani dan situasi ini sekali gus memanasifestasikan kepentingan persekitaran yang sihat dalam kehidupan kanak-kanak. Oleh itu, jumul ini dilihat tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji kerana pengkaji memfokuskan konflik yang terdapat di dalam novel *Ayahanda* dan bukan novel-novel Azizi Haji Abdullah yang lain.

Seterusnya, terdapat sebuah kajian yang bertajuk *Penelitian Unsur Alam dalam Novel Suriati Karya Azizi Haji Abdullah: Analisis Ekologi* yang ditulis oleh Nur Azlin Muhammad Hisham pada tahun 2021. Secara umumnya, novel *Suriati* ini kaya dengan unsur alam semula jadi yang mampu memberi ilmu dan iktibar kepada masyarakat. Namun begitu, permasalahan yang wujud dalam kajian ini ialah remaja masa kini lebih gemar membaca novel romantisme berbanding membaca novel fiksyen. Oleh yang demikian, objektif kajian ini ialah mengenalpasti dan menganalisis unsur alam dalam novel *Suriati* menggunakan Teori Ekologi. Sementara itu, reka bentuk kajian ini ialah kualitatif yang menjadi kerangka kepada kajian ini. Waima, kajian ini telah dipandu dengan menggunakan Teori Ekologi yang dipelopori oleh William Howarth pada tahun 1994. Di samping itu, kajian ini telah menghadkan kepada satu sumber kajian sahaja iaitu novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah. Secara keseluruhannya, kajian ini

menunjukkan novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah mempunyai unsur-unsur alam yang dapat mendidik orang ramai tentang unsur-unsur alam yang dapat menjadi wadah baharu untuk membentuk norma yang baik kepada pembaca. Daripada kajian ini, pengkaji melihat kajian yang dijalankan oleh beliau dilihat tidak mempunyai persamaan kerana kajian beliau memfokuskan kepada aspek ekologi yang terdapat di dalam novel *Suriati* berbanding pengkaji yang memfokuskan kepada kajian berkaitan konflik yang terdapat di dalam drama *Ayahanda*.

Tambahan lagi, terdapat juga sebuah kajian yang dirujuk oleh pengkaji yang telah dijalankan oleh Nadia Ishak dan Kamariah Kamaruddin pada tahun 2019 yang bertajuk *Aspek Dakwah dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu*. Penulisan novel Islam merupakan salah satu medium dakwah yang berkesan untuk menyebarkan syiar Islam dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah mengkaji kekuatan dan keberkesanan aspek dakwah dalam novel *Suriati* berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu. Bagi aspek metodologi kajian, kajian ini menggunakan kualitatif sebagai kerangka kajian manakala skop kajian ini hanya menumpukan kepada novel *Suriati* karya Azizi Haji Abdullah sahaja. Seterusnya, teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 yang menumpukan kepada penggunaan prinsip dakwah sahaja. Keseluruhannya, hasil dapatan kajian mendapati aspek dakwah berjaya ditimbulkan dalam novel *Suriati* oleh Azizi Haji Abdullah melalui watak dan jalan cerita. Tuntasnya, kajian ini menumpukan kepada aspek dakwah yang cuba menonjolkan konflik-konflik yang timbul terutama konflik kekeluargaan dan hasil kekuatan dakwah dan keberkesanan dakwah dalam membentuk kebaikan dan kebatilan seseorang itu. Oleh itu, kajian ini hanya menumpukan kepada aspek dakwah yang cuba dipaparkan oleh Azizi Haji Abdullah seperti yang terdapat di

dalam novel Suriati berbanding pengkaji yang memfokuskan kepada konflik yang terdapat di dalam drama *Ayahanda*.

Terdapat juga sebuah kajian yang dijalankan oleh Aina Syafiqah Karim pada tahun 2021 yang bertajuk *Citra Wanita dalam Harga Sebuah Maruah Karya Azizi Haji Abdullah Aplikasi Kritikan Feminisme*. Kajian ini memfokuskan kepada gaya penulisan yang digunakan oleh Azizi Haji Abdullah dalam menunjukkan peranan wanita dalam mempertahankan hak mereka termasuk melihat imej yang mengangkat martabat wanita di dalam novel *Harga Sebuah Maruah*. Oleh yang demikian, objektif kajian ialah mengenalpasti tanggungjawab yang dilaksanakan, menganalisis citra wanita yang digunakan dan menganalisis prinsip kritikan Teori Feminisme dalam novel *Harga Sebuah Maruah*. Waima, skop kajian ini menumpukan kepada novel *Harga Sebuah Maruah* karya Azizi Haji Abdullah. Sementara itu, reka bentuk kajian ini ialah berbentuk kualitatif dengan dibantu beberapa kaedah iaitu kepustakaan dan carian internet. Seterusnya, teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Feminisme yang dikembangkan oleh Elaine Showalter pada tahun 1979. Daripada kajian ini, hasil dapatan kajian menunjukkan novel ini berjaya menonjolkan keupayaan wanita yang dilihat standing dengan keupayaan lelaki. Justeru itu, kajian ini dilihat bertentangan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji kerana kajian ini lebih melihat kepada unsur feminisme dalam novel *Harga Sebuah Maruah* berbanding pengkaji yang memfokuskan kepada konflik yang terdapat di dalam drama *Ayahanda*.

Malah terdapat sebuah jurnal yang dirujuk oleh pengkaji yang bertajuk *Bayangan Wacana Politik dalam Karya Sastera: Analisis Novel Kawin-Kawin* pada tahun 2015 yang ditulis oleh Che Abdullah Che Ya. Jurnal ini dilihat cuba memberi respon kepada isu-isu yang cuba diangkat oleh Azizi Haji Abdullah dalam novel tersebut dengan realiti yang berlaku pada masa kini seperti penyelewengan kuasa,

amalan rasuah dan kronisme yang dilihat telah melekat di dalam sanubari masyarakat kita. Walau bagaimanapun, permasalahan kajian ini ialah wujud pertentangan ideologi dalam masyarakat Melayu, penyelewangan kuasa pemimpin, gejala rasuah dan kronisme. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah mengenalpasti dan menganalisis permasalahan masyarakat Melayu dalam novel *Kawin-Kawin*. Selain itu, reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis teks. Seterusnya, skop kajian jurnal ini menumpukan kepada kajian terhadap novel *Kawin-Kawin* karya Azizi Haji Abdullah. Secara ringkasnya, hasil dapatan kajian mendapati novel ini merupakan respons Azizi Haji Abdullah terhadap situasi politik yang berlaku dalam negara untuk tatapan masyarakat. Oleh hal yang demikian, jurnal ini dilihat tidak mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji kerana kajian ini cuba menghubungkan isu semasa dengan masalah yang berlaku di dalam novel tersebut manakala pengkaji hanya melihat unsur konflik yang terdapat di dalam drama *Ayahanda*.

Di samping itu, terdapat sebuah kajian yang dijalankan oleh Noor Salawati Abu Bakar, Zubir Idris dan Shaiful Bahri Md. Radzi pada tahun 2021 yang bertajuk *Perspektif Sosio Ekonomi Masyarakat dalam Novel-Novel Terpilih karya Azizi Haji Abdullah*. Azizi Haji Abdullah merupakan seorang penulis yang menampilkan kehidupan masyarakat desa yang dikaitkan dengan ikatan keluarga dalam novel-novel beliau. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah mengenalpasti dan menganalisis perspektif sosio ekonomi masyarakat dalam novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah. Seterusnya, kajian ini membataskan kajian kepada beberapa novel Azizi Haji Abdullah seperti *Seorang Tua Di Kaki Gunung*, *Senja Belum Berakhir*, *Harga Sebuah Maruah*, dan *Tukcai*. Waima, reka bentuk kajian berdasarkan daripada kualitatif bersifat deskriptif dengan dibantu kaedah perpustakaan. Ringkasnya, hasil dapatan kajian ini

menonjolkan Azizi Haji Abdullah sebagai seorang penulis yang membawa permasalahan masyarakat khususnya sosio ekonomi masyarakat menggunakan teks sastera dan menunjukkan beberapa anjakan taraf hidup masyarakat. Oleh hal yang demikian, kajian ini cuba membawa kajian yang lebih khusus berkaitan dengan masalah ekonomi yang cuba diangkat oleh Azizi Haji Abdullah di dalam novel-novel beliau berbanding pengkaji yang mengkaji tentang konflik yang terdapat di dalam drama *Ayahanda*.

Seterusnya, terdapat sebuah makalah yang dilihat oleh pengkaji yang bertajuk *Wanita Sebagai Objek Seks: Penanganannya Dalam Novel Bila Hujan Malam* yang ditulis oleh Ungku Maimunah Mohd Tahir pada tahun 2012. Makalah ini membincangkan berkaitan isu wanita yang ditimbulkan oleh Azizi Haji Abdullah di dalam novel *Bila Hujan Malam*. Untuk pengetahuan umum, makalah ini dihasilkan kerana sentiment masyarakat yang menganggap novel *Bila Hujan Malam* tidak mampu memperlihatkan elemen wanita sebagai objek seks dan hanya sebuah novel picisan semata-mata. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah memperlihatkan elemen wanita dilihat sebagai objek seks dalam novel *Bila Hujan Malam*. Seterusnya, makalah ini menggunakan gagasan Persuratan Baru yang diperkenalkan oleh Mohd. Affandi Hassan pada tahun 1992. Sementara itu, makalah ini memfokuskan kepada satu sumber kajian sahaja iaitu novel *Bila Hujan Malam* karya Azizi Haji Abdullah sahaja. Oleh itu, makalah ini memfokuskan kepada kajian terhadap isu wanita yang terdapat di dalam novel *Bila Hujan Malam* dan melihat mutu novel tersebut secara keseluruhan berbanding kajian pengkaji ini yang melihat unsur konflik yang terdapat di dalam drama *Ayahanda*.

2.3 Sorotan Kajian Berkaitan Drama *Ayahanda* Dan Novel *Ayahanda*

Terdapat sebuah makalah yang membincangkan berkaitan dengan drama *Ayahanda* yang bertajuk *Prinsip Pemilihan Kata dalam Cerekarama Ayahanda Berdasarkan Teori Konseptual Kata Kunci* dalam Webinar Pelestarian Warisan Budaya di Persada Dunia 2022. Makalah ini telah dijalankan oleh Sakinah Harumi Zulhazmi, Nurul Shahirah Muda, Nur Aslinda Mohd Anuar, Nurul Syuhada Roslan, Muhammad Hafiz Zulkifli dan Siti Nur Anis Muhammad Apandi pada tahun 2022. Makalah ini membincangkan berkaitan penggunaan kata yang digunakan oleh Azizi Haji Abdullah di dalam novel *Ayahanda* dan kesan penggunaan kata tersebut kepada pembaca dalam memberi mesej yang berguna kepada masyarakat. Rentetan itu, pernyataan masalah yang wujud dalam makalah ini ialah pemilihan kata yang digunakan dalam cerekarama *Ayahanda* dalam menjelaskan mesej yang disampaikan oleh pengarang dalam cerekarama ini. Oleh hal yang demikian, objektif kajian ini ialah menjelaskan prinsip pemilihan kata dan mengenalpasti mesej yang disampaikan dalam cerekarama *Ayahanda* menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci. Dari skop kajian, kajian ini menghadkan kepada kajian ke atas cerekarama *Ayahanda* arahan Ahmad Tarmimi Siregar dan metodologi kajian ini ialah kualitatif. Sementara itu, teori yang digunakan dalam makalah ini ialah Teori Konseptual Kata Kunci yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan pada tahun 2005. Secara ringkasnya, hasil dapatan kajian mendapati pemilihan kata seperti *masyarakat* dan *keluarga* diucapkan banyak kali oleh pelbagai watak yang membawa maksud pengarah ingin menceritakan secara tersirat golongan masyarakat dan menyampaikan beberapa mesej berkaitan institusi kekeluargaan. Justeru itu, makalah ini dilihat tidak selari dengan kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji kerana pengkaji memfokuskan kepada konflik yang terdapat

dalam drama *Ayahanda* berbanding makalah ini yang hanya menumpukan kepada penggunaan perkataan di dalam drama ini.

Selain itu, terdapat juga sebuah jurnal yang dirujuk oleh pengkaji yang telah ditulis oleh Nadia Ishak dan Kamariah Kamarudin bertajuk *Pendidikan Anak-Anak Menerusi Surah Luqman Dalam Novel Ayahanda* pada tahun 2018. Jurnal ini membicarakan berkaitan kisah-kisah yang terdapat dalam Surah Luqman mempunyai kaitan atau tidak dengan kisah yang terdapat di dalam novel *Ayahanda* menerusi Teori Pengkaedahan Melayu dengan Pendekatan Kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, terdapat permasalahan yang timbul dalam kajian ini iaitu ibu bapa hari ini gagal mendidik anak-anak mereka mengikut kehendak agama Islam dan lebih mengikut gaya barat. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah mengenalpasti dan menganalisis amalan pendidikan anak-anak berdasarkan Surah Luqman dalam novel *Ayahanda*. Sehubungan dengan itu, reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan skop kajian yang menumpukan kepada kajian terhadap novel *Ayahanda* sahaja. Sementara itu, makalah ini telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang dengan menggunakan pendekatan kemasyarakatan. Ringkasnya, hasil dapatan kajian mendapati pendekatan kemasyarakatan dilihat tepat untuk menjelaskan permasalahan yang wujud dalam masyarakat demi mencari kebaikan dan keadilan seperti yang dituntut dalam Islam. Berdasarkan jurnal ini, kajian ini tidak mempunyai persamaan dengan kajian yang ingin yang dilakukan oleh pengkaji kerana pengkaji memfokuskan konflik masyarakat yang terdapat dalam novel *Ayahanda* berbanding jurnal ini yang membandingkan konsep pendidikan yang terdapat dalam surah Luqman dengan pendidikan yang digunakan oleh watak Haji Abdullah kepada anak-anaknya.

2.4 Sorotan Kajian Berkaitan Konflik

Terdapat sebuah artikel yang bertajuk *Konflik dalam Lagenda Puteri Saadong* yang ditulis oleh Sudirman Kiffli, Fairuladlan Hamadun, Md Ariff Ariffin, Daeng Haliza Daeng Jamal, dan Hidayat Hamid pada tahun 2020. Berdasarkan artikel ini, Lagenda Puteri Saadong merupakan sebuah kisah lagenda masyarakat di negeri Kelantan yang mana lagenda ini dipercayai mempunyai pelbagai elemen konflik dalam kisah tersebut. Namun begitu, terdapat permasalahan kajian yang ditonjolkan dalam kajian ini iaitu kekurangan perbincangan konflik yang timbul dalam Lagenda Puteri Saadong. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah mengenalpasti dan menganalisis elemen konflik yang terdapat dalam Lagenda Puteri Saadong berdasarkan Teori Konflik Burton. Rentetan itu, teori yang digunakan dalam kajian ini ialah teori konflik yang dikembangkan oleh Burton pada tahun 1969. Sementara itu, metodologi kajian ini menggunakan kualitatif sebagai reka bentuk kajian dengan dibantu beberapa kaedah seperti kaedah kepustakaan dan carian internet. Seterusnya, skop kajian ini hanya menghadkan kepada kisah Lagenda Puteri Saadong sahaja dan tidak mengambil kira kisah lagenda yang lain. Daripada kajian ini, hasil perbincangan menunjukkan elemen konflik wujud dalam Lagenda Puteri Saadong melalui watak-watak yang terdapat dalam kisah tersebut dan didapati berpunca dari tiga kategori iaitu keperluan, nilai dan keinginan. Tuntasnya, artikel ini dilihat mempunyai hubungkait dari segi kajian yang ingin dijalankan oleh pengkaji iaitu konflik namun pengkaji melihat konflik yang terdapat di dalam novel *Ayahanda* karangan Azizi Haji Abdullah.

Selain itu, pengkaji juga telah merujuk sebuah kajian yang dijalankan oleh Nurul Hilawany Che Shaffine, Mohd Zariat Abdul Rani, Norazlina Mohd Kiram, dan Muhd Zulkifli Ismail yang bertajuk *Konflik Percintaan dalam Novel Adam dan Hawa Karya Aisya Sofea* pada tahun 2020. Kajian ini menumpukan kepada analisis manipulasi

konflik dalam novel *Adam dan Hawa* dan merumuskan peranan konflik dalam dalam pembikinan novel tersebut. Namun begitu, wujud permasalahan dalam kajian ini apabila novel ini laris dijual dan dicetak banyak kali. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah menganalisis manipulasi konflik dalam novel *Adam dan Hawa* dan merumuskan peranan konflik dalam novel *Adam dan Hawa*. Seterusnya, kajian ini menggunakan kualitatif sebagai reka bentuk kajian dengan menganalisis menggunakan analisis teks. Sementara itu, kajian ini menghadkan kepada novel *Adam dan Hawa* karya Aisya Sofea. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian mendapati novel ini disimpulkan sebagai menengahkan konflik pencintaan sebagai naratif utama cerita ini dan konflik seperti ini memang digilai oleh orang ramai khususnya remaja untuk membaca novel seperti ini. Oleh itu, kajian ini mempunyai kaitan dalam mengkaji konflik dalam sesebuah novel namun pengkaji lebih melihat novel yang diadaptasi kepada drama seperti novel dan drama *Ayahanda*.

Seterusnya, terdapat juga sebuah makalah yang bertajuk *Unsur Konflik dalam Novel Nenek Karya Razali Endun* yang ditulis Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi yang diterbitkan pada tahun 2018. Berdasarkan kajian ini, konflik membentuk kehidupan manusia sama ada tenang, berkocak, bahagia atau berdukacita. Sehubungan dengan itu, wujud beberapa permasalahan dalam kajian ini iaitu sesuai atau tidak untuk karya ini dibaca oleh semua lapisan masyarakat dan layak atau tidak untuk karya ini mendapat anugerah Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2014. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah mengklasifikasikan dan menganalisis unsur konflik yang terdapat dalam novel *Nenek* dari perspektif humanistik Abraham Maslow. Sementara itu, metodologi kajian ini ialah menggunakan reka bentuk kualitatif sebagai rangka kajian dengan dibantu oleh Teori Humanistik yang dikembangkan oleh Abraham Maslow. Seterusnya, kajian ini menghadkan kajian kepada novel *Nenek* karya Razali

Endun sahaja. Oleh hal yang demikian, hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa aspek konflik berjaya ditemui iaitu konflik individu, konflik politik, konflik ekonomi dan konflik keluarga dalam novel *Nenek* karya Razali Endun. Justeru itu, kajian yang dijalankan oleh dua sarjana ini dilihat mempunyai persamaan dari segi objektif kajian iaitu mengenalpasti dan menganalisis konflik yang terdapat sebuah novel tersebut namun terdapat perbezaan dari segi konflik yang dikaji kerana pengkaji hanya terhad mengkaji konflik masyarakat yang terdapat dalam novel *Ayahanda* sahaja.

Di samping itu, terdapat sebuah makalah yang dirujuk berkaitan dengan konflik yang terdapat di dalam sebuah novel iaitu *Konflik Jiwa dalam Novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang ditulis oleh Nur Farakhanna Mohd Rusli dan Noor Syamshida Massa pada tahun 2022. Melalui makalah ini, sebuah karya sastera perlu memiliki nilai estetika yang halus, indah serta mampu mengungkapkan idea dan buah fikiran yang cuba disampaikan oleh pengarang. Oleh hal yang demikian, timbul permasalahan dalam kajian ini iaitu kegagalan novel-novel Hamka khususnya *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijk* untuk dilihat dari perspektif konflik. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah menjelaskan konflik jiwa yang dialami oleh watak utama dalam novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijk*. Seterusnya, metodologi kajian ini menggunakan kualitatif sebagai reka bentuk kajian dengan dibantu menggunakan kaedah kepustakaan sebagai sumber pengumpulan data. Di samping itu, makalah ini menggunakan tiga teori untuk membantu kajian ini mencapai objektif kajian iaitu Teori Psikoanalisis oleh Sigmund Freud pada tahun 1984, Teori Humanistik oleh Abraham Maslow pada tahun 1943 dan Teori Psikologi Islam. Dari segi skop kajian, kajian ini mengkhususkan dan menumpukan kajian kepada novel *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijk*. Rentetan itu, hasil dapatan kajian mendapati novel ini memfokuskan kepada watak Zainuddin yang mempunyai masalah jiwa dari segi psikologinya dan faktor keluarga

yang mempengaruhi percintaannya bersama dengan Hayati sehingga Zainuddin mengalami konflik dalaman namun setiap tindakan yang diambil oleh Zainuddin dilihat sangat berhati-hati disebabkan menjaga aib Hayati. Oleh itu, makalah ini hanya mempunyai persamaan dari segi kajian terhadap konflik namun mempunyai perbezaan dalam penumpuan konflik kerana pengkaji memfokuskan kepada kajian berkaitan konflik masyarakat dalam drama adaptasi novel *Ayahanda*.

Kajian yang seterusnya yang dirujuk oleh pengkaji ialah tesis yang dijalankan oleh Nurhayati Diyana Binti Musa pada tahun 2015 yang bertajuk *Konflik-Konflik dalam Drama Shahrom Husain*. Kajian ini dilakukan untuk meneliti beberapa konflik yang wujud dalam drama Shahrom Husain disebabkan konflik merupakan suatu elemen penting dalam menggerakkan sesebuah penceritaan atau mengembangkan cerita. Namun begitu, terdapat beberapa pendapat yang mengatakan Shahrom Husain kurang menyetengahkan konflik dalam beberapa dramanya. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis kewujudan konflik dalam drama Shahrom Husain berdasarkan aspek kekuasaan, kemasyarakatan dan status atau kedudukan. Sementara itu, reka bentuk kajian ini ialah kualitatif dengan dibantu beberapa kaedah kajian iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks. Rentetan itu, kajian ini telah menggunakan dua teori kajian bagi membantu kajian mencapai objektif iaitu Teori Konflik oleh Morton Deutsch tahun 2006 dan Teori Konflik R. Lina: Model Dua Hala Terancang tahun 2013. Secara keseluruhan, hasil dapatan kajian mendapati wujud beberapa aspek konflik iaitu kekuasaan, kemasyarakatan dan status atau kedudukan yang merangkumi persoalan konflik yang menghubungkan dengan aspek konflik tersebut. Tuntasnya, tesis ini dilihat mempunyai persamaan kajian dari segi konflik yang dikaji namun mempunyai perbezaan penumpuan iaitu pengkaji hanya mengkaji konflik masyarakat yang terdapat dalam drama adaptasi novel *Ayahanda*.

Seterusnya, pengkaji juga telah merujuk jurnal yang bertajuk *Konflik Batin Tokoh Utama dalam Novel Catatan Malam Terakhir* Karya Firdya Taufiqurrahman tulisan Rini Agustina pada tahun 2015. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menggambarkan konflik batin tokoh utama dalam novel *Catatan Malam Terakhir* karya Firdya Taufiqurrahman. Walau bagaimanapun, permasalahan yang wujud dalam kajian ini ialah novel ini gagal menampilkan kepada masyarakat berkaitan konflik untuk dijadikan iktibar kepada mereka. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah mengkaji dan menganalisis konflik batin yang terdapat pada watak utama novel *Catatan Malam Terakhir* karya Firdya Taufiqurrahman berdasarkan pendekatan psikologi sastera. Sementara itu, metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kualitatif sebagai reka bentuk kajian yang bersifat deskriptif. Seterusnya, kajian ini menggunakan pendekatan psikologi sastera sebagai pendekatan utama kajian ini. Di samping itu, kajian ini menghadkan skop kajian hanya kepada novel *Catatan Malam Terakhir* karya Firdya Taufiqurrahman. Oleh hal yang demikian, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa konflik batin tokoh utama yang terkandung dalam novel ini mengandungi perasaan, kecewa, malu, keliru, sedih, cemburu, bimbang, curiga, takut, dan jengkel. Oleh itu, konflik yang dibincangkan di dalam kajian ini dilihat berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji yang mana pengkaji memfokuskan kepada konflik masyarakat yang terdapat dalam drama adaptasi novel *Ayahanda*.

Di samping itu, terdapat kertas kerja yang dirujuk oleh pengkaji yang bertajuk *Unsur Konflik dalam Novel Remaja Terpilih* pada tahun 2016 yang ditulis oleh Faziela Abu Bakar @ Che Din dan Nik Faridah Nik Muhammad Affendi. Kertas kerja ini membincangkan tentang konflik remaja yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih. Namun begitu, timbul beberapa permasalahan dalam kajian ini iaitu novel-novel remaja dilihat memaparkan teladan yang tidak baik kepada golongan pembaca

namun tetap terpilih untuk dikategorikan sebagai novel yang memenangi pelbagai hadiah dan pertandingan. Oleh sebab itu, objektif kajian ini ialah mengklasifikasikan dan menganalisis unsur konflik yang terdapat dalam novel yang dikaji. Seterusnya, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan dibantu oleh Teori Humanistik oleh Abraham Maslow. Secara ringkasnya, hasil daripada kajian ini menunjukkan terdapat tiga kumpulan konflik yang disentuh iaitu konflik diri, konflik keluarga dan konflik rakan sebaya yang terdapat di dalam novel remaja pilihan dan setiap konflik tersebut dinilai dengan menggunakan Teori Humanistik Abraham Maslow. Oleh itu, kertas kerja ini mempunyai persamaan dalam kajian terhadap konflik namun mempunyai perbezaan dari segi novel yang dikaji dan pemfokusan konflik itu sendiri kerana pengkaji memfokuskan kepada konflik yang terdapat dalam drama adaptasi novel *Ayahanda*.

2.5 Kesimpulan Bab

Sebagai kesimpulan, sorotan kajian lepas yang ditemui di enjin-enjin carian seperti Google Scholar dan Discol UMK telah melahirkan empat pecahan sorotan kajian berdasarkan kajian yang dikaji. Sorotan kajian ini telah membantu pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan pengadaptasian novel ke dalam layar perak dan kajian berkaitan novel dan drama *Ayahanda*. Selain itu, sorotan kajian ini juga membantu pengkaji menelusuri tentang Azizi Hj. Abdullah dan memberi informasi tambahan kepada pengkaji tentang karya-karya beliau yang lain. Seterusnya, pengkaji juga turut dibantu dengan pemahaman yang lebih luas tentang definisi, konsep dan istilah konflik yang menumpukan kepada konflik masyarakat semata-mata. Oleh itu, sorotan kajian yang disenaraikan di atas membantu pengkaji dalam menghasilkan sebuah tesis yang penuh informatif dan berguna kepada para sarjana akan datang.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan Bab

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan secara lebih mendalam tentang teori yang digunakan dalam kajian ini dan kaedah-kaedah yang digunakan bagi membantu kajian ini. Menurut Kamus Dewan (2005), metodologi didefinisikan sebagai sebuah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang diaplikasikan dalam sesebuah kajian. Oleh hal yang demikian, perbincangan ini akan dibahagikan kepada empat pecahan iaitu reka bentuk kajian, kaedah perpustakaan dan analisis teks, teori yang digunakan dan kerangka teori kajian tersebut.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif deskriptif disebabkan kajian ini menumpukan kepada kajian yang tidak berkaitan dengan pengiraan dan statistik. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji tidak melakukan tinjauan terhadap responden dan tidak menemu bual mana-mana pihak untuk mendapatkan maklumat. Pengkaji hanya fokus kepada teks dan kandungan filem semata-mata untuk mendapatkan data berkaitan konflik yang terdapat dalam kedua-dua karya.

3.2 Kaedah dan Analisis Kajian

Kaedah kajian ini digunakan bagi membantu pengkaji mendapatkan maklumat dan informasi yang sahih daripada sumber-sumber bertulis dan dalam talian. Selain itu, kaedah kajian merupakan cara yang digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis data-data dan maklumat yang pengkaji peroleh daripada sumber-sumber tersebut.

3.2.1 Kaedah Perpustakaan

Kaedah ini merupakan kaedah utama yang digunakan oleh pengkaji dalam mencari maklumat dan data berkaitan dengan novel *Ayahanda*. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah merujuk beberapa buah buku, dan kamus yang membantu pengkaji memberi informasi yang tepat berkaitan dengan novel *Ayahanda*. Oleh itu, pengkaji telah mengakses sumber-sumber bertulis ini daripada Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan sahaja.

3.2.2 Kaedah Carian Internet

Kaedah ini merupakan kaedah utama juga yang digunakan oleh pengkaji dalam menambah informasi dan mengutip data berkaitan dengan kajian. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah mengakses maklumat tersebut daripada Google Scholar dan Discol Univeristi Malaysia Kelantan (UMK) untuk mencari jurnal, makalah dan tesis dalam talian yang boleh memberi pencerahan lebih mendalam tentang kajian ini. Oleh itu, pengkaji merujuk dua enjin carian ini melalui laman web manakala untuk Discol UMK pengkaji telah mengakses pada laman web rasmi Perpustakaan UMK.

3.2.3 Analisis Teks

Pengkaji telah menganalisis teks yang terkandung pada novel *Ayahanda* bagi melihat adegan-adegan konflik yang melibatkan watak yang tidak terdapat pada drama *Ayahanda*. Pengkaji merujuk novel ini disebabkan novel ini merupakan novel rasmi yang digunakan oleh pengarah untuk diadaptasi ke dalam bentuk visual. Hal ini dikatakan demikian pengkaji merujuk novel ini bagi melakukan perbandingan konflik masyarakat yang terdapat dalam novel ini

dengan drama yang divisualkan. Selain itu, pengkaji juga merujuk novel ini bagi memahami konflik yang tidak dapat divisualkan kerana terdapat beberapa perbuatan atau percakapan yang hanya digambarkan dalam bentuk tulisan. Oleh sebab itu, pengkaji menggunakan analisis ini bagi memantapkan dan menambah beberapa kekurangan yang pengkaji dapat semasa menganalisis menggunakan analisis kandungan filem.

3.2.4 Analisis Kandungan Filem

Pengkaji juga menggunakan analisis kandungan filem untuk mengkaji drama ini dengan lebih mendalam bagi melihat aspek video, audio dan grafik yang digunakan oleh pengarah dalam mengkaji aspek konflik yang melibatkan masyarakat. Selain itu, pengkaji juga menggunakan analisis ini kerana terdapat beberapa babak yang tidak dapat digambarkan di dalam bentuk tulisan. Oleh sebab itu, pengkaji menggunakan analisis visual bagi membantu pengkaji menanggung kekurangan yang pengkaji lakukan semasa menggunakan analisis teks.

3.3 Teori Kajian

Teori merupakan perkara penting yang terdapat dalam sesebuah kajian bagi memastikan kajian yang dilakukan oleh pengkaji tidak tersasar dan mampu memastikan pengkaji membawa kajian ini mencapai objektif yang ditetapkan. Oleh sebab itu, pengkaji telah menetapkan sebuah teori yang sesuai digunakan dalam kajian ini supaya teori ini dapat memandu pengkaji menyelesaikan kajian ini.


3.3.1 Teori Konflik Max Weber

Teori Konflik yang dikembangkan oleh Max Weber pada tahun 1905 merupakan variasi daripada teori konflik yang digagaskan oleh Karl Marx pada tahun 1874. Teori ini masih mengekalkan suara yang dibawa oleh Karl Marx namun terdapat beberapa perubahan yang dibawa dan ditekankan dalam teori konflik yang diperkenalkan oleh Max Weber. Menurut Marx & Engels (1847), Teori konflik Max Weber menyatakan bahawa terdapat tiga sumber utama konflik: politik, ekonomi, dan sosial termasuk agama. Teori ini memberi tumpuan kepada persaingan antara kumpulan sosial, bukannya individu, dan cuba menjelaskan perubahan dan kestabilan sosial akibat konflik kumpulan

Oleh sebab itu, konflik yang wujud dalam masyarakat mampu membawa kepada kezaliman dan penindasan disebabkan individu yang berkuasa tidak mengendahkan suara dan kehendak pengikut mereka. Sementara itu, teori ini menjelaskan bagaimana golongan yang mempunyai kekuatan, kepandaian, dan kelebihan dalam sesuatu perkara mempunyai kedudukan yang tinggi dan golongan ini akan bertindak secara autokrasi agar segala arahan mereka dituruti dan didengari tanpa bantahan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.3.2 Kerangka Teori Konflik Max Weber



Rajah 2: Kerangka Teori Konflik oleh Max Weber

3.3.3 Penerangan Kepada Kerangka Teori Konflik Max Weber

Menurut Max Weber (2021), konflik yang wujud dalam kalangan masyarakat bukan sahaja disebabkan faktor ekonomi semata-mata seperti yang dinyatakan oleh Karl Marx sebelum ini namun terdapat beberapa faktor lain yang mempengaruhi terwujudnya konflik dalam kalangan masyarakat seperti faktor politik dan faktor sosial itu sendiri. Malah, Max juga turut menyatakan konflik yang berlaku dalam masyarakat berlaku disebabkan oleh dominasi sesebuah entiti atau kelompok dan kuasa yang terdapat pada sesebuah kelompok tersebut. Secara ringkasnya, konflik yang terjadi antara masyarakat berlaku disebabkan kumpulan majoriti cuba menindas kumpulan minoriti disebabkan faktor ekonomi dan politik. Namun begitu, konflik juga boleh terjadi antara orang yang berkuasa dengan orang yang tidak mempunyai kuasa disebabkan perbezaan pandangan dan tatacara kehidupan.

Dalam konflik masyarakat ini, pengkaji telah memecahkan konflik ini kepada empat aspek iaitu konflik politik, konflik ekonomi, konflik sosial dan konflik agama. Di bawah konflik politik, pengkaji telah memecahkan kepada dua bahagian iaitu ketua dan pengikut. Sementara itu, di bawah konflik ekonomi, pengkaji telah membahagikan kepada dua kategori iaitu miskin dan kaya. Seterusnya, di bawah konflik sosial, pengkaji telah yang mewujudkan dua kategori iaitu kecil dan besar. Akhir sekali, pengkaji telah memusatkan konflik agama secara umum tanpa memecahkan kepada mana-mana pecahan.

a) Konflik Politik

Berdasarkan dari pendapat Max Weber (2021), konflik yang tercetus dalam politik sesebuah masyarakat dipengaruhi oleh institusi yang terdapat dalam masyarakat. Menurut beliau, konflik yang tercipta dalam politik masyarakat disebabkan penghormatan kepada seseorang yang berada pada sesuatu kekuasaan. Oleh sebab itu, pengkaji telah memecahkan konflik politik kepada dua bahagian iaitu ketua dan pengikut.

i) Ketua

Menurut Kamus Dewan (2005), ketua merupakan individu yang mengepalai atau mengetuai sesebuah institusi atau kumpulan untuk memimpin kumpulan atau institusi. Konflik yang berlaku dalam politik sesebuah masyarakat kebiasaanya berlaku disebabkan tindakan atau sikap yang diambil oleh ketua ke atas institusi tersebut. Sebagai seorang ketua, beliau merasakan dirinya layak untuk menentukan segala keputusan

kerana merasakan dirinya arif tentang hal-hal tersebut. Oleh yang demikian, pandangan daripada pengikut tidak dirasakan layak untuk diambil kerana merasakan pengikutnya tidak layak untuk membicarakan berkaitan perkara disebabkan mereka tidak alim tentang perkara tersebut.

ii) Pengikut

Menurut Yukl (2002), pengikut merupakan seseorang yang mengakui pemimpinnya fokus sebagai sumber utama bimbingan tentang kerja, tidak kira berapa banyak kuasa formal yang sebenarnya dimiliki oleh pemimpin terhadap orang itu. Di dalam hal ini, konflik yang terwujud pada pengikut disebabkan suara mereka tidak didengari oleh ketua mereka yang menyebabkan hala tuju kumpulan atau institusi tersebut terpesong dari garis yang sebenar. Oleh sebab itu, pengikut ini akan memberontak dan memboikot institusi disebabkan ketua tersebut gagal untuk menghargai diri mereka.

b) Konflik Ekonomi

Menurut Max Weber (2007), faktor ekonomi bukan faktor utama yang mewujudkan konflik masyarakat tetapi faktor ekonomi hanya sekadar penambah rencah dalam tercetusnya konflik dalam kehidupan masyarakat. Hal ini disebabkan, Max Weber tidak menyalahkan keseluruhan punca konflik kepada golongan kapitalis kerana faktor sosial dan politik turut membawa kepada tercetusnya konflik dalam masyarakat. Namun begitu,

perkara ini tidak boleh lari daripada punca terketusnya konflik disebabkan golongan yang hidup senang akan berlaku sombong dan tidak membantu golongan yang susah. Oleh sebab itu, konflik yang wujud dalam ekonomi masyarakat dipengaruhi oleh gaya hidup masyarakat pada masa tersebut. Menurut Plummer (1983), gaya hidup ialah cara hidup seseorang individu yang dikenal pasti melalui cara orang menghabiskan masa (aktiviti), apa yang mereka anggap penting dalam kehidupan mereka (minat) dan apa yang mereka fikirkan tentang dunia di sekeliling mereka. Oleh itu, pengkaji telah memecahkan konflik ekonomi masyarakat kepada dua pecahan yang difokuskan kepada gaya hidup masyarakat iaitu kaya dan miskin.

i) Kaya

Menurut Kamus Dewan (2010), kaya didefinisikan sebagai individu yang mempunyai harta atau duit yang banyak dan hidup dengan mewah tanpa memerlukan bantuan kewangan daripada kerajaan atau individu yang lain. Oleh hal yang demikian, golongan kaya kebiasaannya hidung tinggi dan tidak selesa untuk tinggal bersama-sama dengan yang tidak setaraf dengan golongan mereka. Hal ini disebabkan mereka berasa jijik dan geli untuk tinggal bersama-sama golongan miskin kerana bagi mereka golongan miskin adalah kotor dan berbau busuk serta tidak sama kedudukan dengan mereka. Hal ini menyebabkan wujud konflik dalam masyarakat hanya kerana golongan kaya tidak ingin membantu golongan miskin yang dalam kesusahan.

ii) Miskin

Menurut Kamus Dewan (2010), miskin merupakan seseorang yang tidak berharta dan hidup melarat sehingga memerlukan bantuan kewangan daripada pihak kerajaan dan individu yang mempunyai kewangan yang banyak. Oleh hal yang demikian, golongan miskin merupakan golongan yang sentiasa menjadi mangsa kepada golongan kaya dalam terlibat konflik ekonomi antara mereka. Hal ini disebabkan, kehidupan mereka yang melarat membuatkan golongan kaya tidak menyukai mereka kerana sentiasa meminta-minta terhadap golongan kaya.

c) Konflik Sosial

Menurut Max Weber (1922), konflik yang berlaku dalam kalangan masyarakat melibatkan aspek sosial dipengaruhi oleh perbezaan pendapat dan pandangan sehingga menyebabkan wujudnya kumpulan-kumpulan tertentu. Namun begitu, konflik yang berlaku tidak semestinya menumpukan kepada pembincangan masyarakat semata-mata namun perlu dilihat kepada masyarakat-masyarakat kecil seperti keluarga. Hal ini disebabkan, keluarga juga merupakan sebahagian daripada masyarakat dan perlu dibincangkan secara bersama. Oleh sebab itu, konflik masyarakat sosial lebih menumpukan kepada perbincangan konflik dalaman masyarakat atau komuniti itu sendiri. Menurut Worsley (1970), komuniti merujuk kepada sekelompok manusia mendiami kawasan sama, mempunyai kesefahaman autonomi politik, persahabatan,

kepercayaan agama, pelbagai etnik dan kerap ada fungsi atau pekerjaan yang dominan. Justeru itu, konflik masyarakat sosial menumpukan kepada komuniti yang dipecahkan kepada kecil dan besar.

i) Kecil

Perbincangan konflik sosial masyarakat dalam kategori komuniti kecil menumpukan kepada konflik yang berlaku dalam keluarga itu sendiri. Di dalam bahagian ini, konflik yang dikaji ialah melibatkan konflik antara ayah dan anak atau antara adik-beradik bagi melihat sejauh mana perbezaan pandangan tersebut memberi kesan yang mendalam kepada perpaduan keluarga itu sendiri. Namun begitu, konflik ini tidak mendatangkan kesan yang besar kepada keharmonian masyarakat kerana konflik tersebut berlaku kepada komuniti masyarakat yang kecil sahaja.

ii) Besar

Sementara itu, konflik sosial masyarakat dalam kategori komuniti besar memfokuskan kepada konflik yang berlaku dalam masyarakat secara umum. Perbincangan bahagian ini lebih melihat konflik yang berlaku antara masyarakat secara keseluruhan yang berlaku di sesebuah kawasan tersebut. Konflik ini akan menyebabkan wujud kumpulan-kumpulan yang tertentu yang tidak menyukai antara kumpulan itu sendiri. Perkara ini menyebabkan berlaku pergaduhan sehingga menyebabkan perpaduan masyarakat tercalar kerana tiada persefahaman antara satu sama lain.

d) Konflik Agama

Menurut Weber (1920), konflik agama sering tercetus disebabkan wujud pertikaian dalam ahli kumpulan agama yang menginginkan perubahan demi perubahan dalam pergerakan kumpulan agama mereka sehingga berlaku protes disebabkan keselesaan ketua kumpulan dengan cara lama dalam mengamalkan tatacara kehidupan agama. Oleh hal yang demikian, Konflik agama ini merupakan konflik yang tercetus akibat wujud perbalahan antara individu yang faqih tentang agama dengan anggota kumpulan penganut agama tersebut. Konflik ini kebiasaannya tercetus disebabkan oleh perbezaan pendapat atau fahaman seseorang itu berkaitan agama tersebut.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan Bab

Kajian dalam bab ini memfokuskan kepada kedua-dua buah objektif bagi melihat dengan lebih mendalam konflik yang terdapat dalam kedua-dua karya tersebut. Pada peringkat awal, pengkaji akan mengenal pasti konflik-konflik yang terdapat novel dan drama *Ayahanda* dan kemudian mengkategorikan kepada empat aspek iaitu politik, ekonomi, sosial dan agama. Seterusnya, pengkaji akan menganalisis konflik-konflik yang telah dikenal pasti dan dikategorikan sebelum dipecahkan beberapa bahagian konflik secara spesifik bagi memudahkan pengkaji menganalisis setiap kategori konflik.

4.1 Mengenal pasti konflik masyarakat yang ditampilkan dalam drama *Ayahanda* dan novel *Ayahanda*

Pada bahagian ini, pengkaji akan mengenal pasti konflik-konflik yang terdapat di dalam drama dan novel *Ayahanda* kepada empat bahagian iaitu konflik politik, konflik ekonomi, konflik sosial dan konflik agama. Dalam konflik politik, pengkaji akan memecahkan kepada dua pecahan iaitu ketua dan pengikut manakala konflik ekonomi pula juga dipecahkan kepada dua bahagian iaitu miskin dan kaya. Seterusnya, konflik sosial dipecahkan kepada dua bahagian iaitu besar dan kecil dan yang terakhir ialah konflik agama yang dibincangkan secara keseluruhan.

4.1.1 Konflik Politik

Konflik politik wujud disebabkan wujud permasalahan antara pemerintah dengan diperintah disebabkan kuasa veto yang terdapat pada pemerintah yang membuatkan seseorang ketua itu boleh bertindak sesuka hati tanpa memikirkan pengikutnya yang dibawah. Hal ini disokong oleh Musliza Ahmad & Malike Ibrahim (2014) yang menyebut konflik politik wujud dalam sesebuah organisasi disebabkan seseorang ketua organisasi gagal untuk membuat keputusan yang terbaik sehingga menjejaskan kepentingan dan matlamat organisasi termasuk pengikut. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah memecahkan konflik-konflik yang ditemui dalam drama dan novel *Ayahanda* kepada dua bahagian iaitu ketua dan pengikut.

a) Ketua

Menurut Kamus Dewan (2005), ketua bermaksud individu yang mengepalai atau memimpin sesebuah organisasi, wilayah, dan anggota. Konflik politik yang berlaku ke atas sesebuah kumpulan atau kelompok kebiasaanya berlaku disebabkan sikap dan ego yang terdapat pada seseorang ketua. Perkara ini berlaku disebabkan individu tersebut merasakan dirinya lebih bagus daripada orang lain dan tidak perlu mendengar pendapat dan cadangan daripada pengikutnya kerana tindakan yang diambilnya adalah betul dan sesuai untuk semua orang. Berikut merupakan tangkap layar yang memaparkan salah satu adegan berkaitan konflik politik yang berpunca daripada ketua yang terdapat dalam drama *Ayahanda*:



Gambar 1: Tangkap layar yang memaparkan babak anak-anak Hj. Abdullah menuntut Hj. Abdullah meletakkan jawatan

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 1, minit 39:20

Menerusi babak ini, jelas dipaparkan bagaimana tingginya ego Hj. Abdullah untuk melepaskan jawatan imam disebabkan dia merasakan jawatan tersebut datang daripada Allah dan dia merasakan jawatan tersebut perlu dipertahankan. Waima, anak-anaknya meminta jawatan tersebut dilepaskan disebabkan Hj. Abdullah sudah lanjut usia dan tidak mampu untuk mengambi tugas sebagai imam. Tambahan pula, desakan dari Mat Rejab semasa mesyuarat dengan ahli jawatankuasa tadi agar masjid tersebut perlu ditutup dan mencadangkan jemaah kampung melakukan ibadat solat di masjid kampung sebelah memberi tanda jemaah masjid mahu Hj. Abdullah meletakkan jawatan sebagai ketua jemaah masjid dan hal ehwal agama kampung.

Hal ini jelas menunjukkan sesebuah konflik politik yang berlaku dalam sesebuah institusi tersebut berlaku akibat konflik dalaman yang berlaku dalam dirinya disebut ego. Konflik ini dipaparkan dalam kedua-dua sumber kajian iaitu novel dan drama yang memaparkan Hj. Abdullah enggan melepaskan jawatannya sebagai imam meskipun ramai pihak

sebenarnya menuntut dirinya untuk melepaskan jawatan tersebut dan diberikan kepada orang lain. Keegoan watak Hj. Abdullah atau bapa ini sebenarnya akan mewujudkan perpecahan antara sesama jemaah atau ahli keluarga sehingga melahirkan perasaan tidak suka antara keluarga dan jemaah masjid kepada bapa atau Hj. Abdullah.

Selain itu, konflik politik yang melibatkan ketua juga boleh melibatkan oleh sesebuah kumpulan yang berkuasa dalam sesuatu perkara. Untuk konflik ini, kumpulan ini tidak melibatkan tindakan atau reaksi tunggal individu berkuasa sahaja namun ia melibatkan keseluruhan entiti yang berkuasa dalam bidang tersebut. Secara ringkasnya, kelompok berkuasa membiarkan kehendak kelompok tidak berkuasa disebabkan mereka merasakan kehendak yang dilemparkan kepada pihak berkuasa tersebut sebagai tidak penting dan bukan keperluan sehingga menimbulkan reaksi kepada pihak yang tidak berkuasa. Reaksi yang ditampilkan oleh pihak berkuasa menyebabkan pihak tidak berkuasa berasa marah dan tidak berpuas hati dengan tindakan acuh tak acuh kerana segala keinginan dan hasrat mereka gagal diperolehi dan diberikan. Berikut merupakan adegan yang menunjukkan pihak kerajaan tidak melayan permintaan ahli jawatankuasa masjid untuk meluluskan permintaan pembinaan masjid baharu:



Gambar 2: Tangkap layar yang menunjukkan babak Mat Cin mengeluh kertas kerja permohonan masjid baru tidak diluluskan oleh pihak kerajaan

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 1, minit 30:10

Berdasarkan gambar di atas, dipaparkan sikap orang atasan yang tidak bersungguh-sungguh untuk membantu orang bawahan meningkatkan kemudahan tempat beribadat waima tempat beribadat mereka sudah menunggu hari untuk rebah ke bumi. Hal ini menyebabkan jemaah masjid terpaksa mengambil jalan alternatif dengan berpindah ke masjid yang lain untuk menunaikan ibadah solat kerana bimbang memberi kemudahan kepada diri mereka. Namun begitu, sikap hipokrit golongan atasan mendatangkan impak negatif kepada orang lain kerana perkara yang diabaikan oleh mereka boleh membunuh nyawa orang lain. Berikut merupakan adegan dalam drama *Ayahanda* yang memaparkan situasi kesan pihak kerajaan mengambil sikap sambil lewa terhadap permintaan ahli jawatankuasa masjid agar sebuah masjid baharu dapat dibina dengan kadar segera:



Gambar 3: Tangkap layar yang memaparkan Hj. Abdullah dan isterinya dimasukkan ke hospital akibat ditimpa alang masjid kerana masjid tersebut roboh

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 3-minit 5

Berdasarkan babak di atas, sekiranya pihak atasan meluluskan segera peruntukan yang dimohon oleh jemaah masjid sebelum ini maka perkara ini dapat dielakkan dan nama baik kerajaan pasti akan di angkat tinggi. Namun begitu, sikap sambil lewa pihak atasan yang tidak turun padang untuk melihat sendiri keadaan sebenar masjid tersebut memberi impak yang besar kepada Hj. Abdullah dan isternya. Pihak atasan hanya bertindak apabila masjid tersebut viral dan mendapat tempat di dada akhbar dan laman-laman media elektronik dan media sosial. Berikut merupakan adegan yang menunjukkan pihak kerajaan melalui Majlis Agama Islam dan Pejabat Zakat yang baru bertindak meluluskan peruntukan pembinaan masjid baharu dan pemberian sagu hati kepada imam masjid dalam drama *Ayahanda*:

MALAYSIA

KELANTAN



Gambar 4: Tangkap layar yang menunjukkan Hj. Kasim memberitahu Hj. Abdullah berkaitan peruntukan yang diberi oleh badan kebajikan Islam kerajaan untuk membina masjid baharu dan pemberian sugu hati kepada Hj. Abdullah

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 32:10

Situasi ini juga turut terdapat dalam karya asal yang diadaptasi drama ini iaitu novel *Ayahanda* yang turut memaparkan tindakan segera yang diambil oleh pihak kerajaan agar satu masjid baharu dapat dibina dengan segera:

Selepas kejadian buruk di mana emak dan bapa ditimpa alang masjid, Majlis Agama Islam dan pejabat zakat pun bertindak. Satu masjid baharu akan dibuat. Amat cepat tindakan mereka.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 48)

Berdasarkan daripada tangkap layar dan petikan di atas, hal ini jelas menunjukkan wujud konflik berkepentingan antara sesebuah kumpulan berkuasa dengan kumpulan tidak berkuasa. Hal ini disebabkan Majlis Agama Islam dan pejabat zakat selaku kumpulan berkuasa hanya mengambil tindakan dan mendengar cadangan jemaah masjid selepas kejadian masjid itu roboh. Melalui peristiwa ini, kita dapat melihat bagaimana sikap pihak berkuasa yang mengambil sikap sambil lewa ke atas perkara yang seharusnya mereka bertanggungjawab namun lebih memilih

untuk menjadi orang-orang di sawah daripada turun padang melihat sendiri keadaan masjid tersebut. Tindakan seperti ini akan membuatkan jemaah masjid lebih menyampah dengan pihak berkuasa untuk memohon sesuatu bantuan kerana mereka lebih memilih sesuatu perkara itu telah terjadi dan viral untuk mereka mengeluarkan peruntukan dan pelan segera untuk pembinaan masjid baharu. Walhal, peruntukan boleh dikeluarkan sebelum kejadian itu berlaku kerana pihak masjid telah menghantar beberapa kali kertas kerja untuk pembinaan masjid baharu.

b) Pengikut

Mengikut Kamus Dewan (2005), pengikut merupakan individu atau suatu kumpulan yang mengikuti atau mendengar segala arahan daripada seseorang yang mewakili kumpulan mereka. Secara singkatnya, pengikut ialah kumpulan besar yang melakukan segala perbuatan yang diberikan oleh ketua mereka.

Konflik politik juga tidak berlaku di peringkat ketua sahaja tetapi turut berlaku pada peringkat pengikut. Kebiasaannya, pengikut akan menyuarakan ketidakpuasan hati mereka sekiranya majoriti besar tidak menyukai polisi dan cadangan yang ingin dibuat oleh ketua mereka. Mereka akan melakukan protes terhadap tindakan yang diambil oleh ketua mereka kerana mereka melihat perkara tersebut tidak seharusnya dilaksanakan oleh ketua mereka. Perkara ini akan memberi kesan kepada keharmonian sesebuah institusi disebabkan berlaku pergaduhan antara ketua dan pengikut. Berikut merupakan petikan teks yang memaparkan konflik politik melibatkan pengikut dalam novel *Ayahanda*:

Kariah masjid melakukan protes dengan tidak ingin menunaikan Solat Jumaat kerana pihak yang bertanggungjawab enggan mempedulikan hasrat mereka untuk mempunyai masjid yang baru dan membiarkan penduduk kampung bersebahyang di masjid yang uzur dan reput.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 43)

Meskipun kejadian protes yang dipaparkan dalam petikan di atas merupakan mimpi kepada enak watak utama namun turut memberi tanda kepada pembaca bahawa jemaah masjid sebenarnya tidak berpuas hati dengan sikap pihak kerajaan yang tidak mengendahkan permintaan mereka. Jemaah masjid merasakan pihak berkuasa tidak ingin membantu mereka sehingga mereka perlu mewujudkan protes di rumah ibadat tersebut agar pihak kerajaan mendengar rintihan mereka agar satu pembinaan masjid baharu dapat dibina.

4.1.2 Konflik Ekonomi

Menurut Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2018), konflik ekonomi berkait rapat dengan pembangunan ekonomi dan masalah kemiskinan yang melanda masyarakat sehingga menyebabkan masyarakat kampung masih hidup miskin manakala masyarakat bandar sebaliknya. Oleh yang demikian, konflik ekonomi yang dibahasakan dalam bahagian ini dipecahkan kepada dua pecahan golongan iaitu miskin dan kaya.

a) Miskin

Menurut Qardawi (2002), miskin merupakan golongan yang tidak mempunyai harta atau golongan yang mempunyai harta atau usaha tetapi tidak mencukupi untuk diri dan keluarganya, iaitu penghasilannya tidak memenuhi separuh atau kurang dari keperluannya; dan mereka mempunyai harta atau usaha yang hanya mencukupi separuh atau lebih keperluan diri dan keluarganya, tetapi tidak dapat memenuhi semua keperluannya.

Golongan miskin merupakan golongan gaya hidup masyarakat yang berada di bawah dan sentiasa dipandang enteng oleh masyarakat kaya. Golongan ini hanya kais pagi makan pagi kais petang makan malam sahaja dalam meneruskan kehidupan dan sentiasa berharap pada pertolongan orang lain. Mereka mengharapkan ihsan orang lain kerana mereka tidak berkemampuan untuk membelikan makanan dan keperluan-keperluan yang lain. Berikut merupakan contoh konflik ekonomi melibatkan golongan miskin dalam drama *Ayahanda* yang berlaku pada watak Hj. Abdullah:



Gambar 5: Tangkap layar yang menunjukkan Noriah mengadu kepada Aziz bahawa rantai emasnya telah digadai oleh Hj. Abdullah atas tujuan pembelian penghawa dingin untuk kegunaan di masjid baharu

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 5, minit 40:20

KELANTAN

Konflik di atas turut terdapat dalam novel *Ayahanda* yang jelas menampakkan konflik ekonomi gaya hidup masyarakat miskin yang melanda watak bapa:

“Pak kau tu...”

“Kenapa?”

“Dia ambil gelang dan rantai aku, tak diberitahu pun.”

“Bila”

“Petang kelmarin.”

Aku tersentak. Aku merenungi emak. “Sungguh?”

Aku bertanya agak keras.

“Barangkali dia gadai beli kipas angin.”

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:67)

Berdasarkan rajah dan petikan di atas, Hj. Abdullah atau watak bapa sanggup menggadai gelang isterinya kerana tidak berkemampuan untuk membeli kipas atau penghawa dingin bagi menjaga maruah anak bongsu mereka. Hal ini berlaku disebabkan Hj. Abdullah atau bapa merupakan seorang petani yang gajinya tidak begitu besar dan perlu menunggu musim menuai untuk mendapatkan duit untuk menyara diri dan isterinya. Maka, dirinya tiada alternatif lain selain mengambil harta isterinya untuk dijadikan gadaian untuk membeli barangan elektrik tersebut.

Selain itu, wujud konflik ekonomi yang menampakkan nilai mata wang pada masa tersebut yang dilihat rendah dengan kos sara hidup masa kini kerana harga barang yang semakin mahal saban hari. Berikut merupakan contoh konflik ekonomi yang terdapat dalam novel *Ayahanda* yang menampakkan kos sara hidup pada masa tersebut:

Aku pun tahu 100 ringgit bukanlah banyak dalam zaman mata wang yang rendah. Tetapi, aku mahu tunjuk pongah pada bapa.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:118)

Seterusnya, terdapat juga konflik ekonomi dalam gaya hidup miskin yang ditampilkan dalam novel *Ayahanda* yang terpaksa berhutang bagi menampung memenuhi keperluan pada masa tersebut. Berikut merupakan petikan yang menampilkan konflik di atas dalam novel tersebut:

Tetapi bapa tidak mengira harga, bapa pandai cekau sahaja di Kedai Ching Hong. Hutang itu sampai bertapak-tapak. Siap esok, kira sahaja berapa semuanya. Tidak mampu bayar penuh, tunggu musim padi

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 156)

Namun begitu, konflik ekonomi yang melanda masyarakat miskin turut ditemui dalam watak-watak sampingan dalam drama *Ayahanda*. Hal ini dapat dilihat pada keluarga Kakak Limah yang dipaparkan sebagai keluarga yang mengalami konflik ekonomi bagi kategori golongan miskin. Berikut merupakan adegan yang menunjukkan suami Kakak Limah sedang bertengkar berkaitan masalah duit dengan Kakak Limah:



Gambar 6: Tangkap layar yang menunjukkan pertenggaran antara Kakak Limah dengan suaminya disebabkan sikap suaminya yang mementingkan burung berbanding keluarganya

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 18:30

Berdasarkan rajah di atas, konflik ekonomi yang melanda keluarga Kakak Limah meletakkan watak ini pada gaya hidup yang miskin disebabkan keluarga mereka hanya mempunyai sumber kewangan yang terhad. Tambahan pula, dipaparkan perwatakan suaminya yang suka bermain judi burung telah membuatkan duit simpanan mereka berada pada tahap yang rendah disebabkan suaminya menggunakan duit tersebut untuk membelikan makanan burung sahaja. Disebabkan suaminya telah menggunakan duit tersebut, suami Kakak Limah berjanji akan memberikan duit kemenangan tersebut kepada Limah dengan menjanjikan jumlah beras yang banyak untuk diletakkan di dapur.

Selain itu, terdapat juga watak sampingan lain yang dipaparkan dalam drama *Ayahanda* seperti Abang Ramli dan Abang Ahmad yang dikategorikan sebagai golongan miskin disebabkan mereka tidak mempunyai pendapatan yang besar disebabkan oleh beberapa faktor. Abang Ramli ditunjukkan sebagai seseorang yang hidup sederhana yang perlu menanggung kos perubatan ibu mertuanya dan menyara keluarga kecilnya sahaja dan tidak berkemampuan untuk membantu orang lain seperti yang terdapat dalam satu adegan drama yang memaparkan Kakak Limah ingin meminjam duit Abang Ramli untuk membayar yuran tuisyen anak Kakak Limah namun Abang Ramli tidak dapat membantu kerana duitnya cukup-cukup untuk menyara keluarga dan menanggung kos perubatan ibu mertuanya sahaja. Abang Ahmad pula ditampilkan sebagai individu yang telah diberhentikan kerja oleh pihak kilang tanpa mendapat sebarang pampasan dan memerlukan bantuan untuk memperbesarkan lagi kebun sayurnya sambil perlu menyara dua orang anaknya. Berikut merupakan

adegan yang memaparkan situasi Kakak Limah mendengar rintihan adiknya Ramli dan adiknya Ahmad yang menyatakan dirinya mereka mengalami kesusahan:



Gambar 7: Tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah sedang berbual dengan Ramli dan Ahmad yang menyatakan keadaan kewangan mereka pada masa kini

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 16 & minit 27

Berdasarkan daripada beberapa konflik yang di senaraikan di atas, wujud beberapa konflik yang terdapat dalam kedua-dua karya sama ada situasi tersebut sama dalam kedua-dua karya atau dicipta sendiri oleh pengarah dalam drama tersebut bagi menyeronokkan drama tersebut atau menjelaskan dengan lebih terperinci gaya hidup adik-beradik Aziz yang tidak dijelaskan dengan terang gaya hidup mereka dalam novel tersebut.

b) Kaya

Menurut Kamus Dewan (2005), kaya merupakan golongan yang mempunyai banyak harta seperti wang dan sebagainya melebihi daripada orang lain dalam seseorang kumpulan masyarakat. Golongan kaya pula merupakan golongan gaya hidup masyarakat yang berada di atas dan sentiasa dipandang mulia oleh semua masyarakat. Hal ini disebabkan mereka berkemampuan membeli barang-barang mewah dan mampu membantu orang lain. Malah, mereka juga tidak perlu bantuan orang lain

untuk meneruskan kehidupan kerana mereka mempunyai lebih pendapatan daripada orang lain. Berikut merupakan contoh konflik ekonomi yang melibatkan masyarakat kaya yang dipaparkan dalam drama *Ayahanda*:



Gambar 8: Tangkap layar yang memaparkan babak Mazni yang sudi memberikan wangnya kepada Kakak Limah untuk membayar yuran tuisyen Bada

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 5, minit 29:50


Berdasarkan rajah di atas, walaupun Mazni ini berada pada golongan kaya namun dia tetap baik hati untuk membantu kakak iparnya dalam membayar yuran tuisyen Bada setiap bulan kerana Kakak Limah tidak mempunyai duit untuk membayarkan yuran tuisyen tersebut. Hal ini menunjukkan tidak semua golongan kaya itu mempunyai sikap kedekut atau tidak ingin membantu golongan miskin kerana perkara tersebut bergantung kepada budi bicara diri seseorang juga. Sekiranya dia kedekut maka mana mungkin dia berkehendak untuk membantu individu lain yang tidak berkemampuan. Berikut merupakan contoh konflik ekonomi gaya hidup golongan kaya yang terdapat dalam drama *Ayahanda* yang berminat membeli barangan mewah:



Gambar 9: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni berminat untuk membeli beg tangan berharga RM2000.00

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 7, minit 24

Berdasarkan babak ini, golongan kaya diperlihatkan sebagai golongan yang berkemampuan dalam membeli barangan mewah meskipun duit itu pada dasarnya boleh disimpan untuk kegunaan duit kecemasan. Namun begitu, barangan mewah dan golongan kaya tidak boleh dipisahkan bagai isi dengan kuku. Seterusnya, berikut juga merupakan contoh konflik ekonomi golongan kaya yang terdapat dalam drama *Ayahanda*:



Gambar 10: Tangkap layar ini memaparkan Aziz meminta Mazni untuk menjualkan pekasam Rahayu pada rakan-rakannya

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 7, minit 25:30

Berdasarkan rajah di atas, dipaparkan sikap Mazni yang berada dalam golongan kaya yang tidak suka untuk menjual pekasam kerana merasakan barangan tersebut busuk dan tidak sesuai dengan dirinya yang merupakan usahanita kosmetik. Tambahan pula, dia merasakan golongan

kaya hanya layak menjual barangan-barangan kelas tinggi seperti produk kosmetik.

Namun begitu, terdapat juga sesetengah individu yang berada dalam kategori golongan kaya namun sudi berkongsi dengan masyarakat hasil pendapatan mereka dengan memberikan bantuan yang sepatutnya kepada golongan miskin. Berikut merupakan adegan yang menunjukkan situasi di atas dalam drama *Ayahanda*:



Gambar 11: Tangkap layar yang memaparkan Kakak Limah menghadiri perjumpaan yang diadakan oleh Rahayu bagi membantu orang kampung dalam dunia perniagaan

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 5, minit 18

Berdasarkan rajah di atas, meskipun Rahayu berada dalam golongan kaya disebabkan dia mempunyai syarikat pekasam namun dia tetap membantu orang kampung dengan mengambil orang kampung untuk berkerja dengan syarikat pembuatan pekasamnya dan membantu penduduk kampung yang ingin memulakan perniagaan baru dalam bentuk makanan terutama untuk terlibat dalam Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Perkara ini menunjukkan terdapat golongan kaya yang tidak berkira atau bersifat murah hati dalam membantu golongan yang tidak berkemampuan agar sama-sama dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan senang daripada sebelum ini.

Sungguhpun begitu, terdapat juga konflik ekonomi yang melanda golongan kaya disebabkan pada masa-masa tertentu kewangan mereka tiba-tiba menipis dan mereka terpaksa menutup malu dengan meminjam atau individu lain yang terpaksa menggunakan wang mereka agar maruah mereka sebagai golongan kaya tidak tercalar. Situasi ini berlaku ke atas watak utama dalam novel dan drama *Ayahanda* apabila duit poketnya habis digunakan kepada perkara yang lain sehingga tidak mampu menanggung perkara yang sebenar. Berikut merupakan petikan yang memaparkan watak utama tidak mampu membelikan kipas untuk diwaqafkan kepada masjid baharu dalam novel *Ayahanda*:

... Duit 150 yang aku simpan untuk membeli kipas angin, sebenarnya memang ada tetapi aku telah gunakan untuk membaiki kereta yang tiba-tiba rosak. Bayaran upah telah melebihi tiga kali ganda daripada harga kipas angin. Aku terpaksa berhutang dengan kawan pula.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 54)

Situasi ini turut diadaptasi oleh pengarah drama *Ayahanda* dalam drama tersebut dengan menukar barang elektrik tersebut kepada penghawa dingin dengan berjanji akan membelikan penghawa dingin kepada masjid sebagai waqaf anak perantau kepada rumah ibadat di kampung kelahiran mereka. Namun begitu, hajat tersebut tidak kesampaian apabila Aziz tidak berkemampuan untuk membeli penghawa dingin disebabkan duit tersebut telah diberikan kepada Mazni untuk tujuan pusingan modal perniagaannya. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi di atas:



Gambar 12: Tangkap layar yang menunjukkan Aziz memberitahu ayah dan emaknya berkaitan dirinya tidak mampu membelikan penghawa dingin

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 4, minit 21

Seterusnya, wujud konflik dalam golongan kaya apabila golongan perempuan khususnya mempunyai sikap ingin dipuji dengan mengatakan kepada khayalak bahawa suaminya seorang yang kaya dan berkemampuan memberikan keinginan yang diperlukan oleh isterinya asalkan itu merupakan sebuah pembohongan semata-mata. Perkara ini turut dipaparkan dalam drama *Ayahanda* apabila Mazni mengatakan kepada rakan-rakannya bahawa beg tangan yang digalasnya itu merupakan pembelian suaminya sempena ulang tahun perkahwinan mereka waima beg tangan tersebut dibeli dengan menggunakan duitnya sendiri. Berikut merupakan adegan dalam drama *Ayahanda* yang memaparkan situasi di atas:



Gambar 13: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni memberitahu beg tangannya yang diberi oleh suaminya kepada rakan-rakannya

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 2, minit 19:40

Malahan, terdapat juga adegan yang lain memaparkan sikap Mazni yang suka menunjukkan kepada pengikut Instagram miliknya barangan-barangan mewah yang dibeli oleh suaminya bagi menunjukkan mereka ini orang berkemampuan. Namun, komputer riba yang dibeli oleh Aziz bukanlah sepenuhnya duit Aziz tetapi terdapat duit tambahan dari Mazni bagi membeli barangan elektrik tersebut. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi di atas:



Gambar 14: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni meminta suaminya mempamerkan komputer ribanya untuk disiarkan di akaun media sosial Instagram milik dirinya.

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 26:10

4.1.3 Konflik Sosial

Konflik sosial pula merupakan konflik yang wujud dalam sesebuah komuniti sama ada dalam kelompok yang besar seperti penduduk kampung atau jemaah masjid atau kelompok yang berada luar daripada keluarga seseorang tersebut. Menurut Maghfirotul Humaidiyah (2021), konflik sosial kebiasaannya wujud disebabkan seseorang itu merasakan diri mereka berperanan dalam mempertahankan debat sehingga mewujudkan marah dan benci yang melukakan dan menghancurkan hati pihak lawan. Lantaran itu, konflik sosial yang tercetus dalam masyarakat memberi impak negatif kepada keharmonian masyarakat termasuk komuniti kecil seperti keluarga.

Selain itu, terdapat juga konflik yang muncul dalam sesebuah komuniti namun dalam konteks komuniti yang lebih kecil seperti keluarga. Kedua-dua konflik yang muncul dalam kedua-dua komuniti ini merupakan konflik yang jelas kita lihat hasil daripada konflik yang wujud dalam konflik-konflik sebelum ini iaitu ekonomi dan politik.

a) Kecil (Keluarga)

Konflik komuniti sosial pada skala kecil kebiasaannya berlaku pada keluarga yang terdapat dalam sesebuah masyarakat tersebut. Konflik ini berlaku disebabkan salah faham yang wujud antara seorang ayah dengan anaknya atau anaknya dengan ibunya atau antara adik-beradik. Selain itu, konflik ini juga boleh tercetus disebabkan faktor luaran seperti campur tangan daripada komuniti yang lebih besar disebabkan terdapat isu yang mempunyai kaitan dengan orang yang daripada keluarga tersebut. Konflik

ini juga boleh berlaku disebabkan konflik yang tercipta daripada politik dan ekonomi komuniti kecil dan komuniti besar. Berikut merupakan tangkap layar yang memaparkan konflik sosial yang berlaku dalam komuniti yang kecil dalam drama *Ayahanda*:



Gambar 15: Tangkap layar ini menunjukkan babak pertenggaran antara anak-anak Hj. Abdullah dengan Hj. Abdullah berkaitan isu penutupan masjid

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 1, minit 38-42

Berdasarkan rajah di atas, konflik ini wujud disebabkan anak-anak Hj. Abdullah iaitu Aziz, Ramli, Ahmad dan Limah bersepakat meminta Hj. Abdullah meletakkan jawatan dan masjid ditutup lalu Hj. Abdullah tidak bersetuju lalu membawa diri keluar dari rumah.

Peristiwa ini memperlihatkan berlakunya konflik yang sama berlaku seperti di atas namun ini merupakan konflik asal yang berlaku manakala konflik yang di atas pula merupakan konflik yang diubah suai agar sesuai dengan garis masa kini:

Watak aku meminta bapa melepaskan jawatan sebagai imam dan jurunikah melalui surat yang dihantar menggunakan telegram yang membuatkan bapa terasa hati lalu mereka tidak bercakap apabila setibanya dia di rumah bapa.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:235)

Selain itu, terdapat juga konflik komuniti bagi kategori kecil yang melibatkan keluarga kecil yang lain daripada konflik yang berlaku di atas

dan konflik ini berlaku disebabkan hadirnya individu yang ketiga seperti yang dipaparkan pada gambar di bawah:



Gambar 16: Tangkap layar ini memaparkan babak Aziz telah berjumpa dengan kekasih lamanya sehingga membuatkan dirinya menjadi tidak keruan

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 2, minit 13

Berdasarkan babak di atas, wujud konflik dalam sesebuah keluarga akibat kehadiran orang ketiga yang membuatkan salah seorang daripada pasangan tersebut mula membahagi kasih sayang dengan orang luar. Perkara ini menjejaskan hubungan seseorang itu dengan keluarga kecilnya kerana dia mula mengingati orang luar untuk dijadikan sebahagian daripada keluarga. Berikut merupakan konflik yang berlaku lebih kurang sama dengan situasi di atas namun ini konflik asal yang terdapat dalam novel *Ayahanda* sebelum diolah semula ke dalam drama seperti yang terdapat di atas:

Bapa berkata “Bisa sembilang 36 jam. Bertemu kob.
Air pasang
sekali lagi baru bisa kau surut.”
“Bapa bohong. Bapa bencikan saya. Bapa cuma ikut
petua!”

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:141)

Seterusnya, wujud konflik yang melibatkan ayah dengan anaknya akibat sikap ego ayahnya yang membuatkan anaknya berasa tidak suka

dengan ayahnya kerana merasakan ayahnya mengabaikan tanggungjawab ke atasnya dan tidak menyukai dirinya. Berikut merupakan petikan yang terdapat dalam novel *Ayahanda* yang memperlihatkan situasi di atas:

Watak aku bercadang berkahwin dengan Ramlah
bagi membantu
mengurus hal-hal rumah dan minum bapa tanpa
pengetahuan isteri
dan anaknya.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:225)

Namun begitu, terdapat juga konflik antara watak utama dengan adik-beradiknya disebabkan tindakan yang diambil oleh watak utama yang memberi kesan kepada ibu bapa mereka. Hal ini membuatkan adik-beradik kepada watak utama berasa marah dan tidak suka dengan watak utama. Oleh itu, gambar-gambar dan petikan di bawah memaparkan konflik berkenaan yang terdapat dalam drama dan novel *Ayahanda*:

Mendengar terkena kulit siput, aku sungguh kesal.
Tetapi Abang Ramli melihat aku penuh kebencian.
Aku tahu sebabnya.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 109)

Petikan di atas merupakan konflik yang berlaku antara watak utama dengan Abang Ramli disebabkan tindakan Aziz yang membuatkan kaki ayah mereka tercucuk kulit siput yang sehingga membuatkan Abang Ramli berasa marah pada ketika itu. Selain daripada itu, dalam drama wujud konflik antara Kakak Limah dengan watak utama. Pada episod empat, Kakak Limah mempertikaikan kemampuan adiknya kepada emaknya berkaitan adiknya ingin memberikan pendingin hawa kepada masjid baharu waima pada bulan sebelumnya adiknya mengatakan dia tidak mampu memberikan wang

kepada Kakak Limah untuk membayarkan tuisyen anaknya. Berikut merupakan gambar yang memaparkan situasi di atas:



Gambar 17: Tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah sedang berbual dengan Noriah tentang kemampuan Aziz memberikan penghawa dingin kepada Aziz

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 4, minit 9:30

Selain itu, terdapat juga terdapat juga konflik antara Kakak Limah dengan watak utama. Hal ini berlaku akibat kegagalan Aziz untuk menjaga ayahnya sehingga ayahnya dimasukkan ke hospital kerana badannya lemah. Hal ini berlaku disebabkan ayahnya menyelamatkan Aziz yang lemas ketika mereka memancing hari itu sedangkan ayahnya sendiri belum kebah daripada badannya yang demam. Berikut merupakan tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah sedang marah kepada Aziz disebabkan kelalaian Aziz menjaga ayahnya:



Gambar 18: Tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah memarahi Aziz kerana tidak pandai menjaga Hj. Abdullah

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 13, minit 27:30

Selain daripada itu, terdapat juga konflik keluarga yang melibatkan adik-beradik watak utama dengan ayah mereka. Hal ini berlaku kerana terdapat perbuatan ayah mereka yang membuatkan mereka berasa tidak senang dan tidak mampu untuk duduk bersama. Sebagai contoh, terdapat babak dalam novel yang memperlihatkan adik-beradik watak utama tidak hadir ke rumah ayah mereka untuk makan bersama sebagai sebuah keluarga disebabkan penyakit kulit yang dihadapi oleh ayah mereka.

Patutlah abang-abangku tidak mahu datang makan.
Patutlah suami Kakak Limah juga tidak datang.
Patutlah Kakak Limah, Kakak Piah dan Khomsiah
juga teragak-agak hendak makan. Rupa-rupannya
mereka loya.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 217)

Hal ini turut terdapat dalam drama *Ayahanda* apabila Kakak Limah mempertikaikan tindakan ayahnya yang terlalu mengagung-agungkan anaknya disebabkan tidak ingin malu dengan orang kampung yang anak mereka berkerja di luar tidak memberi sumbangan apa-apa kepada masjid baharu tersebut. Berikut merupakan adegan yang memaparkan Kakak Limah mengadu kepada emaknya berkaitan adiknya, Aziz:



Gambar 19: Tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah berbual dengan Hj Noriah tentang kekesalannya terhadap Hj. Abdullah yang mahu menjaga air muka Aziz

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 4, minit 9:30

Seterusnya, pengkaji juga menjumpai konflik watak utama dengan isteri dan anaknya dalam novel dan drama *Ayahanda*. Dalam novel, konflik yang wujud antara watak utama dengan isterinya tidak begitu banyak ditonjolkan namun dalam drama, konflik antara dua insan ini diberi lebih banyak masa skrin oleh pengarah. Berikut merupakan petikan yang memaparkan konflik watak utama dengan isterinya apabila isterinya tegar menutup lampu ayahnya yang sedang baca Al-Quraan yang membuatkan mereka bertengkar:

“Kau padam lampu bilik pak?”

“Hmmm.”

“Bukankah pak sedang baca Quraan tu?”

“Tapi kita nak tidur.”

Aku lihat isteriku yang mengerekot di sisiku ini seperti seekor sapi betina yang harus disembelih.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 322)

Seiring dengan penampilan konflik tersebut dalam novel, terdapat juga konflik tersebut dalam drama *Ayahanda* namun dalam konteks yang berbeza disebabkan pengarah ingin mengembangkan konflik yang wujud dalam drama dengan lebih baik sesuai dengan penghasilan drama pada era ini. Berikut merupakan tangkap layar yang memaparkan Mazni bergaduh dengan Aziz disebabkan kesanggupan Aziz menikah dengan wanita yang lain:



Gambar 20: Tangkap layar ini menunjukkan Mazni yang kebetulan tertembung dengan suaminya bersama-sama isteri barunya dan Hj. Abdullah ketika baru pulang dari Songkla, Thailand

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 12, minit 2:50

Namun begitu, konflik Aziz dan Mazni dilihat semakin teruk apabila Mazni bertindak dengan lebih agresif sehingga mencederakan Aziz disebabkan kegagalan dirinya untuk mengawal emosi disebabkan masih tidak boleh menerima realiti bahawa suaminya telah memadukan dirinya. Berikut merupakan tangkap layar yang menunjukkan situasi berkenaan:



Gambar 21: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni mencedarakan Aziz dengan menggunakan kaca yang pecah daripada pinggan yang dibalingnya

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 12, minit 39:20

Walau bagaimanapun, terdapat juga konflik yang melanda emak watak utama dengan bapa watak utama disebabkan ego bapa yang merasakan isterinya harus patuh setiap tutur kata yang keluar dari mulutnya tanpa perlu mengambil kira pandangan dari isterinya bagi segala. Hal ini membuatkan isterinya terasa hati lalu membawa diri keluar daripada wad

suaminya kerana merasakan suaminya tidak menyayangi dirinya lagi. Berikut merupakan tangkap layar yang terdapat konflik antara suami isteri tersebut:



Gambar 22: Tangkap layar yang menunjukkan Noriah meninggalkan Hj. Abdullah sambil diperhati oleh Lebai Kasim yang kebetulan ingin melawat Hj. Abdullah

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 22:50

b) Besar (Penduduk Kampung)

Konflik komuniti yang berlaku pada skala yang besar kebiasaannya berlaku pada sesebuah penduduk kampung atau jemaah masjid. Konflik ini tercetus akibat sikap ketidakpuashatian beberapa penduduk kampung atau komuniti tersebut terhadap sesuatu perkara. Perkara ini boleh memberi impak yang negatif sekiranya tidak diingini dengan segera.

Namun begitu, terdapat juga sikap individualistik yang melanda sesebuah masyarakat memberi kesan kepada ahli masyarakat yang lain kerana merasakan perkara tersebut tidak salah dan boleh dilakukan sesuka hati. Berikut merupakan petikan yang memaparkan konflik tersebut:

Akhimya, perahu yang sering dipinjam itu bukan sahaja untuk ke laut memukat ikan, tetapi digunakan juga untuk mengangkut kayu bakau. Mana perahu tidak jahanam kalau hari-hari dihempas kayu bakau sebesar lengan.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997 :159)

Perkara ini berlaku disebabkan sikap baik hati watak bapa yang menyebabkan penduduk kampung mengambil kesempatan terhadapnya untuk menggunakan perahunya. Malah, terdapat juga barangan lain yang turut diberikan bapa kepada penduduk kampung untuk digunakan oleh mereka sehingga rosak. Berikut merupakan petikan yang memaparkan situasi yang berlaku sama seperti yang di atas:

Orang pinjam lebih kerap daripada bapa ke laut.
Pukat Jepun yang Bapa beli beratus-ratus ringgit
juga diberi orang pinjam. Sewanya tidak ada. Kalau
ada pun cuma seekor dua ikan bila mereka pulang.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:158)

Petikan di atas jelas menunjukkan konflik yang berlaku ke atas bapa dengan penduduk kampung yang menampakkan sikap individualistik penduduk kampung dalam menggunakan harta orang lain sehingga menyusahkan individu dalam kumpulan masyarakat tersebut. Mereka seharusnya bertanggungjawab ke atas harta benda orang lain terutama harta yang mereka pinjam kerana terdapat dalam teks yang lain yang menyatakan mereka tidak bertanggungjawab ke atas harta tersebut. Berikut merupakan petikan teks yang menyatakan perkara tersebut dalam novel *Ayahanda*:

Bocor, bapa yang tampung. Pecah, bapa yang gala.
Dayung patah bapa ganti. Akhirnya, jahanam

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:159)

Selain itu, terdapat juga konflik antara bapa watak utama dengan bekas kekasih watak utama yang hanya terdapat dalam drama *Ayahanda* sahaja disebabkan konflik ini merupakan penambahan daripada pengaruh yang bersesuaian dengan konflik masyarakat pada hari ini. Dalam novel, tidak terdapat konflik antara bapa watak utama dengan bekas kekasih watak

utama disebabkan tidak ditunjukkan langsung siapakah bekas kekasih watak utama. Berikut merupakan tangkap layar yang menunjukkan Hj. Abdullah menasihati Rahayu agar meninggalkan Aziz disebabkan Hj. Abdullah merasakan Rahayu punca kepada kegagalan Aziz untuk lulus dalam pendidikan diplamanya:



Gambar 23: Tangkap layar yang menunjukkan Hj. Abdullah berbual dengan Rahayu yang merupakan imbas kembali Rahayu pada masa dahulu

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 2:30

Seterusnya, terdapat juga konflik yang melanda adik-beradik watak utama dengan penduduk kampung akibat ayah mereka yang dilihat tinggal di masjid dan jarang pulang ke rumah selepas kematian isterinya. Konflik ini ditemui dalam novel *Ayahanda* dan berikut merupakan petikan yang memaparkan situasi berkenaan:

... Orang kampung menganggap kami anak beranak telah mengabaikan bapa. Orang mungkin tuduh kami tidak bertanggungjawab, tidak peduli orang tua...

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 236)

4.1.4 Konflik Agama

Konflik agama ini merupakan konflik yang tercetus akibat wujud perbalahan antara individu yang faqih tentang agama dengan anggota kumpulan penganut agama tersebut. Konflik ini kebiasaannya tercetus disebabkan oleh perbezaan pendapat atau fahaman seseorang itu berkaitan agama tersebut. Hal ini turut disokong oleh Nur Azuki Yusuff (2015) yang menyatakan pendidikan dan persekitaran sosial tidak sihat menyumbang kepada salah faham agama dalam ahli masyarakat.

Oleh sebab itu, terdapat beberapa konflik agama yang ditemui dalam drama dan novel *Ayahanda*. Berikut merupakan contoh konflik agama yang tercetus dalam drama *Ayahanda*:



Gambar 24: Tangkap layar yang memaparkan Mat Rejab, Mat Cin dan Roslan meminta Hj. Abdullah melepaskan jawatan sebagai imam dan menutup masjid kerana faktor keuzuran masjid

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 1, minit 28

Berdasarkan rajah di atas, geng-geng Mat Rejab meminta supaya semua jemaah berpindah ke Masjid Kampung Kubang kerana masjid ini telah uzur dan tidak sesuai untuk digunakan. Melalui rajah ini juga terdapat dua mesej yang disampaikan oleh geng Mat Rejab iaitu menyuruh Hj. Abdullah untuk meletakkan jawatan dan menutup masjid. Meskipun mereka tidak menyatakan secara langsung untuk meminta Hj. Abdullah untuk

mengundur namun dengan permintaan mereka untuk berpindah masjid dan menutup masjid tersebut merupakan langkah berani yang diambil mereka untuk menyuruh Hj. Abdullah untuk berhenti sebagai imam.

Di samping itu, terdapat juga konflik agama yang lain ditampilkan dalam novel *Ayahanda* ini iaitu wujud jemaah yang inginkan perubahan pada tenaga pengajar agama di masjid. Berikut merupakan petikan teks yang menunjukkan situasi di atas dalam novel *Ayahanda*:

Ada seorang dua anak muda yang rajin berjemaah waktu maghrib dan isyak bersungut yang bacaan kitab bapa masih ditakuk lama. Tidak ada tafsiran baru, kolot dan cara tua.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:37)

Berdasarkan pada pernyataan di atas, kita dapat melihat bagaimana konflik yang wujud dalam kalangan jemaah yang bosan dengan cara dakwah bapa kerana menggunakan teknik tradisional dan menginginkan guru yang baharu, muda dan mesra dengan perkembangan dakwah masa kini.

Malah, konflik ini dilihat lebih teruk apabila jemaah masjid semakin tidak berminat untuk mendengar pengajian apabila bilangan anak jemaah yang ingin mendengar bacaan kitab semakin susut saban hari. Berikut merupakan petikan yang menunjukkan situasi berkenaan dalam novel *Ayahanda*:

Dalam keadaan daif itu bapa terus membaca *Matla' al-Badrain*. Bapa baca setengah muka sahaja. Tetapi bapa hairan, anak jemaah tidak lagi seramai dahulu. Yang tinggal cuma lima enam orang yang sudah tua, yang setia pada masjid.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 28)

Namun begitu, konflik ini berjaya dileraikan dengan kehadiran guru agama yang baharu menggantikan bapa yang menyaksikan perubahan drastik pada kehadiran anak jemaah untuk mendengar pengajian. Berikut merupakan petikan yang terdapat dalam novel *Ayahanda*:

”Di kampung, kami dah dapat seorang guru baca kitab ganti pak” beritahu abang Ramli
”Ramai anak jemaah yang datang” tanya Aku
”Ramai daripada pak dulu.”

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 334)

Malah, terdapat juga petikan teks yang terdapat dalam novel *Ayahanda* yang menunjukkan konflik agama berkaitan peletakkan jawatan imam:

Surat layang yang ditujukan kepadanya, dijulang-julang.
”Aku ni bukan kemaruk. Aku nak tolong dirikan masjid kamu semua. Kalau sudah nampak aku nyanyuk, haa, cari ganti!”

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:238)


Berdasarkan petikan di atas, kita dapat melihat bagaimana bapa menerima surat layang dari sesiapa yang memberi isyarat agar bapa melepaskan jawatam tersebut dan memberikan kepada orang lain. Namun begitu, bapa menegaskan dia menolak untuk meletakkan jawatan disebabkan dia ingin memastikan institusi masjid tersebut terus hidup. Konflik ini turut terdapat pada drama *Ayahanda* apabila Hj. Abdullah menerima surat layang daripada individu yang tidak diketahui siapa yang memberinya. Berikut merupakan tangkap layar yang terdapat dalam drama *Ayahanda* berkaitan konflik di atas:



Gambar 25: Tangkap layar yang memaparkan Majid memberikan surat layang kepada Hj. Abdullah yang ditemuinya semalam pada mimbar masjid

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 6, minit 20:30

Kesudahannya, konflik ini juga berjaya dilerai dengan kesedaran yang wujud dalam diri seseorang tersebut kerana merasakan dirinya tidak layak lagi dan akan menambah dosa sahaja sekiranya dirinya terus berbakti sebagai ketua jemaah masjid. Berikut merupakan tangkap layar yang terdapat dalam drama *Ayahanda* yang menampilkan perkara di atas:



Gambar 26: Tangkap layar yang memaparkan babak Hj. Abdullah menyatakan pendiriannya untuk meletakkan jawatan imam dan kadi

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 11, minit 18

Berdasarkan gambar di atas, Hj. Abdullah mengambil keputusan dengan meletakkan jawatan sebagai imam dan jurunika kerana merasakan dirinya sudah tua dan tidak layak memimpin orang muda masa kini serta dia ingin mengurangkan orang ramai mengumpat dirinya yang menambah dosa jemaahnya sahaja.

Seterusnya, wujud juga konflik agama yang lain yang mana konflik ini memberi kesan negatif kepada masyarakat akibat kelemahan diri yang terdapat pada seseorang ketua jemaah agama di sesebuah tempat tersebut. Berikut merupakan petikan teks yang menampikan keadaan tersebut dalam novel *Ayahanda*:

”Lima hari yang lalu upacara akad nikah tergendala. Tuan kadi tolak surat nikah kerana bapa tak tandatangan. Sebelum itu nombor kad pengenalan lelaki tak ditulis. Semua tu kerana bapa nyayuk” kata Abang Ramli.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 239)

Sekiranya mengikut syariat Islam, orang yang tidak berkemampuan termasuk nyayuk sebenarnya tidak layak untuk menjadi jurunikah atau kadi kerana tidak syarat menjadi kadi. Oleh sebab itu, jawatan kadi harus digantikan dengan orang lain kerana menyusahkan orang awam untuk menunaikan ibadah sunnah ini. Namun begitu, konflik berkaitan kadi ini berjaya dileraikan apabila sesuatu isu itu diselesaikan di samping desakan orang ramai yang inginkan orang lain menggantikan jawatan ini dengan orang muda dan jauh lebih sihat. Berikut merupakan petikan teks yang menunjukkan perkara di atas dalam novel *Ayahanda*:

”Kerja aku sudah selesai. Aku berasa puas hati kerana aku yang mengakad untuk kau. Pernikahan kau yang pertama dulu aku tak berkesempatan kerana akad itu bukan dalam kariah aku. Dan bila aku meletak jawatan, ini adalah kehendak kau juga.”
Kata bapa

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 250-251)

Pengakhiran konflik ini pada dasarnya dipengaruhi oleh faktor dalaman yang mana desakan watak utama agar watak bapa meletakkan jawatan jurunikah dengan segera agar terus tidak dijadikan bualan mulut orang kerana kesilapan dan kealpaan bapa yang dibuatnya sebelum melepaskan jawatan ini. Selain itu, faktor dalaman seterusnya yang mendorong dirinya untuk meletakkan jawatan apabila dirinya berjaya menikahkan anak bongsunya dan mendoakan kesejahteraan ke atas pernikahan tersebut. Namun begitu, dia merasakan jemaah kariahnya tidak menghargai keikhlasan dirinya dalam mendoakan kesejahteraan ke atas ikatan perkahwinan tersebut kerana mereka beranggapan dirinya menjadi kadi hanya sekadar untuk mencari wang sahaja. Berikut merupakan petikan teks yang menampilkan perkara di atas dalam novel *Ayahanda*:

“Tapi sayang selama aku menjadi jurunikah, tak seorang pun sedar bahawa aku mendoakan mereka untuk sepanjang hayat. Orang menganggap aku cuma mahukan upah jurunikah yang tak seberapa.”

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 251)

Selain itu, terdapat juga konflik agama lain yang terdapat dalam drama *Ayahanda* yang mana Hj. Abdullah terlibat secara langsung dalam perkahwinan Aziz dan Rahayu yang mana konflik ini dilihat berat kerana Mazni tidak mengetahui perkahwinan ini. Berikut merupakan tangkap layar yang memaparkan adegan Hj. Abdullah membawa Aziz dan Rahayu ke Songkla, Thailand untuk nikah di sana disebabkan mereka ingin berkahwin tanpa persetujuan isteri pertama Aziz iaitu Mazni yang terdapat dalam drama *Ayahanda*:



Gambar 27: Tangkap layar yang menunjukkan Aziz, Rahayu dan Hj. Abdullah melakukan upacara pernikahan di salah satu masjid di Songkla, Thailand

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 11, minit 34

Berdasarkan gambar di atas, Hj. Abdullah terpaksa melanggar undang-undang negara bagi memastikan perkahwinan Aziz dan Rahayu dapat dilangsungkan dengan jayanya kerana Hj. Abdullah merasakan janji Aziz terhadap Rahayu untuk melangsungkan perkahwinan dapat ditunaikan dan keinginan Hj. Abdullah ingin menebus dosa kerana menghalang perhubungan mereka pada masa dahulu.

Konflik ini juga turut terdapat dalam novel ketika watak utama ingin menikah dengan Ramlah tanpa pengetahuan isteri pertamanya sehingga ayahnya terpaksa menggunakan jalan belakang untuk melaksanakan upacara pernikahan tersebut. Berikut merupakan petikan yang memaparkan situasi berkenaan:

Bapa bertindak sebagai jurunikah. Nampaknya bapa cukup berani menghadapi risiko. Maklumlah, menjadi jurunikah kepada lelaki yang sepatutnya mendapat kebenaran daripada Pejabat Agama.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 245)

Akhir sekali, terdapat konflik agama yang wujud dalam rumah yang terdapat dalam drama *Ayahanda*. Konflik ini dikesan sewaktu Hj. Abdullah meminta kepada cucunya, Anita untuk mengambil Al-Quraan namun mereka bertiga beranak saling berpandangan dan Hj. Abdullah memahami bahawa tiada Al-Quraan dalam rumah tersebut. Perkara ini merupakan suatu yang pelik kerana Aziz diajar dengan ilmu agama yang cukup dan merupakan individu yang tidak pernah meninggalkan solat namun tidak mempunyai Al-Quraan dalam rumah. Berikut merupakan tangkap layar yang memaparkan adegan berkenaan di bawah:



Gambar 28: Tangkap layar yang menunjukkan Aziz hanya mampu berpandangan dengan anaknya apabila Hj. Abdullah bertanya berkaitan Al-Quraan di rumah

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 13, minit 18:30

Rumusannya, terdapat pelbagai konflik yang berjaya dikeluarkan berdasarkan dua sumber kajian yang dilihat iaitu drama *Ayahanda* dan novel *Ayahanda*. Konflik-konflik yang dikeluarkan dari dua sumber tersebut disusun dengan baik bagi memudahkan pengkaji menganalisis konflik yang disenaraikan di atas dengan lebih mudah dan spesifik.

4.2 Menganalisis konflik masyarakat yang terdapat dalam drama *Ayahanda* dan novel *Ayahanda* menurut Teori Konflik Max Weber.

Di bawah objektif ini, pengkaji akan menganalisis dengan lebih mendalam konflik yang telah disenaraikan di atas dengan membandingkan konflik-konflik yang terdapat dalam kedua-dua karya berdasarkan teori konflik Max Weber.

4.2.1 Konflik Politik

Menurut Weber (2015), konflik yang paling asas berlaku dalam masyarakat adalah konflik politik yang tercetus antara golongan dominan dengan golongan tidak dominan sebagai kesan daripada penindasan, pengabaian dan berlaku kebantutan dalam perkembangan produktiviti masyarakat disebabkan dasar golongan pemerintah ke atas golongan diperintah. Oleh hal yang demikian, maksud golongan dominan yang dinyatakan oleh Weber ialah individu yang berkuasa seperti pihak kerajaan yang terdiri daripada badan-badan kerajaan atau individu yang berada dalam jawatankuasa sesebuah organisasi makala golongan bukan dominan pulak ialah golongan yang ramai iaitu masyarakat yang tidak terlibat dalam pentadbiran tetapi harus mengikuti segala arahan yang disuruh oleh mereka. Oleh itu, disenaraikan di bawah beberapa konflik melibatkan ketua atau pengikut yang dibawahnya dipecahkan lagi kepada beberapa konflik.

a) Ketua

Menurut Max Weber (2015), ketua merupakan seseorang yang berkuasa dan berkemampuan mempengaruhi orang lain agar mewakili kumpulan tertentu. Oleh hal yang demikian, ketua ialah individu yang berada di tampuk kekuasaan yang paling tinggi dalam sesebuah organisasi dan pengikut perlu patuh pada arahan mereka.

i) Konflik seorang imam dengan jemaah masjid

Perbincangan konflik ini membincangkan konflik yang berlaku antara Hj. Abdullah atau bapa dengan kariah masjidnya dalam aspek seorang ketua. Berdasarkan kedua-dua sumber pengkaji, dipaparkan bagaimana watak Hj. Abdullah atau Bapa yang bertegas ingin terus menjadi imam dan mengajar kitab kepada para jemaah meskipun tidak didengari oleh jemaah. Berikut merupakan contoh petikan yang memaparkan keadaan tersebut:

... Bapa haram tidak sedar anak jemaahnya suka atau tidak. Bapa terus-menerus membacanya... Bila dilihatnya, ada yang terdongak menyandar kepala di dinding, ada pula yang tunduk seperti tengkuk patah, bapa berdeham sekali... Bapa terus membaca.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 228)

Hal ini bertepatan dengan pendapat Weber yang menyatakan punca konflik politik di sesebuah institusi itu disebabkan ego seorang ketua terhadap pengikutnya yang memberi kesan kepada pengikut. Pengikut dilihat tidak berminat untuk mengikuti segala arahan yang dikeluarkan oleh ketua dan wujudnya protes secara dalaman antara pengikut. Hal ini menjejaskan produktiviti institusi itu sendiri kerana pengikut tidak berminat untuk hadir dan menyemarakkan masjid tersebut.

ii) Konflik pihak kerajaan dengan jawatankuasa masjid

Kedua, selain wujudnya konflik politik yang melibatkan seseorang individu yang memegang kuasa dengan pemerintah wujud juga konflik politik yang melibatkan kumpulan berkuasa dengan kumpulan tidak berkuasa seperti masyarakat. Menurut Weber (2015), sesebuah kumpulan yang berkuasa kebiasaannya akan mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap golongan di bawah kerana mereka merasakan golongan di bawah tidak akan memberikan keuntungan kepada mereka. Hal ini berlaku dalam novel ini apabila pihak kerajaan yang terdiri daripada badan-badan kerajaan yang terdiri daripada Majlis Agama Islam dan badan zakat negeri yang mengambil sikap sambil lewa dan tidak turun padang apabila terdapat masyarakat Islam mengalami masalah dan menginginkan sebuah masjid baharu sehingga mewujudkan protes dalaman terhadap pentadbiran kecil institusi dengan masyarakat. Berikut merupakan adegan yang memaparkan segelintir masyarakat yang mengeluh dengan wakil pentadbiran di peringkat kecil mereka dan kemudian melakukan protes di atas tindakan tersebut:



Gambar 29: Tangkap layar yang menunjukkan ahli jawatankuasa masjid telah menghantar beberapa kali kertas kerja agar diberi peruntukan oleh pihak kerajaan namun tidak dilayan oleh mereka.

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 1, minit 3

Perkara ini berlarutan sehingga masjid yang digunakan oleh mereka ini roboh dan salah satu kayu tiang masjid tersebut menghempap Hj.

Abdullah dan Hjh Noriah dan mereka berdua dimasukkan ke dalam hospital. Peristiwa ini viral di seluruh negara melalui media sosial dan media cetak dan pihak kerajaan tergesa-gesa menurunkan peruntukan melalui Majlis Agama Islam dan pejabat zakat. Hal ini menunjukkan golongan pemerintah hanya mengambil tindakan atau turun ke padang selepas berlaku sesuatu peristiwa buruk ke atas masyarakat dan perkara tersebut tersebar di seluruh negara. Mereka hanya mahu mengambil kredit di atas sesuatu perkara itu apabila perkara tersebut telah viral dan bukan sebelum viral. Mereka bertindak sedemikian disebabkan mereka hanya ingin masyarakat dari blok yang lain menganggap mereka hero dan penyelamat asalkan mereka adalah punca kejadian perkara tersebut berlaku kerana mengabaikan perkara tersebut. Tangkap layar adegan berikut menunjukkan situasi yang digambarkan:



Gambar 30: Tangkap layar yang menunjukkan Lebai Kasim memberitahu perihal masjid baharu akan dibina dan pemberian saguhati daripada pihak berkuasa kepada Hj. Abdullah

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 2, minit 32:10

Dalam novel pula tidak dinyatakan dengan jelas terdapat permohonan peruntukan pernah dilakukan oleh penduduk kampung atau pihak jawatankuasa masjid kepada pihak kerajaan untuk pembinaan masjid baharu. Cuma, terdapat persamaan konflik antara novel dengan drama melalui peristiwa bapa dan emak yang pengsan dihempap kayu gara-gara

masjid tersebut roboh dan peristiwa tersebut viral melalui media cetak dan tindakan susulan diambil oleh pihak kerajaan dengan mengeluarkan peruntukan untuk pembinaan sebuah masjid baharu. Peristiwa ini juga sama dalam drama apabila Hj. Abdullah dan Noriah dihempap oleh kayu alang masjid dan pengsan, perkara tersebut viral di seluruh media dan orang ramai tidak putus-putus mendoakan dan bersedekah untuk pembinaan masjid baharu. Namun begitu, terdapat beberapa penambahan beberapa plot dan pengurangan beberapa plot dalam drama ini. Sebagai contoh, dalam novel dinyatakan, selepas bapa keluar dari hospital, bapa bersama Mat Rejab bersama-sama ke sana sini terutama ke bandar Sungai Petani untuk menguruskan hal masjid baharu namun dalam drama hanya jawatankuasa masjid sahaja yang menyelesaikan proses pembinaan masjid baharu berkaitan urusan ke sana sini sementara Hj Abdullah masih di hospital. Namun begitu, Hj. Abdullah terus-menerus bertanya kepada ahli jawatankuasa masjid dan ahli keluarganya tentang perkembangan masjid terutama isterinya sehingga wujud konflik antara kedua-duanya selepas itu.

b) Pengikut

Menurut Yukl (2002), pengikut merupakan seseorang yang mengakui pemimpinnya sebagai fokus sumber utama bimbingan tentang kerja, tidak kira berapa banyak kuasa formal yang sebenarnya dimiliki oleh pemimpin (ketua) terhadap orang itu (pengikut). Oleh yang demikian, konflik yang didedahkan ini merupakan konflik yang dilihat sama seperti konflik di atas cuma konflik ini dibahaskan berdasarkan perspektif sebagai seorang pengikut.

i) Konflik kariah masjid dengan imam

Perbincangan pada konflik ini dilihat pada perspektif kariah masjid kepada imam itu sendiri. Pengkaji melihat wujud tindak balas konflik daripada kariah masjid yang dilihat memprotes perbuatan dan percakapan yang disampaikan oleh imam sebagai seorang ketua masjid kerana merasa tindakan tersebut tidak relevan dan membosankan. Berikut merupakan contoh petikan yang menunjukkan perkara di atas:

Bapa baca setengah muka sahaja. Tetapi Bapa mula hairan, anak jemaah tidak lagi seramai dahulu. Nampak benar susutnya, terutama dua tiga orang anak muda. Mereka terus bingkas sebaik-baik sahaja bapa beri salam kedua.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 28)

Perkara ini juga dapat dilihat pada drama *Ayahanda* apabila wujud protes daripada jemaah masjid kepada imam disebabkan keengganan imam mendengar rintihan mereka dalam melakukan pembaharuan kepada beberapa perkara dan ini merupakan contoh adegan yang memaparkan perkara berkenaan:



Gambar 31: Tangkap layar yang menunjukkan Hj. Abdullah mengeluh dengan jumlah kehadiran orang kampung yang datang berjemaah ke masjid

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 5, minit 23:30

Seterusnya, dalam novel, konflik antara bapa selaku imam dengan penduduk kampung terutama jemaah masjid semakin ketara. Hal ini dapat dilihat terdapat individu yang sanggup membuat aduan kepada badan agama agar imam di masjid mereka iaitu bapa diberhentikan atau ditukar kerana faktor usia. Mereka bertindak sedemikian rupa kerana tidak tahan dengan keegoan bapa yang masih berdegil mempertahankan jawatannya sebagai imam, guru agama dan jurunikah. Berikut adalah petikan yang menggambarkan peristiwa berkenaan:

Menurut Kakak Limah, bapa pernah terima salinan surat layang daripada anak jemaahnya. Surat itu dikirim ke Majlis Agama Islam minta digantikan sahaja orang lain. Tuan imam kami sudah tua, sudah nyayuk! Kata surat layang itu.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 237)

Manakala dalam drama dipaparkan terdapat surat layang yang dituju khas kepada Hj. Abdullah yang meminta dia berundur sebagai imam dan jawatan-jawatan yang lain. Surat tersebut tidak diketahui siapa penghantamya namun ditemui di atas mimbar masjid oleh Majid. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi berkenaan:



Gambar 32: Tangkap layar yang menunjukkan Majid memberikan surat layang kepada Hj. Abdullah dan memintanya agar bermuhasabah dengan surat tersebut

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 6, minit 21:10

ii) Konflik masyarakat kampung terhadap pihak kerajaan

Berkaitan konflik ini, pengkaji akan membincangkan konflik antara masyarakat kampung dengan pihak kerajaan berdasarkan perspektif masyarakat kampung itu sendiri. Pada perspektif ini, pengkaji melihat wujud ketidakpuashatian masyarakat terhadap pihak kerajaan sehingga menimbulkan protes. Berikut merupakan petikan teks dalam novel *Ayahanda* yang memaparkan berkaitan konflik di atas:

”Kami tak mahu! Kami tak mahu solat dalam masjid buruk!” Kata anak jemaah bapa seperti hendak mogok solat.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997 :42)

Petikan seterusnya menjelaskan punca protes tersebut dilakukan oleh anak jemaah. Berikut merupakan petikan teks yang memaparkan situasi mimpi tersebut dalam novel *Ayahanda*:

Emak semakin faham. Rupa-rupanya, anak jemaah seluruh kampung memprotes pada pihak yang bertanggungjawab kerana sekian lama masjid tidak dipedulikan.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 43)

Meskipun situasi masyarakat kampung memprotes untuk tidak solat jumaat di masjid tersebut merupakan mimpi kepada emak namun perkara itu boleh dijadikan simbolik kepada jemaah masjid yang menginginkan masjid baharu dan kecewa dengan sikap kerajaan meskipun tidak berlaku protes tersebut dalam situasi yang sebenar. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak berlaku di dalam drama kerana mereka merasakan masjid tersebut perlu ditutup dan kariah masjid perlu menunaikan solat fardu dan jumaat di masjid kampung sebelah.

iii) Konflik politik antara anak dengan bapa

Konflik ini berlaku disebabkan ketidakpuashati anak-anak pemerintah terhadap tindakan ayah mereka yang dilihat bertindak sesuka hati sehingga masyarakat di bawah mula menunjukkan protes dengan merungut dan mengatakan bukan-bukan berkaitan ketua tersebut. Maka, mereka juga mula memprotes ayah mereka dan meminta menghentikan perkhidmatannya sebagai pemerintah.

Dalam drama, terdapat satu adegan yang memaparkan Aziz begitu marah dengan Hj. Abdullah kerana enggan melepaskan jawatannya sebagai imam dan guru agama masjid. Hal ini disebabkan masyarakat kampung merungut di belakang-belakang berkaitan Hj. Abdullah dan perkara ini tidak menyenangkan Aziz dan adik-beradiknya namun Hj. Abdullah melawan kata-kata mereka dengan menyatakan ini semua merupakan amanah Allah dan dia tidak akan melepaskan jawatan itu selagi belum sampai masanya. Berikut merupakan tangkap layar yang memaparkan adegan di atas:



Gambar 33: Tangkap layar yang menunjukkan Hj. Abdullah marah dengan anak-beranakanya kerana meminta dia meletakkan jawatan

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 1, minit 39:20

4.2.2 Konflik Ekonomi

Menurut Weber (2007), konflik ekonomi boleh tercetus akibat persaingan dalam kumpulan masyarakat untuk mendapatkan sumber yang terhad. Berdasarkan pandangan Weber ini, kita dapat melihat bagaimana dua kumpulan gaya hidup manusia iaitu kaya dan miskin bersaing untuk kelangsungan hidup mereka agar mereka kekal hidup senang dan harmoni serta cukup segala keperluan seperti makanan, minuman, tempat tinggal dan kenderaan. Walaupun wujud perbezaan yang ketara antara golongan miskin dan golongan kaya dari segi pakaian, tempat tinggal, alat komunikasi dan kenderaan namun hasrat dan keinginan mereka sama iaitu bersaing untuk mendapatkan wang. Weber juga turut menyatakan golongan kaya sering mempergunakan golongan miskin untuk dijadikan hamba mereka dalam memudahkan mereka untuk mendapatkan wang seperti tidak memberikan gaji yang setimpal kepada golongan miskin meskipun kerja lebih masa dan sebagainya. Namun begitu, pengkaji dalam kajian ini lebih menjelaskan dan menunjukkan permasalahan yang wujud dalam golongan kaya dan miskin dalam kehidupan masyarakat masa kini.

a) Miskin

Menurut Kamus Dewan (2005), miskin merupakan seseorang yang tidak berharta dan hidup melarat sehingga memerlukan bantuan kewangan daripada pihak kerajaan dan individu yang mempunyai kewangan yang banyak. Oleh sebab itu, perbincangan kali ini menumpukan kepada perbincangan konflik ekonomi berdasarkan daripada sisi golongan miskin yang terdapat dalam drama dan novel *Ayahanda*.

i) Konflik ekonomi Bapa atau Hj. Abdullah

Watak bapa dalam novel atau Hj. Abdullah dalam drama dipaparkan sebagai individu yang hidupnya susah dan merupakan seorang petani di kampungnya selain menjadi seorang imam. Meskipun dalam drama tidak dinyatakan dengan jelas pekerjaan Hj. Abdullah sebagai petani disebabkan pengarah memfokuskan watak Hj. Abdullah hanya sebagai imam. Namun begitu, terdapat pengulangan adegan jentera berat traktor yang sedang menggembur tanah menunjukkan pekerjaan utama penduduk kampung tersebut adalah petani. Walau bagaimanapun, dinyatakan dalam novel pekerjaan watak bapa selain menjadi imam ialah seorang petani. Hal ini disebabkan terdapat beberapa babak yang menunjukkan bapa terlibat dalam aktiviti pertanian namun tidak secara langsung seperti bapa berjanji akan menebus semula gelang emas milik isterinya yang dia pajak pada kedai emas selepas musim menuai padi dan begitu juga hutang kayu untuk membuat perahu yang diambil olehnya dari Kedai Ching Hong akan dibayarnya selepas menuai padi. Berikut merupakan petikan yang memaparkan situasi bapa berhutang kayu dengan Kedai Ching Hong:

Tetapi bapa tidak mengira harga, bapa pandai cekau sahaja di Kedai Ching Hong. Hutang itu sampai bertapak-tapak. Siap esok, kira sahaja berapa semuanya. Tidak mampu bayar penuh, tunggu musim padi

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 156)

Terdapat beberapa konflik ekonomi yang ketara melibatkan watak bapa dan Hj. Abdullah iaitu watak ini dalam alur cerita kedua-dua karya tidak menerima bantuan dari pihak kerajaan dan sepenuhnya bergantung pada hasil padi dan pemberian duit anak-anak. Meskipun watak ini mungkin

menerima elaun dari pihak Majlis Agama Islam dan sumbangan dari upah menikahkan orang namun pendapatan tersebut hanya sekadar kais pagi makan pagi kais petang makan petang. Watak ini juga tidak mempunyai kereta namun mempunyai motorsikal jika dilihat dalam novel *Ayahanda*.

Selain itu, terdapat adegan yang memaparkan bapa atau Hj. Abdullah menggadaikan rantai emas pusaka milik isterinya untuk membeli kipas atau penghawa dingin untuk diletakkan dalam masjid. Perkara ini berlaku disebabkan watak ini tidak mempunyai duit yang banyak untuk membeli peralatan elektrik tersebut. Berikut ditonjolkan tangkap layar yang memaparkan adegan berkenaan:



Gambar 34 : Tangkap layar yang memaparkan perbualan Aziz dengan Noriah ketika Noriah mengadu barang kemasnya dijual untuk membeli penghawa dingin.

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 5, minit 40:20

Berikut pula merupakan petikan yang menunjukkan situasi yang sama seperti adegan di atas:

“Pak kau tu...”

“Kenapa?”

“Dia ambil gelang dan rantai aku, tak diberitahu pun.”

“Bila”

“Petang kelmarin.”

Aku tersentak. Aku merenungi emak. “Sungguh?”

Aku bertanya agak keras.

“Barangkali dia gadai beli kipas angin.”

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:67)

Kedua-dua karya ini memaparkan situasi konflik yang sama kepada pembaca dan penonton cuma pengarah drama telah menukar kepada penghawa dingin kerana pada masa ini majoriti masjid telah menggunakan penghawa dingin dan penghawa dingin merupakan peralatan elektrik yang mahal sama seperti kipas yang merupakan peralatan elektrik yang mahal pada masa dahulu. Selain itu, dalam novel disambungkan lagi dengan bapa memberitahu anaknya bahawa dia akan membayar semula duit itu dalam sehari dua dan watak utama tidak perlu khuatir untuk membayarnya. Berikut merupakan surat yang ditulis oleh bapa kepada watak utama dalam novel *Ayahanda* berkaitan perkara tersebut:

Anakanda, kipas angin yang ayahanda beli itu adalah duit daripada ayahanda gadai gelang dan rantai emak anakanda. Tidak mengapalah, asalkan malu anakanda dapat ayahanda tebus. Anakanda tidak payah tebus susah-susah cari duit hendak tebus. Ayahanda akan tebus sehari dua lagi.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 69)

Namun begitu, dalam drama dipaparkan Hj. Abdullah berjanji akan membayar barang kemas yang digadainya untuk membeli penghawa dingin tersebut kepada Noriah selepas padi dituai. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi berkenaan:



Gambar 35: Tangkap layar yang menunjukkan perbualan Hj. Abdullah dengan Noriah berkaitan penembusan barang kemas.

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 5, minit 7

ii) Konflik ekonomi keluarga Kakak Limah

Dalam novel tidak dinyatakan dengan jelas konflik ekonomi yang melanda keluarga Kakak Limah namun dalam drama *Ayahanda* dinyatakan secara spesifik masalah ekonomi yang melanda keluarga Kakak Limah. Bermula dengan suaminya Kakak Limah, Mat Diah yang hanya bekerja sebagai pekerja kontrak membuat rumah dan mempunyai hobi berjudi berlaga burung sehingga ke permasalahan duit untuk menanggung anaknya pergi ke tuisyen. Burung yang dibela Mat Diah tersebut akan dimasukkan dalam pertandingan laga ayam untuk tujuan mendapatkan wang. Perkara ini membuatkan Kakak Limah runsing kerana duit yang disimpannya di dapur digunakan oleh suaminya untuk membeli makanan burung peliharaannya. Di samping itu, anaknya Badariah meminta wang dari Kakak Limah untuk membayar yuran tuisyennya di bandar. Hal ini memeningkan kepala Kakak Limah kerana mereka tidak mempunyai wang yang cukup untuk membayar yuran tersebut malahan pada ketika itu Kakak Limah tidak mempunyai wang untuk membelikan beras gara-gara suaminya mengambil wang tersebut untuk membeli makanan burung peliharaannya. Berikut merupakan tangkap layar yang mempamerkan adegan berkenaan:



Gambar 36: Tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah marah kepada suaminya kerana lebih mementingkan burung daripada keluarganya namun suaminya kata burung ini adalah sumber rezeki keluarga mereka

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 18:30

Sebagai alternatif, Kakak Limah terpaksa turun ke sawah padi dan menoreh getah untung menampung perbelanjaan keluarganya. Malahan, dia terpaksa mengambil upah menjahit baju untuk mendapatkan wang disebabkan musim hujan yang menyukarkan dia untuk menoreh getah. Berikut merupakan adegan yang menunjukkan situasi di atas:




Gambar 37: Tangkap layar yang memaparkan perbualan antara Mak Teh Kiah dengan Kakak Limah berkaitan aktiviti ekonomi baru Kakak Limah

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 5, minit 16:30

Kakak Limah juga terpaksa meminjam duit dengan Abang Ramli, Abang Ahmad dan Aziz namun mereka tidak dapat memberikan duit kepada Kakak Limah kerana mereka juga sedang sempit kewangan mereka pada masa itu. Hal ini menyebabkan Kakak Limah terasa hati dengan mereka

kerana selama ini Kakak Limah tidak berkira untuk menjaga anak-anak mereka ketika mereka tiada di rumah. Tambahan pula, Kakak Limah tidak meminta satu sen pun dari mereka untuk memberikan anak-anak mereka makan semasa mereka tiada. Perkara ini membuatkan Kakak Limah merasakan adik-beradiknya tidak memahami dirinya, mempergunakan dirinya dan tidak membantu dirinya dari sudut ekonomi. Tekanan yang diberikan oleh suaminya sedikit sebanyak membuatkan dia kecewa kerana suaminya dilihat tidak bertanggungjawab untuk menyara keluarga mereka dan lebih kepada membela burung peliharaannya daripada dia dan anak-anak. Kakak Limah juga perlu menanggung anak sulungnya yang kini belajar di universiti memeritkan lagi kehidupannya. Akhirnya, Kakak Limah mengikuti kumpulan pemiagaan yang dianjurkan oleh Rahayu iaitu perniagaan ikam pekasam bagi membantu meningkatkan pendapatan mereka sekeluarga.

Namun begitu, terdapat adegan yang memaparkan suaminya iaitu Mat Diah memberikan wang hasil judi laga burungnya kepada Kakak Limah. Hal ini menunjukkan Mat Diah sanggup menggunakan duit haram untuk menyara keluarga mereka. Kakak Limah yang merupakan anak tok imam hanya mengambi sambil lewa sahaja soal halal haram duit yang menyara keluarga mereka. Perkara ini berlaku disebabkan mereka hidup susah dan tidak kisah dari mana datang sumber duit tersebut kerana mereka lebih mementingkan kecukupan duit dari kebersihan sumber asal duit tersebut. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi berkenaan:



Gambar 38: Tangkap layar yang menunjukkan suami Kakak Limah memberikan duit kepada Kakak Limah hasil menang judi burungnya

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 4, minit 17:20

iii) Konflik ekonomi Abang Ahmad

Kehidupan Abang Ahmad dalam novel juga tidak diperlihatkan dengan jelas. Namun begitu, dalam drama ditunjukkan gaya hidupnya Abang Ahmad bagaimana dia telah diberhentikan kerja dan dia merupakan seorang duda yang isterinya telah lama meninggal dunia. Gaya hidupnya ditonjolkan sebagai individu yang mengusahakan kebun buah-buahan dan sayur-sayuran seperti yang ditunjukkan di bawah:



Gambar 39: Tangkap Layar yang menunjukkan Abang Ahmad sedang mengutip hasil buahnya di kebun miliknya

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 16

Abang Ahmad juga telah diberhentikan kerja oleh syarikat tersebut disebabkan syarikat itu muflis. Lebih malang lagi, Abang Ahmad telah ditipu oleh syarikat yang dia berkerja tersebut kerana syarikat tersebut

berjanji akan memberi duit pampasan namun duit pampasan tersebut tidak diberikan kepada Abang Ahmad. Abang Ahmad terpaksa menggunakan duit simpanannya untuk menanggung dirinya dan anak-anak. Berikut merupakan adegan yang memaparkan perbualan antara Kakak Limah dan Abang Ahmad berkaitan situasi di atas:



Gambar 40: Tangkap layar yang menunjukkan Abang Ahmad menceritakan kisah dirinya ditipu oleh syarikat yang menghentikannya

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 16

iv) Konflik ekonomi Abang Ramli

Konflik ekonomi yang melanda Abang Ramli dilihat tidak dibicarakan dalam novel *Ayahanda*. Namun begitu, dalam drama, terdapat juga senario ekonomi Abang Ramli ditonjolkan sebagai golongan yang sederhana dan pendapatannya cukup sekadar makan mereka sekeluarga. Ditambah pula, dia perlu berulang-alik untuk melihat mak mentuanya yang sakit disebabkan strok sebelum dia mengambil keputusan untuk berpindah ke Taiping selepas itu. Maka, terdapat satu adegan yang menunjukkan Abang Ramli tidak mampu membantu membayar yuran tuisyen anak Kakak Limah kerana wangnya cukup-cukup untuk makan minum keluarganya dan menanggung kos perubatan mak mentuanya. Berikut merupakan situasi Kakak Limah meminta tolong Abang Ramli agar dapat memberikan wang

untuk dia dapat membayar yuran tuisyen anaknya namun Abang Ramli mengatakan dia tidak mempunyai wang untuk membantu dalam drama *Ayahanda*:



Gambar 41: Tangkap layar yang menunjukkan Abang Ramli berbual dengan Kakak Limah berkaitan dengan masalah kesihatan mak mentua Abang Ramli

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 27

Berdasarkan gambar tersebut, dipaparkan isteri Abang Ramli iaitu Piah sebagai seorang yang tidak bekerja sehingga membuatkan Abang Ramli tertekan dengan masalah kewangan kerana dia seorang sahaja yang mencari rezeki untuk keluarga. Perkara ini merupakan punca Abang Ramli tidak mampu membantu Kakak Limah kerana dia sendiri dibelunggu masalah kewangan disebabkan adik-beradik Piah sering mencuba pelbagai alternatif untuk menyembuhkan emak mereka dan kos perubatan tersebut dikongsi mereka adik-beradik dan ipar-duai.

b) Kaya

Menurut Kamus Dewan (2005), kaya didefinisikan sebagai individu yang mempunyai harta atau duit yang banyak dan hidup dengan mewah tanpa memerlukan bantuan kewangan daripada kerajaan atau individu yang lain. Sehubungan dengan itu, perbincangan konflik ekonomi dalam bahagian

ini menumpukan kepada permasalahan yang wujud melibatkan golongan kaya dalam kedua-dua sumber kajian.

i) Konflik ekonomi watak utama

Wujud konflik ekonomi yang melanda watak utama sama ada dalam novel mahupun dalam drama. Cuma, dalam novel, watak utama tidak diperlihatkan sebagai orang yang betul-betul kaya kerana tidak diceritakan secara terperinci jenama kenderaan yang dipakai atau jenis rumah yang dia diami atau terdapat penggunaan barang mewah dalam petikan novel. Berikut merupakan petikan teks yang memaparkan situasi yang dia tidak mampu menyedekahkan kipas angin kepada masjid gara-gara membaiki keretanya yang rosak:

... Duit 150 yang aku simpan untuk membeli kipas angin, sebenarnya memang ada tetapi aku telah gunakan untuk membaiki kereta yang tiba-tiba rosak. Bayaran upah telah melebihi tiga kali ganda daripada harga kipas angin. Aku terpaksa berhutang dengan kawan pula.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 54)

Namun begitu, dia merupakan seorang pekerja tetap maka orang beranggapan dia mampu untuk membeli kipas angin yang berharga 100 lebih tersebut tetapi dia harus menanggung banyak perkara terutama kos penyelenggaraan kereta setiap bulan. Berikut merupakan petikan yang menyatakan perkara berkenaan:

Aku kerja makan gaji, pakai kereta. Tentu 100 atau 200 lebih juga dalam sebulan.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 51)

Namun dia diletakkan dalam kategori golongan kaya disebabkan dia mempunyai kereta dan hidup di kawasan bandar. Latar masa novel ini ditulis adalah pada penghujung 90-an yang mana pada zaman itu tidak majoriti rakyat Malaysia mempunyai kereta meskipun kereta yang digunakan oleh watak utama dalam novel ini adalah kereta pengguna kedua. Maka, pengkaji mengkategorikan watak utama sebagai golongan kaya disebabkan dia mampu membeli kereta dan memberikan sedikit duit belanja kepada ayah dan ibunya walaupun jumlahnya tidak seberapa kerana dia juga perlu menyara keluarga kecilnya di bandar. Berikut merupakan petikan yang memaparkan watak utama memberikan wang kepada watak bapa:

Aku pun tahu 100 ringgit bukanlah banyak dalam zaman mata wang yang rendah. Tetapi, aku mahu tunjuk pongah pada bapa.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:118)

Dalam drama, diperlihatkan Aziz sebagai pekerja kilang dan merupakan seorang penulis yang berjaya mengeluarkan karya pertamanya. Hasil karyanya itu mendapat sambutan yang hangat dari orang ramai dan terus meningkat pembeliannya hari demi hari sehingga dia menghasilkan karya yang seterusnya.

Selain itu, ditunjukkan jenis kereta yang dipakai oleh Aziz ialah Toyota Vios yang merupakan kereta yang kebiasaannya dipakai oleh golongan ekonomi M40. Rumah yang dia diami juga adalah perumahan

teres yang menunjukkan Aziz sebagai individu yang berada pada tahap ekonomi golongan kaya. Namun begitu, wujud konflik yang melibatkan golongan kaya yang mana terdapat suatu peristiwa yang mana Aziz bercadang ingin menyedekahkan penghawa dingin kepada masjid baharu di kampung namun konflik yang sama berlaku di novel yang mana dia tidak dapat menyedekahkan penghawa dingin tersebut kerana duitnya telah dipakai kepada perkara yang lain. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi di atas:



Gambar 42: Tangkap layar yang menunjukkan Aziz berbual dengan Hj. Abdullah dan Noriah ketika baru pulang ke rumah kampung dengan menyatakan dia tidak dapat membeli penghawa dingin tersebut

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 4, minit 21

Duit yang sepatutnya digunakan oleh Aziz untuk membeli penghawa dingin terpaksa diberikan kepada isterinya kerana isterinya memerlukan duit untuk memusingkan modal perniagaan dalam taliannya semula. Walau bagaimanapun, Aziz ingin menyedekahkan penghawa dingin ini bukan dipaksa oleh Hj. Abdullah sebenarnya tetapi disebabkan dia ingin menunjukkan lagaknya di hadapan Mak Teh Kiah dan Rahayu yang kebetulan berada di situ semasa Aziz sedang berbual dengan Hj. Abdullah. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi berkenaan:



Gambar 43: Tangkap layar ini merupakan perbualan antara Mak Teh Kiah, Hj. Abdullah dengan Aziz berkaitan penghawa dingin

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 39:50

Konflik ini terjadi dalam kedua-dua karya namun terdapat perbezaan barang yang ingin disedekahkan dan faktor tidak dapat bersedekah kerana perbezaan latar masa dan kesesuaian zaman penonton yang membaca dan melihat karya tersebut.

ii) Konflik ekonomi Mazni

Dalam novel, nama isteri watak utama tidak dinyatakan secara spesifik dan tidak diberi pendedahan yang luas dari segi perwatakannya. Namun begitu, dalam drama, nama isteri Aziz ialah Mazni yang merupakan seorang usahanita produk kecantikan yang menjual produknya secara dalam talian. Dalam drama, watak kepada isteri watak utama diberikan pendedahan secara jelas dan terperinci dari segi perwatakannya. Diperlihatkan perwatakan Mazni yang menampakkan dia datang daripada golongan kaya dan bandar. Pakaian dan perkakas peribadi dirinya ditonjolkan dengan barang-barang yang mewah dan sesuai dengan kedudukannya sebagai orang yang ada-ada.


Terdapat konflik yang diperlihatkan pada watak Mazni yang mana dia tidak ingin menjual pekasam milik Rahayu meskipun dia gemar memakan pekasam. Hal ini disebabkan dia merupakan penjual barang kosmetik dan dilihat tidak sesuai untuk menjual pekasam yang berbau busuk. Tambahan pula, dia berasa bimbang akan dikutuk oleh rakan pejabatnya kerana menjual pekasam. Namun begitu, dia tetap menjualnya kerana didesak oleh suaminya. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi di atas:



Gambar 44: Tangkap layar adegan yang memaparkan Aziz yang meminta Mazni untuk menjualkan pekasam Rahayu pada rakan-rakannya

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 7, minit 25:30

Selain itu, terdapat satu adegan yang memaparkan Mazni memberitahu rakan-rakannya bahawa suaminya memberikan beg tangan yang mewah sempena ulang tahun perkahwinan mereka. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi berkenaan:



Gambar 45: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni memberitahu beg tangannya yang diberi oleh suaminya kepada rakan-rakannya

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 2, minit 19:40

Sebenarnya, beg tangan tersebut merupakan beg tangan yang dibelinya sendiri tetapi sememangnya menjadi sikap golongan kaya yang suka menipu orang lain agar menampakkan suaminya kaya dan mampu membelikan apa sahaja keinginan yang dia inginkan.

Seterusnya, konflik yang wujud melibatkan ekonomi terhadap Mazni ini adalah apabila dia gemar memuat naik barang-barang yang dibelinya terutama barang mewah ke dalam aplikasi Instagram disebabkan pengikut-pengikutnya menyukai Mazni melakukan perbuatan tersebut. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi berkenaan:



Gambar 46: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni meminta suaminya mempamerkan komputer ribanya untuk disiarkan di akaun media sosial Instagram milik dirinya.

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 26:10

Dalam situasi berkenaan, komputer riba yang ditunjukkan pada pengikutnya tersebut bukanlah sepenuhnya duit Aziz tetapi separuh bayaran tersebut datang dari duit Mazni sendiri. Mazni menunjukkan komputer riba tersebut disebabkan dia ingin mengikut trend yang pengikutnya suka. Maka orang ramai akan terus membeli produk kecantikannya dan dia kekal relevan oleh pengikutnya. Mazni juga dipaparkan sebagai orang yang tidak berkira dan murah hati kerana dia membantu suaminya membeli komputer

riba dan dia mengatakan dia akan meminta duit yang dipakai oleh suaminya untuk membeli komputer riba tersebut apabila dia menginginkannya.

iii) Konflik ekonomi Rahayu

Rahayu merupakan watak yang dicipta dan diubahsuai daripada watak Ramlah yang berasal dari novel *Ayahanda*. Dalam novel, watak Ramlah hanya terhad sebagai calon isteri kedua watak utama dan merupakan anak dara serta mempunyai emak dan abang manakala dalam drama watak Rahayu diberi masa skrin yang banyak. Rahayu merupakan janda anak seorang namun anaknya telah meninggal dunia dan dia merupakan bekas kekasih Aziz suatu ketika dahulu. Rahayu yang dahulunya meninggalkan kampung kini telah kembali ke kampung disebabkan dia bertekad ingin membuka buku baru setelah anaknya meninggal dunia. Rahayu semasa mempunyai hubungan percintaan dengan Aziz berkerja sebagai pelayan restoran namun selepas kembali semula ke kampung dia telah membuka perniagaan ikan perkasam. Perniagaan ikan pekasamnya mendapat tempahan yang banyak dan dijual di kedai runcit Mak Teh Kiah. Sehubungan dengan itu, Rahayu telah mengajak masyarakat kampung untuk menyertai perniagaan ikan pekasamnya. Berikut merupakan adegan yang memaparkan Rahayu memberikan penerangan kepada orang kampung tentang perniagaan ikan pekasam:



Gambar 47: Tangkap layar menunjukkan Rahayu memberikan penerangan berkaitan ikan pekasam sambil dihadiri oleh Kakak Limah

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 7, minit 18

4.2.3 Konflik Sosial

Menurut Weber (2021), konflik yang berlaku dalam sosial masyarakat mempunyai kaitan dengan politik dan ekonomi disebabkan oleh dua kumpulan iaitu golongan berkuasa dan golongan kaya. Weber (2021), turut menambah bahawa individu yang berada dibawah akan berasa marah dan kecewa dengan sikap dan tindakan yang diambil oleh golongan berkuasa dan golongan kaya sehingga wujudnya protes dalaman dan kadang-kadang membawa kepada protes luaran iaitu protes yang jelas di depan mata. Konflik ini tidak akan terlerai sekiranya pihak-pihak di atas tidak mengambil langkah bijak menyuraikannya.

i) Konflik dalaman Bapa atau Hj. Abdullah

Dalam novel dan drama, ditampilkan beberapa konflik dalaman yang dihadapi oleh bapa sama ada dia menjadi seorang ayah, seorang suami dan seorang imam kepada kelompok-kelompok masyarakat tersebut.

Sebagai seorang ayah, bapa meletakkan ego yang tinggi dengan isteri dan anak-anaknya kerana dia merasakan dirinya masih mampu melakukannya dan dia bertanggungjawab terhadap sesuatu perkara tersebut.

Sebagai contoh, bapa akan melakukan sesuatu perbuatan yang dia rasakan betul dan mampu buat tanpa mengambil kira pandangan orang lain. Hal ini terdapat dalam petikan novel *Ayahanda*:

..... Jangan sesiapa tegah kalau dia hendak buat. Jangan sesiapa suruh kalau bapa tidak mahu. Ini perangai bapa sejak zaman menikah dengan emak dahulu...

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 78)

Perkara ini turut terdapat dalam drama *Ayahanda* yang mana Hj. Abdullah ego terhadap dirinya dan enggan mendengar nasihat orang ramai meskipun perkara tersebut untuk kebaikan dirinya. Sebagai contoh: anak-anaknya memohon Hj. Abdullah untuk meletakkan jawatan sebagai imam dan jawatan-jawatan lain namun dia enggan kerana dia merasakan jawatan itu dari Allah dan bukan manusia. Maka, manusia yang berada di sekeliling dirinya tidak layak untuk meminta dirinya berhenti selagi dia mampu untuk menggalaskan jawatan itu. Berikut merupakan adegannya:



Gambar 48: Tangkap layar yang menunjukkan Aziz bersama adik-beradiknya menasihatkan ayahnya meletakkan jawatan dan menutup masjid sedia ada dan berpindah ke masjid kampung sebelah

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 1, minit 39:20

ii) Konflik watak utama dengan bapa atau Hj. Abdullah

Dalam novel, konflik ini merupakan konflik utama yang dipaparkan dan ditonjolkan oleh pengarang kerana terdapat banyak babak yang memaparkan pergaduhan antara bapa dengan watak utama dalam novel ini. Konflik ini berlaku disebabkan mereka masing-masing tidak memahami situasi masing-masing dan salah seorangnya mempunyai ego yang tinggi dan merasakan dirinya betul. Contohnya, terdapat satu babak yang memaparkan watak utama sangat benci dengan bapa disebabkan bapa menghalang watak utama dari dihantar ke hospital akibat terkena bisa sembilang. Watak utama menyangka bapa membenci dirinya dan hanya patuh pada petua tanpa menghiraukan kesakitan yang dialaminya. Berikut merupakan petikan yang memaparkan situasi di atas:

“Mengapa pak tak benarkan abang hantar saya ke hospital?” Akhirnya aku melepaskan geram.
 “Buat apa sana” kata bapa sambil menyalin kain
 “Cucuk!”
 “Kau fikir hilang bisa”
 “Siapa kata? Pak memang bencikan saya”

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 140)

Berikut merupakan dialog antara bapa dengan watak utama yang mana bapa berkeras untuk tidak membenarkan watak utama dihantar ke hospital untuk melegakan kesakitan bisanya. Namun begitu, bapa menegaskan bahawa dia mempunyai alasan mengapa dia tidak membenarkan watak utama dihantar ke hospital. Walau bagaimanapun, perkara ini membawa kepada konflik yang lebih panjang kerana watak utama merasakan ayahnya hanya menyayangi adat dan bukan anak sendiri. Berikut merupakan petikan yang menunjukkan babak berkenaan:

Bapa berkata, “Bisa sembilang 36 jam. Bertemu kob. Air pasang sekali lagi baru bisa kau tu surut.” Bapa bohong. “Bapa bencikan saya. Bapa cuma ikut petua!”

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 141)

Namun begitu, babak ini tidak diadaptasi oleh pengarah ke dalam bentuk drama kerana pengarah ingin mengembangkan konflik-konflik yang lebih penting daripada ini.

Selain itu, terdapat juga babak watak utama berasa marah dengan tindakan ayahnya yang sanggup berkahwin lagi asalkan emaknya masih hidup, Adik-beradiknya seperti tidak marah sebaliknya membiarkan ayahnya berkahwin lain. Watak utama juga dilihat balik awal kerana merasa tidak selesa dengan emak tirinya. Namun konflik yang berlaku ini berakhir dengan ayah menceraikan isteri muda. Berikut merupakan petikan yang menceritakan situasi di atas:

“Siapa perempuan dalam bilik tu” Aku tanya sambil mendekati Abang Ramli

....

“Mak Kita.”

...

Aku persis hakim lalu menghukum bapa sebagai jantan tua yang tidak bertimbang rasa. Tidak cukup dengan apa yang ada. Orang tua tidak sedar diri. Tua keladi.

...

“Pak balik nanti, aku mengamuk!” Aku melepaskan geram tetapi nada suaraku dapat aku kawal supaya tidak sampai ke telinga emak tiriku.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:186-189)

Dalam drama, terdapat konflik yang ketara berlaku antara Hj. Abdullah dengan Aziz iaitu konflik yang berlaku disebabkan Aziz gagal semasa belajar di politeknik. Hj. Abdullah mengharapkan Aziz dapat menyambung pelajarannya ke peringkat ijazah selepas tamat belajar di

politeknik namun Aziz gagal mendapat pointer yang baik semasa di politeknik. Perkara ini membawa kepada siri Hj. Abdullah datang ke restoran tempat Rahayu bekerja dan meminta dia berhenti mencintai Aziz. Hj. Abdullah juga sejak dari itu tidak menyukai setiap tindakan yang diambil oleh Aziz begitu juga Aziz yang tidak menyukai setiap tindakan yang diambil oleh Hj. Abdullah dan mereka sering tidak sependapat sehingga dia hadir ke rumah Aziz. Hj. Abdullah juga menyatakan kepada Mazni yang dia tidak menunjukkan perasaan suka atau sebaliknya di atas sebarang kejayaan Aziz meskipun Aziz pada masa itu memenangi Sayembara Penulisan Cerpen peringkat kebangsaan dan masuk berita dalam surat khabar. Berikut merupakan adegan yang memaparkan babak berkenaan:



Gambar 49: Tangkap layar yang menunjukkan Hj. Abdullah berbual dengan Mazni berkaitan punca hubungan dia dengan Aziz renggang

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 12, minit 17

iii) Konflik watak utama dengan adik-beradiknya

Konflik antara watak utama dengan adik-beradik berlaku dalam novel dan drama ini disebabkan tindakan yang diambil oleh mereka sehingga membuatkan mereka bertikam lidah. Namun begitu, konflik ini tidak berlarutan kerana mereka menyedari yang mereka merupakan adik-beradik dan tidak perlu bergaduh terlalu lama.

Dalam novel, terdapat babak di mana watak utama pulang dengan bapa daripada memancing di Pengkalan Tiram. Dalam babak tersebut, Abang Ramli menunjukkan reaksi muka yang negatif disebabkan kaki bapa terkena kulit siput. Berikut merupakan petikan yang memaparkan adegan tersebut:

Mendengar terkena kulit siput, aku sungguh kesal.
Tetapi Abang Ramli melihat aku penuh kebencian.
Aku tahu sebabnya.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 109)


Dalam drama pula, dipaparkan bagaimana Kakak Limah meluahkan isi hatinya kepada Noriah yang merupakan ibu Kakak Limah semasa membantu ibunya masak untuk menyiapkan makanan tengah hari. Kakak Limah mengatakan dia terasa hati dengan Aziz disebabkan Aziz dikatakan ingin menderma penghawa dingin kepada masjid baharu mereka namun tiga bulan yang lalu Aziz mengatakan dia tidak mempunyai wang untuk membantu Kakak Limah membayar duit tuisyen Badariah. Kakak Limah juga berpendapat Aziz merupakan seorang pekerja tetap maka seharusnya dia mampu untuk menyumbang. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi berkenaan:



Gambar 50: Tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah sedang berbual dengan Noriah tentang kemampuan Aziz memberikan penghawa dingin kepada Aziz

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 4, minit 9:30

Selain itu, dalam drama juga, terdapat adegan yang memaparkan Kakak Limah marah sangat dengan Aziz disebabkan kecuiaan Aziz yang membawa Hj. Abdullah pergi memancing sehingga Hj. Abdullah jatuh bot lalu dimasukkan ke hospital kerana tidak sedarkan diri. Kakak Limah juga tidak akan memberikan Aziz menjaga Hj. Abdullah lagi kerana ini merupakan kali kedua Hj. Abdullah ditimpa malapetaka ketika Aziz menjaganya. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi berkenaan:



Gambar 51: Tangkap layar yang menunjukkan Kakak Limah memarahi Aziz kerana tidak pandai menjaga Hj. Abdullah

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 13, minit 27:30

iv) Konflik adik-beradik watak utama dengan Bapa atau Hj. Abdullah

Dalam novel, terdapat satu adegan yang memaparkan Abang Ramli dan suami Kakak Limah yang tidak hadir untuk makan bersama dengan bapa manakala Kakak Limah dan isteri Abang Ramli tidak menjamu selera dan hanya melihat sahaja kerana loya melihat tangan bapa yang bersisik dan kotor. Berikut merupakan petikan Anita ternampak tangan bapa:

Tiba-tiba Anita meloya dan termuntah:

” Tangan atuk ada sisik, kotor!” Anita menjerit dengan geli-gelemannya. Dia berundur ke belakang sambil menutup mulutnya.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 215)

Manakala ini adalah contoh petikan yang menunjukkan adik-beradik watak utama sudah mengetahui tentang perkara tersebut:

Patutlah abang-abangku tidak mahu datang makan. Patutlah suami Kakak Limah juga tidak datang. Patutlah Kakak Limah, Kakak Piah dan Khomsiah juga teragak-agak hendak makan. Rupa-rupannya mereka loya.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 217)

Namun begitu, dalam drama dipaparkan dengan lebih banyak adegan-adegan yang memaparkan konflik antara Kakak Limah, Abang Ramli dan Abang Ahmad dengan Hj. Abdullah. Sebagai contoh, Kakak Limah terasa hati dengan Hj. Abdullah kerana merasakan ayahnya memaksa Aziz untuk mendermakan penghawa dingin disebabkan dia tidak mahu anak bongsunya itu malu kerana kebanyakan anak kampung yang duduk merantau semuanya memberikan sedekah kepada masjid. Tambahan pula, Kakak Limah merasakan Aziz tidak mampu untuk menyumbangkan penghawa dingin tersebut kerana Aziz tidak mampu memberi wang kepada

Kakak Limah untuk membayar yuran tuisyen Badariah. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi berkenaan:



Gambar 52: Kakak Limah berbual dengan Hjh Noriah tentang kekesalannya terhadap Hj. Abdullah yang mahu menjaga air muka Aziz

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 4, minit 9:40

v) Konflik watak utama dengan isteri dan anaknya

Dalam novel, konflik yang berlaku antara watak utama dan isteri tidak berlaku begitu banyak disebabkan penumpuan konflik lebih kepada antara watak utama dengan bapa atau Hj. Abdullah. Antara konflik yang berlaku antara watak utama dengan isterinya adalah apabila watak utama membawa bapa untuk tinggal di rumah. Isterinya dilihat tidak menyukai ayahnya kerana terdapat satu dalam satu petikan teks dalam novel *Ayahanda* memaparkan isterinya tidak begitu senang dengan perbuatan ayahnya sehingga bertindak di luar dari adab sebagai seorang menantu kepada ayah mentuanya yang ditunjukkan di bawah ini:

“Kau padam lampu bilik pak?”

“Hmmm.”

“Bukankah pak sedang baca Quraan tu?”

“Tapi kita nak tidur.”

Aku lihat isteriku yang mengerekot di sisiku ini seperti seekor sapi betina yang harus disembelih.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 322)

Berdasarkan drama ini, konflik yang tercetus antara Aziz dan Mazni dilihat lebih ketara selepas peristiwa Aziz berkahwin dengan Rahayu. Hal ini disebabkan peristiwa ini diketahui sendiri oleh Mazni semasa menghantar Anita ke kampung untuk menghadiri kursus berkaitan perniagaan. Dia yang kebetulan tertembung dengan Aziz yang baru pulang dari akad nikah mengamuk setelah mengetahui Aziz berkahwin dengan wanita yang lain. Mazni yang tidak boleh menerima keadaan terus membawa diri ke Sungai Petani untuk mengurangkan kemarahannya di sana. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi di atas:



Gambar 53: Tangkap layar ini menunjukkan Mazni yang kebetulan tertembung dengan suaminya bersama-sama isteri barunya dan Hj. Abdullah ketika baru pulang dari Songkla, Thailand

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 12, minit 2:50

Malah, wujud juga konflik yang lain seperti Aziz menipu Mazni bahawa dia mempunyai rakan yang bernama Jamil yang bekerja sebagai tukang pembersih di Arab Saudi yang menjadi pekerja di kedai Mak Teh Kiah dan ini menjadi punca mengapa Aziz lambat masuk ke dalam kereta kerana berbual dengan dia. Hakikatnya, Aziz cuba berselindung dari isterinya yang dia sedang berbual dan bertanya khabar dengan Rahayu yang merupakan kekasih lamanya. Hal ini merupakan bibit-bibit awal kepada

permulaan konflik antara mereka berdua. Berikut merupakan adegan yang memaparkan keadaan di atas:



Gambar 54: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni bertanya kepada Aziz berkaitan Jamil

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 14:40

Konflik ini bertambah buruk apabila Mazni sanggup mencederakan tangan Aziz gara-gara kecewa dengan perbuatan Aziz yang berkahwin dua ketika mereka berada di dapur. Perbuatan ini berlaku disebabkan Mazni sudah 'naik hantu' dengan Aziz kerana dia merasakan Aziz sudah tidak menyayangi dia lagi. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi berkenaan:



Gambar 55: Tangkap layar yang menunjukkan Mazni mencedarakan Aziz dengan menggunakan kaca yang pecah daripada pinggan yang dibalingnya

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021). Episod 12, minit 39:20

vi) Konflik watak utama dengan bekas kekasih

Konflik ini tidak wujud dalam novel *Ayahanda* namun konflik ini dicipta dalam drama *Ayahanda* atas tujuan menyeronokkan cerita dan mewujudkan lebih banyak konflik dengan ramai pihak berbanding dalam novel yang menumpukan kepada watak bapa sahaja. Namun begitu, pengkaji melihat konflik ini menjadi konflik utama dalam drama kerana konflik ini memainkan peranan penting dalam mewujudkan konflik-konflik baharu yang lain dalam drama ini. Hal ini disebabkan melalui konflik ini wujud beberapa penambahan konflik yang tidak terdapat dalam novel seperti konflik antara Hj. Abdullah dengan Rahayu dan beberapa konflik yang lain. Penulis skrip menambah adegan ini agar sesuai dengan drama masa kini yang mempunyai unsur konflik romantik dalam mana-mana drama.

Konflik ini bermula apabila Aziz bertemu kembali dengan Rahayu ketika Rahayu menghantar Hj. Abdullah ke masjid untuk menunaikan solat zuhur selepas mendapat rawatan di klinik bersama-sama dengan Usin. Rahayu merupakan bekas kekasih Aziz pada masa dahulu sebelum Aziz berkahwin dengan Mazni. Selepas kejadian itu, Aziz lebih kerap pulang ke kampung dan sering berjumpa dengan Rahayu di kedai runcit Mak Teh Kiah. Hal ini menyebabkan cinta berputik kembali dan Aziz bercadang untuk melamar semula Rahayu sebagai isteri. Konflik demi konflik muncul apabila Aziz sering mengacau Rahayu dengan bersembang melalui mesej dan sering datang ke kedai apabila pulang ke kampung serta membeli pekasam secara pukal untuk dijual kepada rakan-rakan termasuk memaksa

Mazni untuk menjual pekasam kepada rakan-rakannya. Akhirnya, mereka berkahwin di Songkla, Thailand dengan dibantu oleh Hj. Abdullah.

vii) Konflik bapa atau Hj. Abdullah dengan emak atau Noriah

Dalam drama, wujud konflik antara Hj. Abdullah dengan Noriah semasa mereka berdua dalam hospital apabila Hj. Abdullah marah kepada Noriah kerana meninggikan suara kepada dia. Sebelum itu, Hj. Abdullah terus menerus bertanya kepada Noriah sehingga menyatakan Noriah ini nyanyuk atau kuat pelupa kerana tidak mengetahui di mana Masjid Kampung Kubang dan tiada apa-apa penghabaran berkaitan perkembangan pembinaan masjid baharu. Hj. Abdullah merisaukan ahli jawatankuasa menutup masjid tersebut dan dinafikan oleh Noriah. Selepas Noriah di marah oleh Hj. Abdullah, Noriah terasa hati lalu keluar dari wad dan membawa diri menuju ke wadnya sambil dipanggil-panggil oleh Hj. Abdullah dan dilihat oleh Lebai Kasim. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi berkenaan:



Gambar 56: Tangkap layar yang menunjukkan Noriah meninggalkan Hj. Abdullah sambil diperhati oleh Lebai Kasim yang kebetulan ingin melawat Hj. Abdullah

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 4, minit 22:50

viii) Konflik Rahayu dengan Hj. Abdullah

Konflik ini tercipta disebabkan pengarah menambah watak baharu dalam drama dan tidak terdapat watak tersebut dalam novel seperti yang diterangkan di atas. Konflik ini tercetus akibat percintaan antara Rahayu dengan Aziz. Hj. Abdullah sangat marah dengan Rahayu kerana menjadi punca Aziz gagal mencapai kejayaan pada ijazahnya. Oleh sebab itu, terdapat satu adegan yang memaparkan Hj. Abdullah pergi ke restoran tempat kerja Rahayu untuk menasihatkan Rahayu agar meninggalkan Aziz. Berikut merupakan adegan yang memaparkan Rahayu terimbas kembali perbualan Hj. Abdullah dengan dirinya di tempat kerjanya dulu:



Gambar 57: Tangkap layar yang menunjukkan Hj. Abdullah berbual dengan Rahayu yang merupakan imbas kembali Rahayu pada masa dahulu

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 3, minit 2:30

Tambahan pula, Rahayu merupakan janda anak satu maka Hj. Abdullah mempersoalkan Rahayu mengapa tidak mencari individu yang lebih kaya untuk dia berkahwin memandangkan Aziz pada ketika itu tidak mempunyai wang untuk menanggung Rahayu apatah lagi ingin berkahwin. Namun begitu, konflik ini berjaya dileraikan dengan Hj. Abdullah memohon maaf kepada Rahayu kerana mengatakan perkara yang tidak sepatutnya dan menjadi punca Aziz putus dengan Rahayu. Oleh hal yang demikian, Hj.

Abdullah membantu Aziz dan Rahayu untuk menikah di selatan Thailand bagi menebus kesilapan yang lalu.

ix) Konflik adik-beradik dengan masyarakat kampung

Terdapat juga konflik adik-beradik watak utama dengan masyarakat kampung. Dalam novel, terdapat beberapa konflik yang wujud melibatkan konflik di atas. Sebagai contoh, selepas kematian emak watak utama, bapa dilihat bermastautin di masjid terutama pada bulan puasa dan tidak pulang ke rumah. Hal ini menyebabkan masyarakat kampung memadang serong kepada keluarga watak utama kerana ayah mereka dilihat dibiarkan di masjid dan tidak tinggal di rumahnya. Berikut merupakan petikan teks yang menunjukkan situasi di atas:

... Orang kampung menganggap kami anak beranak telah mengabaikan bapa. Orang mungkin tuduh kami tidak bertanggungjawab, tidak peduli orang tua...

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 236)

Namun begitu, orang kampung pada dasarnya tidak memahami nasib yang dialami oleh anak-beranak bapa yang terpaksa menerima seorang ayah yang mempunyai ego yang tinggi. Ini merupakan kesan apabila seseorang pemerintah itu mempunyai ego yang tinggi maka perkara ini memberi kesan kepada orang sekeliling dan mereka terpaksa menghadap cemuhan dan pertikaian daripada orang lain.

4.2.4 Konflik Agama

Pada pendapat Weber (1920), konflik agama sering tercetus disebabkan wujud pertikaian dalam ahli kumpulan agama yang menginginkan perubahan demi perubahan dalam pergerakan kumpulan agama mereka sehingga berlaku protes disebabkan keselesaan ketua kumpulan dengan cara lama dalam mengamalkan tatacara kehidupan agama. Oleh itu, terdapat beberapa pecahan konflik agama yang dibahagikan kepada beberapa bahagian.

i) Konflik agama berkaitan tenaga pengajar agama

Konflik ini tercetus dalam kedua-dua karya iaitu novel dan drama disebabkan ketidakpuashati jemaah masjid terhadap kualiti pengajaran dan penggunaan kitab yang digunakan oleh bapa dan Hj. Abdullah. Mereka merasakan bapa kepada watak utama ini tidak relevan dengan pengajaran agama pada masa kini. Maka, terdapat beberapa peristiwa berkaitan konflik ini. Sebagai contoh, penduduk kampung turut mengurut dan meminta agar tenaga pengajar agama yang merupakan bapa dapat ditukar kepada orang yang lebih muda. Hal ini disebabkan guru agama yang lebih muda akan menggunakan teknik pengajaran dan kitab agama yang lebih moden. Berikut merupakan petikan yang memaparkan keadaan itu:

Khomsiah juga memberitahu, sudah ada usul daripada beberapa orang supaya dicari sahaja seorang guru agama muda yang pengajarannya agak moden.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 70)

Jemaah masjid mengambil tindakan sedemikian rupa disebabkan mereka merasakan watak bapa merupakan individu yang telah lanjut usia dan kaedah pengajarannya sama dengan usianya pada masa itu. Berikut

merupakan petikan yang mengahangatkan lagi konflik yang berlaku antara masyarakat dengan watak bapa dalam novel *Ayahanda* yang menyebabkan mereka berfikir untuk mengambil tenaga pengajar yang baru dan segar:

Ada seorang dua anak muda yang rajin berjemaah waktu maghrib dan isyak bersungut yang bacaan kitab bapa masih ditakuk lama. Tidak ada tafsiran baru, kolot dan cara tua.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997:37)

Namun begitu, disebabkan watak bapa terus-menerus mengabaikan desakan mereka menyebabkan konflik ini terus berlanjutan sehingga mempengaruhi kehadiran jemaah ke masjid tersebut. Berikut merupakan petikan yang memaparkan lanjutan konflik agama ini:

Dalam keadaan daif itu bapa terus membaca *Matla' al-Badrain*. Bapa baca setengah muka sahaja. Tetapi bapa hairan, anak jemaah tidak lagi seramai dahulu. Yang tinggal cuma lima enam orang yang sudah tua, yang setia pada masjid.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 28)

Dalam drama, terdapat usul untuk meminta Hj. Abdullah untuk melepaskan jawatan sebagai tenaga mengajar agama oleh geng-geng Mat Rejab. Hal ini disebabkan mereka tidak tahan dengan cara Hj. Abdullah mengajar yang masih menggunkan kitab lama dan tidak mahu menukarnya kepada kitab yang baru. Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi di atas:



Gambar 58: Tangkap layar yang menunjukkan Mat Rejab dan rakan-rakan mengusulkan pertukaran guru agama yang baharu

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 6, minit 36:50

ii) Konflik agama berkaitan jurunikah

Dalam novel, selain bapa menjadi imam dan guru agama, bapa juga merupakan seorang jurunikah atau tok kadi. Semasa bapa menjadi jurunikah, terdapat konflik antara bapa dengan masyarakat kampung yang berlaku disebabkan tindakan dan kaedah bapa untuk menikahkan orang kampung. Sebagai contoh, sekiranya bapa dipanggil untuk menikahkan pasangan pengantin, pasangan pengantin tersebut harus dinikahkan di masjid dan tidak boleh di rumah. Jika pengantin berdegil ingin menikah di rumah, bapa tidak akan menikahkan pasangan pengantin tersebut. Berikut merupakan petikan yang menunjukkan konflik di atas:

Pernah sekali pihak lelaki mendesak bapa supaya datang ke rumah untuk melakukan akad nikah. Bapa menolak. “Tak tahu fungsi masjid!” jerkah bapa. Akhimya, pihak lelaki mengalah. Semua talam dan hidangan diusung ke masjid.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 237)

iii) Konflik agama berkaitan rumah ibadat

Konflik ini juga wujud dalam novel dan drama *Ayahanda* dan konflik ini dicetuskan oleh penduduk kampung kerana merasakan masjid yang mereka gunakan untuk solat fardu dan solat jumaat ini telah uzur dan bakal roboh. Dalam novel, pemberontakan tersebut hanya berlaku dalam mimpi emak watak utama sahaja namun dalam drama beberapa individu yang memprotes penggunaan masjid tersebut berlaku secara realiti.

Dalam drama, pemberontakan ini dilihat begitu ketara apabila geng-geng Majid meminta supaya masjid yang sedia ada ditutup kerana sudah uzur dan meminta jemaah supaya berpindah ke masjid kampung sebelah yang masih lagi berada dalam kariah mereka. Berikut merupakan situasi yang menunjukkan situasi di atas:



Gambar 59: Tangkap layar menunjukkan Mat Cin mencadangkan supaya masyarakat kampung mendirikan solat di masjid kampung sebelah

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 1, minit 28

Mereka meminta sedemikian rupa kerana mereka melihat golongan atasan tidak akan membantu mereka lagi dan langkah paling tepat diambil oleh mereka adalah mencadangkan pemindahan pusat mendirikan sembahyang. Mereka juga menyatakan perkara tersebut kerana bimbang

masjid tersebut akan roboh ketika mereka sedang mendirikan solat. Berikut merupakan adegan yang menyatakan pernyataan di atas:



Gambar 60: Tangkap layar yang menunjukkan Mat Cin memberitahu bahawa peruntukan yang mereka mohon untuk banyak kali itu tidak diluluskan oleh pihak kerajaan

Sumber: Drama *Ayahanada* (2021), Episod 1, minit 28:10

iv) Konflik agama melibatkan perkahwinan

Konflik ini turut terdapat pada novel dan drama *Ayahanada* namun dengan olahan yang berbeza. Dalam novel, watak bapa masih menikahkan watak utama cuma ini merupakan pernikahan yang terakhir sebelum watak bapa meletakkan jawatan manakala dalam drama, Hj. Abdullah membawa Aziz dan pasangan menikah di Selatan Thailand disebabkan dirinya telah meletakkan jawatan sebagai jurunikah. Namun, persamaan konflik antara novel dan drama ini ialah keberanian Hj. Abdullah atau watak bapa mengambil risiko untuk tidak mendapatkan kebenaran daripada Pejabat Agama dan Majlis Agama Islam. Dalam novel, watak bapa menikahkan watak utama tanpa mendapatkan kebenaran Pejabat Agama. Dalam drama pula, Hj. Abdullah membawa anak bongsunya dan Rahayu ke Songkla, Thailand untuk dinikahkan di sana disebabkan tidak mendapat kebenaran

dari isteri pertama. Berikut merupakan petikan yang memaparkan konflik agama yang wujud dalam novel:

Bapa bertindak sebagai jurunikah. Nampaknya bapa cukup berani menghadapi risiko. Maklumlah, menjadi jurunikah kepada lelaki yang sepatutnya mendapat kebenaran daripada Pejabat Agama.

(Azizi Hj. Abdullah, tahun 1997: 245)

Berikut merupakan tangkap layar yang memaparkan adegan berkaitan isu ini dalam drama *Ayahanda* yang dianggap sebagai perbuatan yang melanggar undang-undang kerana apabila ingin mendaftarkan perkahwinan mereka maka mereka perlu membayar denda:



Gambar 61: Aziz, Rahayu dan Hj. Abdullah melakukan upacara pernikahan di salah satu masjid di Songkla, Thailand

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 11, minit 34

v) Konflik agama di rumah

Pembincangan konflik ini tidak menumpukan kepada watak utama semata-mata namun perbincangan konflik ini dilihat secara keseluruhan watak bagi kedua-dua karya. Dalam drama dipaparkan bagaimana terdapat konflik agama di rumah yang mana Aziz tidak mempunyai Al-Quraan di rumah dan buktinya ketika Hj. Abdullah bertanya sama ada mereka mempunyai Al-Quraan atau tidak mereka hanya mampu terdiam sahaja

yang membawa maksud mereka tidak mempunyai Al-Quraan dalam rumah.

Berikut merupakan adegan yang memaparkan situasi berkenaan:



Gambar 62: Tangkap layar yang menunjukkan Aziz hanya mampu berpandangan dengan anaknya apabila Hj. Abdullah bertanya berkaitan Al-Quraan di rumah

Sumber: Drama *Ayahanda* (2021), Episod 13, minit 18:30

4.3 Kesimpulan Bab

Secara keseluruhannya, konflik-konflik yang dianalisis ini menunjukkan bahawa terdapat persamaan dan perbezaan konflik yang ditampilkan dalam kedua-dua karya. Pengadaptasian yang dilakukan oleh penulis skrip dan pengarah dilihat sangat baik kerana berlaku penyesuaian dan penyusunan plot yang baik dan lebih mudah faham. Penambahan konflik-konflik yang terdapat dalam drama dilihat tidak begitu canggung dan selari dengan jalan cerita yang terdapat dalam novel. Namun begitu, tujuan konflik-konflik baru dicipta dalam drama disebabkan konflik tersebut sedang berlaku pada masyarakat masa kini yang dilihat mampu memberi kesan kepada penonton pada masa kini. Rumusnya, konflik-konflik yang dianalisis dalam kedua-dua karya merupakan konflik yang dapat memberi pengajaran kepada masyarakat.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan Bab

Dalam bab ini, pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan mengenai kajian yang telah dijalankan berkaitan konflik masyarakat dalam drama *Ayahanda* dan novel *Ayahanda*. Pengkaji akan memecahkan bab ini kepada dua bahagian iaitu rumusan secara keseluruhan kajian dan cadangan kajian. Akhir sekali, pengkaji akan membuat rumusan kecil kepada bab ini berdasarkan daripada dua perkara yang dibincangkan dalam bab ini.

5.1 Kesimpulan Kajian

Secara ringkasnya, konflik-konflik masyarakat dalam kedua-dua karya telah berjaya dikeluarkan dan dianalisis dengan menggunakan teori konflik kepunyaan Max Weber. Konflik-konflik yang dikeluarkan tersebut telah dikelaskan kepada empat jenis konflik iaitu konflik politik, konflik ekonomi, konflik sosial dan konflik agama. Kaedah kualitatif deskriptif merupakan reka bentuk kajian yang sesuai digunakan dalam menghasilkan kajian berkaitan teks dan kandungan filem disebabkan tidak menggunakan responden atau analisis berasaskan nombor seperti kaedah kuantitatif.

Selain itu, kaedah kajian yang telah digunakan seperti kaedah kepustakaan dan carian internet telah membantu pengkaji mencari definisi, maklumat tambahan berkaitan kajian konflik dan kajian-kajian berkaitan drama dan novel *Ayahanda* serta data-data berkaitan kajian yang seharusnya didapati oleh pengkaji. Malah, penggunaan dua jenis analisis iaitu analisis teks dan analisis kandungan filem memudahkan pengkaji mencari dan mengenal pasti konflik-konflik yang terkandung dalam kedua-dua karya dengan jayanya.

Setiap permasalahan yang dikemukakan dalam kajian ini telah berjaya diatasi dan dikenal pasti jalan penyelesaiannya dengan menggunakan objektif kajian berdasarkan novel dan drama yang menghuraikan pelbagai konflik masyarakat yang berlegar dalam sosiobudaya masyarakat pada hari ini. Pada dasarnya, permasalahan yang disenaraikan di permasalahan kajian merupakan konflik masyarakat yang timbul dalam novel dan drama *Ayahanda* yang turut berlaku pada era ini. Maka, dengan menggunakan objektif kajian sahaja sudah cukup untuk menyelesaikan setiap permasalahan yang telah disenaraikan pada bab 1.

5.2 Cadangan Kajian Kepada Pelbagai Pihak

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan secara ringkas namun padat berkaitan cadangan-cadangan yang bersesuaian berkaitan penghasilan karya yang mengangkat permasalahan masyarakat yang sering timbul pada masa kini. Cadangan-cadangan ini merupakan pandangan peribadi pengkaji terhadap pihak-pihak bertanggungjawab agar memastikan karya-karya yang dihasilkan pada masa kini mampu mendidik masyarakat dan bukan sekadar memberi hiburan semata-mata. Dilampirkan di bawah cadangan-cadangan yang bersesuaian berkaitan isu yang dibawa oleh pengkaji.

5.2.1 Cadangan Kepada Orang Awam

Orang awam merupakan kelompok utama yang memainkan peranan utama dalam mengangkat dan membawa bidang kesusasteraan terutama kesusasteraan Malaysia di peringkat tempatan dan antarabangsa. Hal ini disebabkan orang awam merupakan ejen yang membantu para penulis sastera dan para penggiat seni yang membawa sastera tulisan ke dalam bentuk visual untuk dipromosikan karya tersebut kepada sesama masyarakat Malaysia dan seterusnya mempromosikan karya-karya tersebut kepada masyarakat antarabangsa untuk dibaca dan

ditontonkan oleh masyarakat luar menggunakan pelbagai platform. Sebagai contoh, orang awam menceritakan pengalaman dan kritikan membaca dan menonton sesebuah karya adaptasi tempatan tersebut lalu mereka menghebahkan perkara tersebut menggunakan media sosial seperti *Facebook*, *Tiktok* dan *X*. Oleh yang demikian, karya-karya sastera yang bertemakan konflik masyarakat khususnya karya yang mengalami pengadaptasian dari novel kepada layar perak lebih memudahkan mereka memahami jalan cerita tersebut disebabkan karya yang mereka baca tersebut dipersembahkan ke dalam bentuk video atau audio.

Penggunaan media sosial juga berperanan sebagai platform mempromosikan karya sastera tersebut dilihat dapat menyedarkan masyarakat yang lain tentang peri pentingnya pembacaan dan penontonan karya-karya berkualiti tinggi yang mampu memberi mesej dan peringatan kepada masyarakat secara keseluruhan tentang kesilapan perbuatan mereka dalam hidup bermasyarakat. Hal ini juga dapat membantu penulis-penulis yang mengangkat tema masyarakat untuk terus dibaca oleh orang awam dan diadaptasi ke dalam bentuk layar perak bagi menarik minat orang awam untuk menyokong dan meminati karya-karya bukan picisan. Oleh itu, penyebaran kritikan dan pengalaman membaca karya sastera yang berkualiti di media sosial merupakan suatu cadangan yang bernas dari pengkaji kepada orang awam.

5.2.2 Cadangan Kepada Pihak Kerajaan

Pihak kerajaan merupakan badan yang turut penting dalam mengangkat karya-karya bertemakan masyarakat ini di peringkat tempatan dan peringkat antarabangsa. Sewajarnya, pihak kerajaan melalui Kementerian Komunikasi Malaysia mengarahkan agensi-agensi di bawah kementerian mereka seperti Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) memberikan bantuan kepada

penggiat seni tanah air yang ingin mengadapatasi karya-karya sasterawan khususnya Sasterawan Negara atau Negeri. FINAS boleh membantu penggiat seni tanah air dengan memberikan kemudahan peralatan penggambaran filem termasuk membenarkan sewaan alat pos produksi, editing, audio suite, grafik suite dan sebagainya kerana terdapat sesetengah produksi tidak mempunyai wang yang banyak untuk membeli peralatan tersebut. Sementara itu, FINAS juga boleh membantu syarikat penerbitan filem yang ingin membikinkan filem atau drama siri yang mengadapatasi karya berkualiti tempatan dengan memberikan modal dalam bentuk geran kepada produksi tersebut disebabkan tidak semua syarikat penerbitan mempunyai modal yang banyak untuk menghasilkan sesebuah filem atau drama siri.

Selain itu, pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertanggungjawab melahirkan modal insan yang kreatif dan imaginatif terutama dalam menghasilkan karya-karya sastera moden seperti cerpen dan novel. Oleh hal yang demikian, KPM berperanan mengembangkan bidang sastera di peringkat sekolah bagi memupuk minat murid agar aktif dalam bidang penulisan sastera dan seterusnya mewujudkan lebih ramai penulis muda. Pihak kerajaan sewajarnya mengembangkan silibus pembelajaran Komponen Sastera (KOMSAS) ke peringkat sekolah rendah agar mereka mengetahui serba sedikit tentang sastera melalui penggunaan genre sastera kanak-kanak yang kandungannya lebih ringan namun padat dengan informatif. Di bawah silibus KOMSAS juga, murid-murid seharusnya didedahkan tentang tokoh-tokoh Sasterawan Negara dan diajar dengan lebih mendalam tentang peribadi mereka bagi memupuk minat kanak-kanak agar dapat berkecimpung dalam dunia penulisan. Sementara itu, KPM juga seharusnya mengadakan pertandingan

menulis cerpen atau novel dan memberikan hadiah yang lumayan kepada para pemenang.

Akhir sekali, pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) seharusnya mengambil langkah serius bagi memupuk keseluruhan graduan tanpa mengira bidang yang mereka ceburi untuk bergiat aktif dalam bidang kesusasteraan. Pihak KPT perlu mengadakan pertandingan mencipta video berdasarkan karya-karya berkualiti tinggi tempatan terutama pelajar-pelajar yang terlibat dalam bidang multimedia bagi menangkis kenyataan yang mengatakan bidang kesusasteraan yang terhad pada bidang tertentu sahaja. Sementara itu, pihak KPT juga boleh mengadakan pertandingan mencipta pantun atau puisi khusus kepada para pelajar yang mengambil bidang sains bagi membawa ruang sastera meliputi bidang sains yang sebenarnya penting juga dipelajari oleh para pelajar yang menceburi bidang sains kerana sastera merupakan khazanah tempatan yang perlu dipelajari oleh semua lapisan masyarakat. Pihak KPT juga seharusnya memberi suntikan modal berbentuk geran kepada para pelajar yang ingin menghasilkan filem atau drama pendek yang diadaptasi dari karya-karya Sasterawan Negara khususnya untuk diwujudkan dan ditayangkan di mana-mana platform.

5.2.3 Cadangan Kepada Pihak Industri

Pihak industri juga tidak ketinggalan dalam menyemarakkan lagi dunia kesusasteraan Malaysia sama ada di peringkat domestik mahupun peringkat antarabangsa secara keseluruhannya. Malaysia telah mempunyai badan industri tunggal yang mengelola, menerbitkan dan merencanakan lagi aktiviti penghasilan karya sastera di peringkat tempatan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Pihak DBP sewajarnya menggiatkan lagi usaha menonjolkan karya-karya sastera

khususnya karya bertemakan konflik masyarakat agar karya-karya bertemakan romantis, sains fiksyen dan seram tidak menenggelamkan karya-karya yang membawa tema masyarakat. Hal ini disebabkan pada masa kini karya-karya picisan masih menjadi karya pilihan pada senarai pertama pembaca-pembaca karya novel bagi semua peringkat umur khususnya golongan wanita. Usaha yang seharusnya dilakukan oleh pihak DBP dalam membawa karya sastera bertemakan konflik masyarakat di tempat yang sebetulnya ialah melakukan promosi secara berkala karya-karya bertema masyarakat ini tanpa mengurangkan royalti kepada pihak penulis karya sastera ini. Hal ini disebabkan terdapat sekelompok pembaca karya sastera bertema seperti ini datang dari golongan yang tidak berkemampuan. Maka, mereka memerlukan bahan bacaan yang murah namun mampu memberi pengetahuan kepada mereka. Sementara itu, pihak DBP juga sepatutnya menggunakan media sosial untuk mempromosi karya-karya yang baru dihasilkan oleh penulis-penulis karya yang baru diterbitkan karya mereka oleh pihak DBP dengan lebih kerap. Hal ini disebabkan pihak DBP banyak lebih menumpukan kepada berita-berita berkaitan kegiatan yang dijalankan oleh pihak mereka berbanding mempromosikan karya tersebut dengan kadar kekerapan yang tinggi.

Selain itu, syarikat-syarikat televisyen tempatan seharusnya menerima drama atau filem yang diadaptasi dengan karya sastera dengan lebih kerap dan dibayar dengan harga yang lebih tinggi berbanding karya yang diadaptasi dari novel picisan. Hal ini disebabkan syarikat-syarikat televisyen lebih berminat menayangkan drama-drama yang diadaptasi dari novel-novel picisan. Perkara ini akan membantutkan usaha untuk menonjolkan karya sastera yang berkualiti kepada khayalak kerana karya sastera merupakan karya yang dapat menyedarkan masyarakat tentang konflik yang mereka alami pada masa kini. Sementara itu,

syarikat-syarikat televisyen juga sewajarnya berkolaborasi dengan mana-mana syarikat penerbitan untuk mengadaptasi karya-karya sasterawan seperti novel *Tulang-Tulang Bersekarakan* karya Usman Awang untuk dibawa ke layar perak dan diterbitkan dalam bentuk filem atau drama siri untuk disiarkan secara langsung di televisyen agar dapat menarik minat orang ramai untuk membaca karya tersebut dan menonton karya-karya yang lebih baik temanya berbanding tema percintaan.

5.2.4 Cadangan Kepada Pengkaji-Pengkaji Lain

Para pengkaji lain juga merupakan kelompok sarjana yang membantu perkembangan karya sastera melalui kajian yang dijalankan oleh mereka terhadap sesebuah karya sastera sama karya tersebut dalam bentuk tulisan seperti puisi, cerpen atau novel mahupun karya yang telah diadaptasi dalam bentuk visual seperti drama siri atau novel. Para pengkaji lain seharusnya menghasilkan kajian berkaitan konflik masyarakat yang terdapat dalam novel *Ayahanda* atau drama *Ayahanda* dengan lebih aktif disebabkan pada masa kini para pengkaji kurang berminat untuk menghasilkan kajian berkaitan karya tersebut. Asalkan, karya ini sangat bermutu tinggi dari segi bahasa, plot dan pembinaan karakter yang seharusnya para pengkaji melakukan penelitian secara spesifik tentang karya tersebut. Sekiranya kajian berkaitan novel ini dikaji dengan aspek yang lain, pengkaji percaya para pengkaji yang lain akan melihat kehebatan Azizi Hj Abdullah dan Ahmad Tarmimi Siregar dalam menulis karya dan mengolah karya ini dengan baik sekali sambil dibantu oleh penulis skrip yang membantu mewujudkan sebuah drama yang baik dan berkesan kepada masyarakat. Dengan penghasilan kajian ini, terdapat pelbagai bahan rujukan akan dilihat kepada pengkaji lain.

5.3 Rumusan Bab

Secara ringkasnya, diharapkan kajian ini mampu memberikan manfaat yang besar kepada semua individu, masyarakat dan pihak berkepentingan untuk memberi sokongan kepada penulis tempatan dan penerbit filem atau drama siri tempatan untuk terus mengangkat karya sastera berkualiti tinggi ke layar perak agar masyarakat dapat mengambil iktibar daripada kandungan yang ingin disampaikan oleh penulis dan pengarah karya tersebut untuk mengubah sikap dan tatacara kehidupan bermasyarakat. Novel *Ayahanda* dan drama *Ayahanda* merupakan karya yang saling berhubung antara satu sama lain dan berdasarkan pengaplikasian Teori Konflik yang dikembangkan oleh Max Weber menunjukkan terdapat persamaan konflik dan penambahan konflik baru yang diadaptasi dan diwujudkan dari novel kepada drama. Penggunaan *intermediate adaptation* oleh pengarah drama ini membuatkan jalan cerita yang dihasilkan lebih menampakkan keaslian meskipun terdapat beberapa plot baru diwujudkan bagi menambah perencah keseronokan pada cerita tersebut terutama dalam konflik-konflik masyarakat yang diambil dari karya asal dan penciptaan.

Konflik-konflik yang ditampilkan dan dipertontonkan di kedua-dua karya seharusnya dijadikan iktibar pada masyarakat agar tidak terus-menerus terlibat dalam belenggu konflik tersebut sebaliknya keluar daripada konflik tersebut dengan jalan penyelesaian yang terbaik. Sesungguhnya, kajian ini ingin menyarankan masyarakat agar membentuk sebuah masyarakat yang aman dan harmoni dan bijak dalam hidup dengan ahli masyarakat.

RUJUKAN

- Azizi Hj. Abdullah. (1997). *Ayahanda*. Creative Enterprise Sdn. Bhd
- Cambridge University Press. (n.d.). Upcycling. In *Cambridge dictionary*. Retrieved November 10, 2023, from <https://dictionary.cambridge.org/us/dictionary/english/upcycling>
- Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi Keempat). (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gary Yukl. (2002). *Leadership in organizations*, Prentice Hall, 5th ed.
- Max Weber. (2007). *The protestant ethic and the spirit of capitalisme*. Oxford University Press.
- Max Weber. (2021). *Basic concepts in sociology*. Hassel Street Press.
- Max Weber. (1993). *The sociology of religion*. Beacon Press
- Max Weber. (2015). *Weber's rationalism and modern society*, tr. and ed. Tony Waters and Dagmar Waters (New York: Palgrave Macmillan); as "Politics as Vocation"
- Peter Worsley. (1970). *Introducing sociology*. Penguin Books.
- R. Plummer. (1983). *Life span development psychology: Personality and socialization*. Academic Press.
- Robert Stam. (2017). *Film theory: An introduction*. John Wiley & Sons.
- Abdullah Zawawi Mohd Hairani & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2011). Melampaui sempadan penyelidikan sastera: Satu perbincangan berdasarkan Senja Belum Berakhir karya Azizi Haji Abdullah. *International Journal of the Malay World and Civilization*, 29(2), 83-108.
- Aina Syafiqah Karim. (2021). Citra wanita dalam Harga Sebuah Maruah Karya Azizi Haji Abdullah aplikasi kritikan feminisme. Tesis Projek Akhir, Universiti Malaysia Kelantan.
- Aziyah Abu Bakar. (2015). Komunikasi keluarga dan pengurusan konflik: Dari persepektif remaja Melayu. *Jurnal Pengajian Media Malaysia:Kolej Poly-Tech MARA*, 17(1), 11-28.
- Che Abdullah Che Ya. (2015). Bayangan wacana politik dalam karya sastera: Analisis novel Kawin-Kawin. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 461-176.
- Faziela Abu Bakar @ Che Din & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Unsur konflik dalam novel remaja terpilih (element of conflicts in the selective teenager novel). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(1), 52-63.
- John W. Creswell. (2012). *Educational research: planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Pearson.
- Maghfirotul Humaidiyah. (2021). *Konflik sosial dalam novel Pulang karya Tere Liye (Kajian Sosiologi Sastera)*. Tesis, Institut Agama Islam Negeri Madura.

- Mohamed Nazreen Shahul Hamid & Md. Salleh Yaapar. (2015). Adaptasi teks Hikayat Merong Mahawangsa kepada filem: Analisis perbandingan unsur naratif. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 201-223.
- Mohamad Yazid Abdul Majid. (2019). 'Etika Profetik' kuntowijoyo Dalam Harga Sebuah Maruah Karya Azizi Haji Abdullah. Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Kedua 2019.
- Musliza Ahmad & Malike Ibrahim. (2014). *Politik organisasi: Punca dan penyelesaian*. In: 1st National Conference on Management and Communications (NCMC) 2014, 15-16 November 2014, Grand Seasons Hotel, Kuala Lumpur.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Aspek dakwah dalam novel Suriati berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*, 32(1), 116-144.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Pendidikan anak-anak menerusi Surah Luqman dalam novel Ayahanda. *Manu Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (Ppib)*, 30, 103-129.
- Norhidayu Kasim. (2006). *Adaptasi novel ke filem: Kajian ke atas kekurangannya di Malaysia*. [Projek Pelajar].
- Noor Salawati Abu Bakar, Zubir Idris & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2021). Perspektif sosio ekonomi masyarakat dalam novel-novel terpilih karya Azizi Abdullah. *Jurnal Melayu Bil. 20 (1) 2021*.
- Nur Azlin Muhammad Hisham. (2021). Penelitian unsur alam dalam novel Suriati karya Azizi Hj. Abdullah: Analisis ekologi. Tesis Projek Akhir, Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Azuki Yusuff. (2015). *Isu dan permasalahan hubungan antara agama di Malaysia kini dan jalan penyelesaiannya*. In: Kursus Perbandingan Agama, 12 Februari 2015, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Institut Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur (ILTIM), Terengganu.
- Nur Farakhanna Mohd Rusli & Noor Syamshida Massa. (2022). Konflik jiwa dalam novel Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck. *Jurnal Peradaban Melayu*, 17(1), 8-18.
- Nurhayati Diyana Musa. (2015). Konflik-konflik dalam drama Shaharom Husain. Disertasi Sarjana., Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Nursham Abdul Aziz. (2015). *Novel-novel terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian intertekstualiti/Nursham Abdul Aziz* (Disertasi kedoktoran, University of Malaya).
- Nurul Hilwany Che Shaffine, Mohd Zariat Abdul Rani, Norazlina Mohd. Kiram & Muhd Zulkifli Ismail. (2020). Konflik percintaan dalam novel Adam Dan Hawa karya Aisya Sofea. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 31(2), 1-1.
- Rini Agustina. (2015). Konflik batin tokoh utama dalam novel Catatan Malam Terakhir karya Firdya Taufiqurrahman. *Jurnal pendidikan bahasa*, 4(2), 253-263.

- Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat @ Mustaffa (2018). Persekitaran kanak-kanak dalam novel Beruk. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1).
- Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi. (2018). *Unsur konflik dalam novel Nenek karya Razali Endun*. *Malay Literature*, 31(1), 124-142.
- Sakinah Harumi Zulhazmi, Nurul Shahirah Muda, Nur Aslinda Mohd Anuar, Nurul Syuhada Roslan, Muhammad Hafiz Zulkifli & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2022). *Prinsip pemilihan kata dalam cerekarama Ayahanda berdasarkan teori konseptual kata kunci*. E-proceeding Webinar Pelestarian Warisan Budaya di Persada Dunia 2022.
- Stephen P. Robbins & Timothy A. Judge. (2008). *Perilaku organisasi edisi ke-12*. Salemba Empat.
- Sudirman Kiffli et. al. (2020). “Konflik dalam Legenda Puteri Saadong” dlm. *International Journal of Creative Futures and Heritage*.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2012). Wanita sebagai objek seks: Penanganannya dalam novel Bila Hujan Malam. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2).
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. (2012). Apabila teori feminis ternyata tidak diperlukan: satu kajian kes. *Gema Online Journal of Language Studies*, 12(4).
- Yusuf Qardawi (2002). *Hukum zakat* (terj. Salman Harun, Didin Hafidhuddin, Hasanudin). Pustaka Litera AntarNusa.
- Ahmad Tarmimi Siregar. (Pengarah). (2021). *Ayahanda* (Drama). Disney+Hotstar.
https://www.hotstar.com/my/shows/ayahanda/1260064734/replaced/1260064905/watch?filters=content_type%3Depisode